

MEMACU PERTUMBUHAN LESTARI

LAPORAN TAHUNAN 2019

Mengenai Johor Corporation

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun menerusi Enakmen Johor Corporation No. 4 1968 (sebagaimana pindaan di bawah Enakmen No. 5, 1995). Sebagai sebuah Konglomerat Negeri, Johor Corporation menerusi syarikat dalam Kumpulannya terlibat dalam bisnes teras merangkumi Perladangan, Kesihatan Pakar, Perkhidmatan Makanan dan Restoran serta Hartanah.

MISI



Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.



Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.



Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.



Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

VISI

MEMBINA & MEMBELA

NILAI TERAS JOHOR CORPORATION 2.0



INTEGRITI

Kami melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, adil dan berlandaskan undang-undang serta prinsip tadbir urus korporat.



PROFESIONAL

Kami komited melaksanakan tugas dengan efisien untuk menghasilkan perkhidmatan cemerlang dan produk berkualiti.



INOVATIF

Kami berpengetahuan, berwawasan, kreatif, berani merintis, responsif dan panjang ikhtiar ke arah misi kesinambungan bisnes Johor Corporation.



SETIA

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen kepada visi dan misi Johor Corporation serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya kepada Johor Corporation.



BERPASUKAN

Kami sekata untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.

LOGO BAHARU UNTUK ERA BAHARU

Melambangkan gerbang yang akan menjadi penghubung kepada masa depan yang penuh **inovasi** dan **berdaya maju**



Identiti jenama baharu Johor Corporation (JCorp) mencerminkan cita-cita, aspirasi dan arah tuju syarikat Kumpulan. Matlamat ini diterjemahkan antara lain menerusi penampilan logo baharu JCorp yang melambangkan **organisasi moden, dinamika** serta **berfikiran ke hadapan**. Ciri utama logo moden dan futuristik ini ialah penggunaan logo taip selain paparan bersih dan kemas serta minimalis bagi menunjukkan identiti JCorp yang baharu.

Huruf 'O' yang berwarna merah merupakan titik tengah yang memberi keseimbangan secara simetri terhadap logo ini. Ia turut melambangkan gerbang yang akan menjadi penghubung kepada masa depan yang penuh **inovasi** dan **berdaya maju**.

Fon yang digunakan adalah **kemas, berani** dan **kukuh** sebagai terjemahan kepada kekuatan dan ketahanan yang semuanya merupakan ciri imej bagi syarikat bertaraf dunia. Logo baharu JCorp ini menggunakan warna rasmi Johor Darul Ta'zim di samping memberi penghormatan kepada akar organisasi dengan mengabadikan warna-warna warisan budaya ketika terus mengorak langkah ke hadapan.

ORGANISASI MODEN, DINAMIKA
SERTA BERFIKIRAN KE HADAPAN

KEMAS, BERANI
DAN KUKUH

KANDUNGAN LAPORAN



PENYATA KORPORAT
PERUTUSAN PENGERUSI



PENYATA KORPORAT
PENYATA KORPORAT



PROSPEK
BISNES
PERLADANGAN



PROSPEK
BISNES KESIHATAN
PAKAR



PROSPEK
BISNES HARTANAH

1. PENYATA KORPORAT

Perutusan Pengerusi	4
Penyata Korporat	6

2. MENGENAI JOHOR CORPORATION

Profil & Maklumat Korporat	13
Struktur Bisnes & Korporat	14
Lembaga Pengarah & Profil	16

3. RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

Penyata Pendapatan Komprehensif	20
Penyata Kedudukan Kewangan	22
Penyata Aliran Tunai	24
Penyata Perubahan Ekuiti	27
Ringkasan Prestasi Kewangan JCorp & Kumpulan (2015-2019)	30

4. PROSPEK

Laporan Ekonomi	32
Bisnes Perladangan	34
Bisnes Kesihatan Pakar	42
Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran	48
Bisnes Hartanah	58
Divisyen Pembangunan Industri	70
Divisyen Pembangunan Bisnes	78
Divisyen Tanggungjawab Korporat	80
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan	88
Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan	92


5. TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat	94
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	99
Laporan Jawantankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah	102



Sila imbas kod QR untuk melayari laman web rasmi Johor Corporation.

PERUTUSAN PENGERUSI



DATUK HAJI HASNI BIN MOHAMMAD

Menteri Besar Johor
Merangkap Pengerusi Johor Corporation

TRANSFORMASI JCORP JAYAKAN AGENDA MAKMUR JOHOR

SEJAK DIBERI AMANAH MEMIMPIN KERAJAAN NEGERI JOHOR, SAYA TELAH MEMBAWA AGENDA MAKMUR JOHOR YANG MEMBERI FOKUS TERHADAP ASPEK PEMBANGUNAN SECARA MENYELURUH SERTA ADIL DEMI KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN RAKYAT.

Dalam usaha merealisasikan pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat, sebuah institusi strategik yang berpengalaman seperti Johor Corporation (JCorp) diperlukan bagi melaksanakan aspirasi berkenaan.

Saya yakin JCorp mampu menjayakan agenda Makmur Johor menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Mampan Johor. Sinergi antara JCorp, Kerajaan Negeri serta agensi yang berkaitan dalam melaksanakan pembangunan Johor mesti terus digembleng.

Johor memerlukan pelan strategik untuk bertindak secara pintar, tangkas dan berstruktur bagi menghadapi era pasca COVID-19.

Kita perlu menyatukan kepakaran, tenaga, fokus dan sumber-sumber lain bagi menyempurnakan sesuatu misi dan mencapai visinya.

Dalam perspektif pembangunan, pelaburan dan kemajuan ekonomi, rakyat tidak harus hanya melihat angka-angka besar, sebaliknya turut serta mengambil bahagian untuk menikmati limpahan kemakmurannya.

Menerusi 34 kawasan perindustrian yang dibangunkan di seluruh negeri, JCorp berjaya menyediakan lebih 220,000 peluang kerja. Ini adalah antara sumbangan besar JCorp dalam merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Johor.

Peranan ini bukan sahaja mesti diteruskan, malah perlu dilipatgandakan menerusi aktiviti pengembangan perniagaan syarikat mahupun pelaksanaan projek-projek pembangunan berkepentingan rakyat yang lain.

PERUTUSAN PENGERUSI



Saya sentiasa memberi sokongan dan kerjasama penuh terhadap langkah-langkah transformasi JCorp yang bermula pada 2020. Transformasi ini mampu membawa JCorp ke aras lebih tinggi di peringkat domestik dan serantau.

Idea untuk melebarkan sayap dengan menyertai perniagaan dan industri berasaskan Revolusi Industri 4.0 juga tidak boleh ditanggukkan.

Internet sebagai platform perniagaan teknologi dan ekonomi digital mesti dimanfaatkan sepenuhnya bagi melahirkan usahawan ekonomi baharu.

Usaha JCorp terus meningkatkan penguasaan pasaran bagi empat teras perniagaannya - perladangan, kesihatan pakar, hartanah serta makanan dan perkhidmatan restoran juga mampu menjana hasil baharu pada masa depan.

Saya juga melihat banyak pencapaian JCorp dalam sektor perladangan, khususnya nanas MD2 jenama *Melita* berjaya memasuki pasaran puluhan negara. Malah, produk hiliran seperti kuih tat, jem, jus dan potongan buah segar mendapat sambutan hangat dalam pasaran.

Kerajaan juga akan memanfaatkan kepakaran JCorp dalam menjayakan misi menanam nanas Del Monte kepada pekebun dan peladang Johor yang mampu memberikan pulangan lumayan.

Saya turut mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden dan Ketua Eksekutif serta barisan Ahli Lembaga Pengarah JCorp yang menerajui kepimpinan baharu konglomerat Negeri Johor ini.

Saya yakin usaha transformasi JCorp akan dicontoh agensi pembangunan dan sayap pelaburan lain kerajaan negeri.

Inisiatif ini mesti hadir dengan idea-idea futuristik, inovasi selain meningkatkan kecekapan tadbir urus, nilai-nilai murni, integriti dan profesionalisme supaya agenda Makmur Johor lebih cepat disempurnakan.

Semoga Allah SWT mempermudah urusan serta memberkati usaha bakti kita.

Johor Corporation
30 Jun 2020

PENYATA KORPORAT

TRANSFORMASI DRASTIK UNTUK KEKAL LESTARI

PELBAGAI PERKEMBANGAN BISNES DAN PENCAPAIAN KORPORAT MEWARNAI JOHOR CORPORATION SEPANJANG 2019. PADA MASA SAMA, INSTITUSI EKONOMI DAN AGEN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR INI BERHADAPAN CABARAN SENGIT DAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH TERTENTU BAGI MEMASTIKAN PERNIAGAAN SYARIKAT KUMPULANNYA TERUS RELEVAN DAN BERDAYA SAING SERTA BERUPAYA KEKAL DI PASARAN. SELAIN ITU, IKLIM POLITIK DAN EKONOMI DUNIA YANG TIDAK STABIL TELAH MEMBERI KESAN TERHADAP KEGIATAN GLOBAL MAHUPUN DOMESTIK.

Di peringkat domestik, Johor Corporation (JCorp) turut terkesan. Antara yang ketara ialah kesan perang ekonomi antara Amerika Syarikat dengan China selain kejatuhan harga komoditi di pasaran dunia khususnya minyak mentah dan minyak sawit mentah. Situasi ini menuntut JCorp melakukan perubahan drastik dalam operasi bisnes dan tadbir urusnya serta keperluan meninjau portfolio baharu untuk menjana perolehan baharu pada masa depan. Tindakan itu perlu bagi membolehkan



DATUK SYED MOHAMED SYED IBRAHIM

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

BISNES UTAMA



Perladangan
MS. 34



Kesihatan Pakar
MS. 42



Hartanah
MS. 58



Makanan &
Perkhidmatan Restoran
MS. 48

JCORP KINI MEMBERI FOKUS DAN MEMPERSIAPKAN ORGANISASI UNTUK MEMASUKI DEKAD-DEKAD BAHARU SEKALI GUS MAMPU MENGANGKAT JCORP KE TAHAP LEBIH TINGGI.

JCorp meneruskan bisnes dan peranan serta kekal di pasaran mahupun keyakinan dalam lingkungan pemegang kepentingannya (*stakeholders*) terus utuh. Terkini, ekonomi antarabangsa terjejas teruk akibat penularan coronavirus (COVID-19) sejak Januari 2020 dan menjadi darurat kesihatan global sekali gus hampir menghentikan nadi ekonomi dan kehidupan komuniti global.

TEROKA BISNES TERAS KELIMA

JCorp kini memberi fokus dan mempersiapkan organisasi untuk memasuki dekad-dekad baharu sekali gus mampu mengangkat JCorp ke tahap lebih tinggi. Bisnes teknologi serta digital sedang diteroka dan dibina untuk dijadikan bisnes teras kelima JCorp bagi menjana perolehan tambahan. Transformasi ini seiring pola dunia yang kini sebuah komputer serta saling berhubung dalam satu sistem yang canggih dan rencam. Lihat perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menyaksikan automasi, dron dan robotik bekerja sekali gus mengambil alih peranan manusia. Aplikasi digital dan teknologi tanpa wayar bagi rangkaian selular generasi kelima (5G) pula menguasai hampir seluruh gaya serta urusan kehidupan santero dunia sekarang.

Bisnes teras kelima ini menuntut JCorp menceburi beberapa bidang yang kami ada kepakaran. Ia meliputi produk

berasaskan inovasi dan harta intelek (IP) termasuk pengurusan operasi dan perindustrian, selain pengurusan tanggungjawab korporat, penubuhan waqaf serta mengkomersialkan modul bisnes dan perkhidmatan tertentu.

Seiring perkembangan ini, syarikat Kumpulan mulai diperkasa dengan pelbagai sistem dan aplikasi teknologi tinggi yang mampu meningkatkan kecekapan pengurusan data dan perkhidmatan selain memacu lagi kelancaran operasi dalam usaha memberikan pengalaman yang baik kepada pelanggan - elemen penting kejayaan bisnes era kini dan akan datang.

Pada masa sama, JCorp terus memperkukuh empat bisnes teras iaitu perladangan, kesihatan pakar, hartanah serta makanan dan perkhidmatan

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN 2019

HASIL

RM6,007 juta

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

RM384 juta

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI

RM295 juta

restoran masing-masing menerusi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare), Johor Land Berhad (JLand) serta QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) supaya kekal dominan, strategik serta relevan di pasaran.



PENYATA KORPORAT

TRANSFORMASI DIRI & MENYUSUN ORGANISASI

JCorp tetap memberi keutamaan tertinggi dalam mengenal pasti risiko di pasaran serta impaknya kepada bisnes dan pemegang kepentingan walaupun ada ketikanya pulangan pelaburan dilihat lumayan. Dalam hal ini, JCorp memasuki 2020 dengan lebih berhati-hati, berstrategik dan kebijaksanaan yang tegas. Semakan semula, pembetulan dan audit dilakukan bagi mengesan kelemahan, kekuatan, potensi mahupun ketirisan dalam memastikan tadbir urus korporat, kewangan, perolehan serta operasi terus melalui proses serta prosedur kawalan masing-masing.

Seiring perubahan dan keperluan baharu, JCorp tidak mengabaikan aspek kemahiran anggota pekerjaannya demi melaksanakan serta menyempurnakan transformasi bagi meletakkan maruah dan status JCorp di atas podium kecemerlangan sekali gus sebagai institusi strategik Johor.

Dalam menghayati ajaran Islam, JCorp menekankan falsafah bahawa tugas serta tanggungjawab adalah amanah yang mesti dilunaskan secara mahir dan cemerlang. Untuk itu, nilai teras dan budaya korporat JCorp dipasak dengan kemas untuk memperkukuh keperibadian setiap anggota pekerja yang perlu berada di tahap tertinggi bagi sebuah organisasi seperti JCorp. Justeru, JCorp yakin komitmen penuh anggota pekerjaannya mampu menggerakkan jentera agensi pembangunan ini dalam menjayakan transformasi yang akan mengangkat JCorp ke peringkat lebih tinggi, kekal lestari dan relevan serta menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.



Untuk merealisasikan dan mencapai matlamat transformasi maka tindakan drastik menerusi '*intelligence process*' - bijaksana tetapi tegas, berhemah serta terurus risikonya; telah diambil oleh JCorp. Ini dilakukan tanpa kompromi ataupun lari daripada peranan serta visi dan misi yang terpatut jelas dalam Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4 Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

Tindakan drastik itu termasuk menyusun dan menyemak semula struktur organisasi serta pelan bisnes bagi mendapatkan kesan optimum selain pelaksanaan Pelan Transformasi 2020-2022 yang sukses dan memberi impak besar kepada JCorp serta Johor khususnya. Tumpuan juga telah diberi bagaimana hendak menempuh kelembapan ekonomi kini khususnya kesan darurat kesihatan pasca penularan COVID-19 serta landskap dunia yang baharu tercorak.

PRESTASI SEMASA BISNES TERAS

Prestasi empat bisnes teras iaitu perladangan di bawah Kulim, kesihatan pakar (KPJ Healthcare), hartanah (JLand, Damansara Assets, TPM Technopark Sdn dan TLP Terminal Sdn Bhd) serta makanan dan perkhidmatan restoran (QSR Brands) adalah baik serta kekal relevan ketika mana pasaran rata-rata terjejas diasak pelbagai sentimen sepanjang 2019.

Kulim mengekalkan daya tahannya walaupun terkesan dengan penyusutan harga minyak sawit mentah dan isirong sawit di pasaran komoditi antarabangsa sepanjang 2019. Keadaan itu dapat diimbangi menerusi tindakan dan pengembangan korporat bagi mengukuhkan asas serta mengoptimumkan portfolionya. Antaranya, merealisasikan pelaburan, meneroka sektor bisnes baharu serta memperkukuhkan pasaran bagi produk agrobisnes.

PENYATA KORPORAT



Sayap pelaburan dan pembangunan hartanah JCorp, JLand pula berdepan pasaran yang tepu dengan Johor mencatatkan 18.8% dan tertinggi di negara ini bagi unit hartanah tidak terjual pada separuh pertama 2019. Bagaimanapun ini tidak menghalang JLand menokok pendapatan kepada RM400 juta berbanding RM374 juta manakala aset bersih menokok kepada RM1.45 bilion berbanding RM1.40 bilion bagi tempoh sama. Kumpulan Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) pula mencatatkan pendapatan berjumlah RM158.6 juta berbanding RM133.7 juta sebelumnya.

QSR Brands yang menerajui bisnes makanan menerusi KFC dan Pizza Hut turut memaparkan prestasi cemerlang. KFC Malaysia mencatat perolehan sebanyak RM2.8 bilion dengan pertumbuhan 2.2% daripada RM2.74 bilion tahun sebelumnya. Manakala Pizza Hut Malaysia terus mencatatkan pencapaian membanggakan tiga tahun berturut-turut, dengan meraih perolehan berjumlah RM596 juta iaitu kenaikan 6.6% berbanding 2018. Kejayaan dua jenama ini antara lain hasil komitmen berterusan dalam strategi penjenamaan, penampilan dan inovasi produk yang menarik, serta transformasi digital bagi kemudahan dan keselesaan pelanggan.

KPJ Healthcare pula berjaya meningkatkan pendapatan walaupun berada dalam persekitaran bisnes yang sangat mencabar. Rangkaian hospital pakar itu mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 7% iaitu RM3.6 bilion pada 2019 berbanding RM3.4 bilion sebelumnya yang disumbangkan terutamanya menerusi peningkatan bilangan pesakit. Pencapaian ini hasil strategi berterusan untuk menambah kapasiti setiap hospital pakar dalam rangkaianannya.

ISLAMIC BUSINESS

Pada masa sama, potensi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) terus digembeng. Ruang dan peluang untuk WANCorp melonjakkan lagi potensi, peranan serta pencapaiannya telah dikenal pasti. WANCorp juga akan dipandu ke arah penerokaan bidang-bidang baharu termasuk 'Islamic business' yang mampu meningkatkan lagi keupayaan dan perolehan bagi memperkasa agenda sosioekonomi ummah.

PENYATA
KORPORAT

JCORP SUDAH BERSIAPSIAGA MENEMPUH KETIDAKTENTUAN LUARAN YANG KINI DIBURUKKAN OLEH KETIDAKNORMALAN YANG DICETUSKAN OLEH 'DISRUPTION EDGE'.

Melihat pencapaian WANCorp sepanjang 2019, kami yakin ia mampu bergerak lebih jauh. Selaku struktur utama dalam sayap pelaksanaan tanggungjawab korporat JCorp, skop kegiatan dan program WANCorp yang meliputi keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan, pendidikan serta pembangunan keusahawanan akan disusun semula, diperkukuh dan diperluaskan.

MENGHADAPI CABARAN

JCorp sudah bersiapsiaga menempuh ketidaktentuan luaran yang kini diburukkan oleh ketidaknormalan yang dicetuskan oleh 'disruption edge'. Kesan teknologi 5G dan kejutan teknologi kecerdasan buatan (AI), robotik dan dron yang disifatkan sebagai 'game changer' adalah melampaui batas logika manusia. Namun perkembangan ini akan sentiasa dipantau serta dianalisis memandangkan semua teknologi itu bakal mendominasi kepintaran di dunia menerusi komputer serta robot yang mengambil alih satu persatu peranan manusia. Seperti entiti lain, JCorp turut berdepan risiko pada reputasi, imej dan jenama gara-gara fitnah serta penyelewengan fakta dalam media sosial yang sukar dibendung. Justeru, perkara ini akan diuruskan secara tangkas, cekap dan bijaksana.

PERISTIWA KORPORAT

Pelbagai peristiwa korporat mewarnai JCorp sepanjang 2019. Menerusi ruangan ini, JCorp dengan penuh takzim Merafak

Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor yang berkenan bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan majlis anjuran JCorp dalam tempoh itu.

Pada 28 Mei 2019, Tuanku Sultan Johor bersama Tuanku Permaisuri Johor serta Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor berkenan bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Santapan Berbuka Puasa Johor Corporation 2019 di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

Tuanku Sultan Johor turut berkenan bercemar duli berangkat ke Kulim Pineapple Farm Sdn Bhd, Ulu Tiram yang menjadi lokasi persinggahan terakhir konvoi Program Kembara Mahkota Johor 2019 pada 22 Julai 2019. Seterusnya, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenan bercemar duli berangkat menyempurnakan Pelancaran Menara JLand di KOMTAR JBCC, pada 27 November 2019.

Pada 17 April 2019, Tuanku Permaisuri Johor turut berkenan bercemar duli menyempurnakan Majlis Pelancaran The Caring Home By Pizza Hut di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Terdahulu, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor berkenan bercemar duli menyempurnakan Majlis Penyerahan Sijil Tawaran Rumah Impian Bangsa Johor di Terminal Larkin Sentral pada 3 Mac 2019.

01 DYMM Sultan Johor meninjau proses menuai nanas MD2 secara automasi di Kulim Pineapple Farm.



Sementara itu, JCorp dan seluruh anggota pekerjaannya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Haji Hasni Mohammad, atas pelantikan sebagai Menteri Besar Johor ke-18 sekali gus Pengerusi JCorp yang baharu. Amanah itu sebelumnya digalas YB Dato' Dr Sahrudin Haji Jamal dan

PENYATA KORPORAT



02 DYMM Permaisuri Johor melawat pesakit di Wad Hematologi Tunku Laksamana Johor, Hospital Sultanah Aminah, Johor.



JCorp turut merakamkan setinggi-tinggi terima kasih serta penghargaan di atas sumbangan beliau sepanjang tempoh tersebut.

Ucapan sama turut ditujukan kepada YB Tuan Amir Nasruddin; YBhg Dato' Asri Hamidon; YBhg Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien; YBhg Datuk Nor Azri Zulfakar; dan YBhg Dato' Sr Hisham Jafrey atas pelantikan sebagai Ahli Johor Corporation yang baharu.

Saya turut mengambil ruangan ini untuk meletakkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim,

Ismail Haji Bakar; YBhg Datuk Siti Zauyah Md Desa; YBhg Dato' Azman Mahmud; YBhg Datuk Dr Hafsa Hashim; YB Datuk Dr Shahrudin Md Salleh; dan YBhg Datuk Ibrahim Ahmad yang memberi panduan, sokongan, buah fikiran serta kepakaran masing-masing sepanjang menganggotai Ahli Johor Corporation.

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

Pencapaian korporat kami turut dinilai menerusi pengiktirafan serta anugerah daripada organisasi bebas dan pelaksana standard. Antaranya pada 2019, JCorp menerima pengiktirafan menerusi Pensijilan *MS ISO 37001: 2016 Anti*

Bribery Management Systems (ABMS). Kulim dianugerahkan *Best Annual Report Of Non-Listed Organisations* manakala Unit Makmal Kulim menerima *IKM Laboratory Excellence Award*; KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital menerima Anugerah Persekutuan Hospital Antarabangsa (IHF) 2019; dan JLand meraih pengiktirafan pada *Malaysia Property Awards 2019* bagi kategori *International Real Estate Federation* dan kategori *Master Plan*.

SEKALUNG BUDI

Hasil kerjasama erat dan sokongan padu semua pemegang kepentingan membolehkan JCorp melunaskan peranan dan memenuhi amanah dalam terus bergerak ke hadapan menuju matlamatnya. Justeru, saya mewakili JCorp dan Kumpulan merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua khususnya Kerajaan Johor dan Kerajaan Persekutuan bersama jabatan dan agensinya selain pemegang kepentingan serta pihak bank dan penasihat kewangan atas komitmen yang diberikan.

Kami juga kalungkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pelanggan, rakan strategik, warga media serta pemegang kepentingan terbesar termasuk semua pemegang saham senaraian awam serta individu dan



PENYATA
KORPORAT

institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat Kumpulan - KPJ Healthcare, E.A. Technique Berhad, Al-Salām REIT dan Al-'Aqar Healthcare REIT; dan telah memberi atau menyatakan komitmen terhadap semua perancangan korporat, pelaburan mahupun transaksi bisnes sepanjang 2019.

Nota ini juga hanya akan lengkap dengan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh barisan Ahli Johor Corporation di atas segala sumbangan yang tidak ternilai menerusi buah fikiran, panduan, sokongan serta kebijaksanaan dan kepakaran yang dicurahkan untuk memastikan JCorp kekal relevan.

Adalah nyata dan terbukti, sumbangan semua pihak membolehkan JCorp memacu operasi di atas landasan yang kukuh dan berupaya melalui liku-liku cabaran fasa baharu perjalanan korporatnya untuk naik ke aras lebih tinggi di peringkat nasional mahupun serantau.



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih, tahniah dan sekalung penghargaan semestinya kepada lebih 62,000 anggota pekerja Kumpulan JCorp yang benar-benar komited, dedikasi, cekap dan bekerja kuat bagi menyempurnakan amanah diberikan. Mereka berkhidmat dengan berpegang teguh kepada nilai teras, nilai budaya korporat, nilai integriti serta pematuhan prosedur dalam tadbir

urus. Berhubung transformasi yang giat dilaksanakan, inisiatif ini hanya berjaya menerusi dukungan tiap seorang anggota pekerja kerana mereka adalah sumber kekuatan sebenar JCorp untuk menggerakkan jentera mengharungi badai ekonomi baharu bagi mencapai visi dan misi - **Membina & Membina**.

Johor Corporation
30 Jun 2020

PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

Pejabat Berdaftar

JOHOR CORPORATION

Level 11, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.
Telefon : +607-219 2692
Faks : +607-223 3175
Emel : enquiries@jcorp.com.my

Pejabat

JOHOR CORPORATION CAWANGAN KUALA LUMPUR

Level 11, Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon : +603-2787 2692
Faks : +603-2787 2700

Juruaudit

Ernst & Young

Level 23A, Menara Milenium,
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Bank Utama MAYBANK

Lot M1-22, 106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat Kumpulannya menceburi bisnes utama merangkumi:

- Bisnes Perladangan – Kulim (Malaysia) Berhad.
- Bisnes Kesihatan Pakar – KPJ Healthcare Berhad.
- Bisnes Hartanah – TPM Technopark Sdn Bhd, TLP Terminal Sdn Bhd, Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, Al-'Aqar Healthcare REIT dan Al-Salām REIT.
- Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran – QSR Brands (M) Holdings Bhd.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran domestik dalam beberapa bisnes utama dan telah melebarkan sayap operasinya ke seberang laut.

Bisnes Perladangan memiliki operasi dan kepentingan di:

- Malaysia: **50,851 hektar**.
- Indonesia: **14,511 hektar.***
(*Kawasan di bawah Hak Guna Usaha).

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui KPJ Healthcare Berhad, telah dikembangkan sehingga ke:

- Jakarta, Indonesia.
- Brisbane, Australia.
- Bangkok, Thailand.
- Dhaka, Bangladesh.


Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:

- Singapura (KFC & Pizza Hut).
- Brunei (KFC).
- Kemboja (KFC).


Empat syarikat Kumpulan tersenarai di Bursa Malaysia:

- KPJ Healthcare Berhad.
- E.A. Technique (M) Berhad.
- Al-'Aqar Healthcare REIT.
- Al-Salām REIT.

STRUKTUR BISNES & KORPORAT



STRUKTUR BISNES & KORPORAT



◀ Pembinaan Intrapreneur ▶ Pegangan Pelaburan ◀ WANCorp/OBA — Pegangan Terus Ekuiti - - - - - PENGURUSAN - - - - - Amanah Pelaburan Harta Tanah

LEMBAGA PEN

DATUK HAJI HASNI BIN MOHAMMAD

Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 28 Februari 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam, University of Missouri, Rolla, Amerika Syarikat. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.



TAN SRI DR ALI BIN HAMSA

Timbalan Pengerusi
Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009. Mulai 15 Jun 2020, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986; Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979; dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980.



DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 9 Januari 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Ekonomi Analisa (Kepujian) dari Universiti Malaya, beliau seterusnya mengikuti program Senior Management Development in Public Enterprise di Harvard University. Beliau juga merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Prasarana Integrated Development Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah di Yayasan Sultan Ibrahim Johor, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor serta Iskandar Seafont Assets Sdn Bhd.



GARAH & Profil



DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI

Setiausaha Kerajaan Johor

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Malaysia pada 2004 dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Ekonomi & Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1990. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Johor.

DATO' HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN

Pegawai Kewangan Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 20 Oktober 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.



TUAN AMIR BIN NASRUDDIN

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2020. Beliau berkelulusan Diploma Undang - Undang dan Diploma Lanjutan Undang- Undang (LLB Kepujian) dari Universiti Teknologi Mara. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.



LEMBAGA PENGARAH & PROFIL

DATO' ASRI BIN HAMIDON

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 15 Jun 2020. Beliau berkelulusan Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar). Kini, beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



DATO' SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Oktober 2019. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kesihatan Malaysia. Kini, beliau merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.



DATUK NOR AZRI BIN ZULFAKAR

Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 8 Mac 2020. Berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Perniagaan), Massachusetts Institute of Technology (MIT), Cambridge, Amerika Syarikat. Sebelum ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Pembangunan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).



LEMBAGA PENGARAH
& PROFIL**DATO' SR.
HISHAM BIN
JAFREY**

Pengarah Urusan ARH Jurukur
Bahan Sdn Bhd

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Mei 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bahan dari Leeds Metropolitan University, United Kingdom. Beliau merupakan Fellow, Royal Institution of Surveyor Malaysia dan juga Member, Royal Institute of Chartered Surveyors, United Kingdom. Selain dari itu beliau menjadi Ahli Industry Advisory Panel, Segi University.

**MOHD
NORDIN
JAMALUDIN**

Setiausaha Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 2 Februari 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of West London, United Kingdom. Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 2 Februari 2020. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Khidmat Korporat, Johor Corporation.

**NURALIZA BINTI
ABDUL RAHMAN**

Penolong Setiausaha

Beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Johor Corporation mulai 1 Mac 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Profesional, The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) (UK). Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 1 Oktober 1997. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan, Johor Corporation.



PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
Operasi berterusan					
Hasil	4	6,007	5,657	566	460
Kos jualan		(4,217)	(3,967)	(155)	(194)
Keuntungan kasar		1,790	1,690	411	266
Lain-lain item pendapatan					
Lain-lain pendapatan	5	381	376	112	370
Lain-lain item perbelanjaan					
Perbelanjaan pengedaran		(43)	(54)	(1)	(1)
Perbelanjaan pentadbiran		(1,220)	(1,144)	(155)	(136)
Lain-lain perbelanjaan	6	(178)	(147)	(68)	(194)
Kos kewangan	7	(470)	(451)	(137)	(152)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		27	27	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		97	91	-	-
Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan	8	384	388	162	153
Cukai	11	(89)	(172)	2	6
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai		295	216	164	159
Operasi yang dihentikan					
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	(7)	(4)	-	-
Keuntungan bersih selepas cukai		288	212	164	159

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
Lain-lain pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:				
Pertukaran mata wang asing dari operasi asing	5	46	-	-
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:				
Pelarasan nilai saksama untuk aset kewangan pada FVOCI	(4)	(199)	-	-
Pelarasan nilai saksama untuk aset kewangan pada FVOCI berkaitan pelupusan syarikat anak	99	-	-	-
Lebihan bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	42	89	-	-
Lebihan daripada pindahan harta, loji dan kelengkapan kepada hartanah pelaburan	5	-	-	-
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan	(6)	-	-	-
Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai	141	(64)	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa	429	148	164	159
Keuntungan dikaitkan kepada:				
Milikan Johor Corporation	101	62	164	159
Kepentingan bukan kawalan	187	150	-	-
	288	212	164	159
Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:				
Milikan Johor Corporation	217	(99)	164	159
Kepentingan bukan kawalan	212	247	-	-
	429	148	164	159

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Nota	Kumpulan			Johor Corporation		
		31.12.2019	31.12.2018 Dinyatakan semula	01.01.2018 Dinyatakan semula	31.12.2019	31.12.2018 Dinyatakan semula	01.01.2018 Dinyatakan semula
ASET							
Aset bukan semasa							
Harta, loji dan kelengkapan	13	8,928	10,601	10,569	352	597	529
Hak penggunaan aset	14	2,079	-	-	253	-	-
Inventori	15	493	737	759	34	261	365
Hartanah pelaburan	16	4,704	4,265	3,549	1,982	1,875	1,499
Aset biologi	17	-	2	1	-	-	-
Aset tidak zahir	18	251	252	250	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	19	-	-	-	3,378	3,151	3,327
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	20	300	282	268	4	4	4
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama	21	1,760	1,701	1,583	-	-	-
Aset cukai tertunda	22	210	171	170	148	118	82
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")	23(a)	28	20	215	-	-	-
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	2	-	-	-	-	-
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	40	23	65	-	-	-
		18,795	18,054	17,429	6,151	6,006	5,806
Aset semasa							
Inventori	15	1,592	1,314	1,346	900	665	707
Aset biologi	17	29	21	31	-	-	-
Kos kontrak	24	7	2	4	-	-	-
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	1,017	1,078	1,194	159	290	143
Aset kontrak	26	134	129	61	39	76	-
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	5	4	5	21	20	56
Cukai boleh diperolehi kembali		118	83	68	1	4	4
Baki tunai dan bank	28	1,136	1,239	877	116	119	30
		4,038	3,870	3,586	1,236	1,174	940
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	448	790	795	183	245	317
		4,486	4,660	4,381	1,419	1,419	1,257
Jumlah aset		23,281	22,714	21,810	7,570	7,425	7,063

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

Nota	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2019	31.12.2018 Dinyatakan semula	01.01.2018 Dinyatakan semula	31.12.2019	31.12.2018 Dinyatakan semula	01.01.2018 Dinyatakan semula
EKUITI DAN LIABILITI						
Liabiliti semasa						
Liabiliti cukai semasa	35	34	63	-	-	-
Liabiliti pajakan	30	-	-	6	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	31	2,635	2,307	3	807	11
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	2,119	1,788	1,164	391	1,058
Liabiliti kontrak	26	95	78	20	-	-
Derivatif instrumen kewangan	27	3	2	-	-	-
		4,422	4,537	1,185	1,198	1,069
Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	-	180	203	-	-
		4,422	4,717	4,617	1,198	1,069
Jumlah aset/(liabiliti) semasa bersih		64	(57)	(236)	234	188
Liabiliti bukan semasa						
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	442	439	271	1,100	378
Lain-lain liabiliti jangka panjang	33	1,227	1,235	1,056	934	783
Liabiliti cukai tertunda	22	789	808	772	241	211
Pembiayaan dan pinjaman	31	7,272	6,642	6,387	1,808	2,609
Liabiliti pajakan	30	81	-	-	-	-
		9,811	9,124	8,486	4,083	3,981
Jumlah liabiliti		14,233	13,841	13,103	5,281	5,050
Jumlah aset bersih		9,048	8,873	8,707	2,144	2,013
Ekuiti						
Rizab modal	34(a)	391	392	392	55	55
Rizab penilaian semula aset	34(b)	159	149	123	-	-
Rizab turun naik mata wang	34(c)	9	(66)	(43)	-	-
Rizab FVOCI	34(d)	(99)	(95)	69	-	-
Rizab hasil	34(e)	6,058	6,066	5,913	2,089	1,958
		6,518	6,446	6,454	2,144	2,013
Kepentingan bukan kawalan		2,530	2,427	2,253	-	-
Jumlah ekuiti		9,048	8,873	8,707	2,144	2,013
Jumlah ekuiti dan liabiliti		23,281	22,714	21,810	7,425	7,063

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	384	388	162	153
Operasi dihentikan	(8)	(5)	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
Keuntungan bersih atas pelupusan	(10)	(31)	-	-
Hapuskira	4	1	-	-
Susutnilai	391	426	6	23
Kerugian rosotnilai	10	29	2	-
Hak penggunaan aset:				
Susutnilai	70	-	22	-
Hartanah pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama	(165)	(65)	(74)	(183)
Kerugian/(keuntungan) bersih atas pelupusan	-	1	-	5
Aset biologi:				
Perubahan dalam nilai saksama	(2)	7	-	-
Keuntungan atas pelupusan:				
Syarikat-syarikat anak	(1)	-	-	(43)
Syarikat-syarikat bersekutu	(2)	-	-	-
Aset dipegang untuk dijual	-	(71)	-	-
Aset kewangan melalui untung atau rugi:				
Perubahan nilai saksama	(1)	1	(1)	44
Peruntukan bagi rosotnilai pelaburan di dalam:				
Syarikat-syarikat usahasama	43	-	-	-
Syarikat-syarikat anak	-	-	-	48
Aset tidak zahir:				
Hapuskira	-	1	-	-
Pelunasan dan rosotnilai	12	5	-	-
Pendapatan dividen	(2)	(5)	(280)	(212)
Kerugian/(keuntungan) pertukaran mata wang asing belum direalisasi	(3)	10	-	-
Pelunasan:				
Geran kerajaan	(14)	(16)	(7)	(7)
Sewaan pajakan tanah	(15)	(14)	(11)	(11)
Elaun rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	70	12	56	9
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(10)	(4)	(9)	(42)
Perbelanjaan faedah	470	451	137	152
Pendapatan faedah	(32)	(45)	(11)	(8)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(124)	(118)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	1,065	958	(8)	(72)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
Perubahan dalam modal kerja				
Inventori	(39)	(158)	(11)	(156)
Penghutang	54	505	(48)	213
Aset kontrak	(5)	(68)	-	-
Pemiutang	239	(226)	984	234
Liabiliti kontrak	15	58	-	-
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	42	(5)	-	-
Tunai dijana/(digunakan dalam) kegiatan operasi	1,371	1,064	917	219
Pulangan cukai	45	8	3	-
Cukai dibayar	(205)	(223)	(3)	-
Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi	1,211	849	917	219
KEGIATAN PELABURAN				
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:				
Syarikat-syarikat anak	-	-	-	52
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	5	-	-
Pengambilalihan tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	(2)	(17)	(60)
Dividen diterima daripada syarikat anak	2	5	280	212
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	11	13	-	-
Pelarasan pengiktirafan awal MFRS 16	-	-	1	-
Faedah diterima	32	45	11	8
Harta, loji dan kelengkapan:				
Perolehan daripada pelupusan	24	190	-	5
Pembelian	(606)	(617)	(37)	(3)
Hak penggunaan aset:				
Pembelian	(15)	-	-	-
Hartanah pelaburan:				
Pembelian	(195)	(428)	(11)	(10)
Aset biologi:				
Perolehan daripada pelupusan	3	6	-	-
Pembelian	(7)	(4)	-	-
Aset tidak zahir:				
Perolehan daripada pelupusan	-	3	-	-
Pembelian	(15)	(11)	-	-
Pembelian:				
Aset kewangan pada FVOCI	(41)	-	-	-
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(1)	(5)	-	(42)
Pelaburan dalam syarikat usahasama	(47)	(27)	-	-
Peningkatan deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(77)	(93)	-	-

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
KEGIATAN PELABURAN (SAMBUNGAN)				
Geran kerajaan diterima	21	15	14	10
Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual	-	181	-	91
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan	(911)	(724)	241	263
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	2,846	1,544	-	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(2,799)	(955)	(809)	(5)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(24)	-	(8)	-
Pembayaran balik kepada syarikat anak	-	-	(199)	(224)
Pendahuluan daripada kepentingan bukan kawalan syarikat anak, bayaran bersih	-	(5)	-	-
Perolehan daripada pengurangan kepentingan dalam syarikat anak	-	120	-	-
Pelupusan syarikat anak	3	-	-	-
Faedah dibayar	(470)	(451)	(77)	(112)
Faedah dibayar kepada syarikat anak	-	-	(60)	(40)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(119)	(104)	-	-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(8)	(12)	(8)	(12)
Akaun yang ditetapkan	(34)	(17)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(605)	120	(1,161)	(393)
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(305)	245	(3)	89
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	866	607	119	30
Kesan perubahan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai	7	14	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	568	866	116	119
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI				
Baki tunai dan bank	761	834	100	27
Simpanan tetap	375	405	16	92
	1,136	1,239	116	119
Overdraf bank	(213)	(129)	-	-
Deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(203)	(126)	-	-
Akaun yang ditetapkan	(152)	(118)	-	-
	568	866	116	119

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

2019 Kumpulan	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)		392	149	(66)	(95)	6,253	6,633	2,427	9,060
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	-	-	(187)	(187)	-	(187)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		392	149	(66)	(95)	6,066	6,446	2,427	8,873
Kesan MFRS 16		-	-	-	-	(1)	(1)	-	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019		392	149	(66)	(95)	6,065	6,445	2,427	8,872
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	-	-	101	101	187	288
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	13	-	7	-	-	-	7	35	42
Lebihan dari pindahan harta, loji dan kelengkapan ke hartanah pelaburan	16	-	5	-	-	-	5	-	5
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan		-	(2)	-	-	-	(2)	(4)	(6)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI	23(a)	-	-	-	(4)	-	(4)	-	(4)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan atas pelupusan syarikat anak		-	-	-	-	99	99	-	99
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing		-	-	11	-	-	11	(6)	5
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	10	11	(4)	99	116	25	141
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	10	11	(4)	200	217	212	429
Transaksi dengan pemilik									
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan		-	-	-	-	-	-	(119)	(119)
Pelupusan syarikat anak		(1)	-	64	-	(181)	(118)	(1)	(119)
Tambahan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	(6)	(6)	8	2
Pengurangan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	(2)	(2)	3	1
Agihan kepada Kerajaan Negeri		-	-	-	-	(18)	(18)	-	(18)
		(1)	-	64	-	(207)	(144)	(109)	(253)
Baki akhir pada 31 Disember 2019		391	159	9	(99)	6,058	6,518	2,530	9,048

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

2018			Rizab	Rizab	Rizab	Rizab		Keentingan	Jumlah
Kumpulan	Nota	Rizab	penilaian	turun naik	FVOCI	hasil	Jumlah	bukan	ekuiti
		modal	semula	mata wang				kawalan	
			aset						
Pada 1 Januari 2018		392	123	(43)	69	6,063	6,604	2,253	8,857
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	-	-	(150)	(150)	-	(150)
Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)		392	123	(43)	69	5,913	6,454	2,253	8,707
Kesan MFRS 9		-	-	-	-	4	4	-	4
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2018		392	123	(43)	69	5,917	6,458	2,253	8,711
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	-	-	62	62	150	212
Lain-lain pendapatan komprehensif									
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	13	-	26	-	-	-	26	63	89
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI		-	-	-	(164)	-	(164)	(35)	(199)
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing		-	-	(23)	-	-	(23)	69	46
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	26	(23)	(164)	-	(161)	97	(64)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	26	(23)	(164)	62	(99)	247	148
Transaksi dengan pemilik									
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan		-	-	-	-	-	-	(104)	(104)
Tambahan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	33	33	(35)	(2)
Pengurangan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	54	54	66	120
		-	-	-	-	87	87	(73)	14
Baki akhir pada 31 Disember 2018		392	149	(66)	(95)	6,066	6,446	2,427	8,873

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

Johor Corporation	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)		55	-	2,223	2,278
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	(134)	(134)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		55	-	2,089	2,144
Kesan MFRS 16	44	-	-	(1)	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019		55	-	2,088	2,143
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	164	164
Agihan kepada Kerajaan Negeri		-	-	(18)	(18)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		55	-	2,234	2,289
Baki akhir pada 31 Disember 2019		55	-	2,234	2,289


	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2018 (seperti dinyatakan sebelumnya)		55	118	1,814	1,987
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	(120)	(120)
Kesan MFRS		-	(118)	264	146
Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)		55	-	1,958	2,013
Kesan MFRS 9		-	-	(28)	(28)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2018		55	-	1,930	1,985
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	159	159
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		55	-	2,089	2,144
Baki akhir pada 31 Disember 2018		55	-	2,089	2,144



Sila imbas kod QR untuk membaca laporan penuh penyata kewangan secara digital dalam versi PDF.

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN


JCORP & KUMPULAN (2015-2019)




PEROLEHAN




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI



RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN
JCORP & KUMPULAN (2015-2019)



JUMLAH ASET



JUMLAH LIABILITI



JUMLAH EKUITI



LAPORAN EKONOMI

SOROTAN EKONOMI 2019

Setelah berlegar pada julat 4.0% hingga 5.0% selama enam suku tahun berturut-turut sejak suku tahun kedua 2018 (S42017), kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia perlahan mendadak kepada 3.6% pada SK2019 dan menyebabkan KDNK bagi 2019 hanya berkembang pada kadar 4.3%. Selari dengan pertumbuhan terendah bagi ekonomi dan perdagangan global sejak 2008 iaitu masing-masing pada kadar 2.9% (2018: +3.6%) dan 1.0% (2018: +3.7%), terbukti peningkatan keterdedahan Malaysia terhadap pelbagai himpitan sepanjang 2019 adalah bersifat luaran.

Ini merangkumi ketegangan perdagangan global serta peningkatan retorik protektionisme yang berlarutan dan tidak terbatas hanya antara Amerika Syarikat (AS) dan China selain peningkatan risiko geopolitik terutama di Timur Tengah, Eropah Timur, Asia Selatan malah Asia-Pasifik. Malaysia juga terkesan dengan ketidakpastian hala tuju ekonomi, sosial, politik serta hubungan antarabangsa Britain dan Eropah natijah Brexit serta impak ekonomi akibat perubahan iklim yang tidak boleh dipandang ringan di samping beberapa hambatan dalaman terhadap trend pertumbuhan.

Hakikatnya, pertumbuhan permintaan domestik adalah sederhana pada kadar 4.3% kerana sokongan berkurangan sektor swasta yang selama ini adalah pemacu utama pertumbuhan. Penguncupan bagi pembentukan modal tetap kasar (PMTK) yang berpunca daripada pengecutan sekali ganda lebih teruk pelaburan awam dan pertumbuhan menyusut bagi pelaburan swasta adalah penyebab utama pertumbuhan KDNK paling perlahan pernah Malaysia alami sejak 2009.

Dari segi penawaran, kemerosotan pertumbuhan KDNK banyak disebabkan oleh kehilangan momentum ketara bagi sektor pembuatan dan pembinaan yang masing-masing berkembang pada kadar 3.8% serta 0.1%. Sektor pembinaan tumbuh marginal susulan selesainya projek-projek besar, projek baharu skala lebih kecil yang berkurang bilangannya dan lebih bekalan harta tanah. Walaupun sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan, kita menyaksikan n y a h p e c u t a n akibat kelemahan p e r m i n t a a n global bagi sektor pembuatan dan pertumbuhan semula perbelanjaan isi rumah ke paras wajar selepas prestasi agak luar biasa pada 2018.

Susulan gangguan bekalan dalam pengeluaran komoditi utama pada 2018, separuh pertama 2019 menyaksikan isyarat kebangkitan semula sektor pertanian dan perlombongan terutama pengeluaran kelapa sawit serta gas asli. Namun, semua ini berubah pada separuh kedua 2019 dengan berulangnya gangguan bekalan - penutupan loji dan aktiviti penyelenggaraan yang menjejaskan pengeluaran minyak mentah dan gas asli hingga menyebabkan sektor perlombongan meneruskan trend penguncupan. Kesan cuaca kering yang teruk dan kurangnya penggunaan baja pada awal 2019 telah menjejaskan hasil minyak sawit iaitu punca utama kemerosotan trajektori pemulihan meskipun sektor pertanian

masih mampu mengimbangnya dengan merekodkan pertumbuhan 2.0% (2018: +0.1%).

Pasaran ekuiti berdasarkan prestasi Indeks Komposit Bursa Malaysia (KLCI) turut terus terperangkap dalam trend penurunan. Ia susut 6% untuk ditutup pada 1,588.8 mata (2018: -5.9% dan 1,690.6 mata) berikutan penjualan bersih oleh pelabur bukan pemastautin (-RM6.7 bilion). Bagaimanapun, Ringgit mengakhiri 2019 dengan menokok nilai sebanyak 1.1% kepada RM4.0925 berbanding Dollar AS. Harga purata minyak sawit dan minyak mentah (Brent), dua komoditi global yang memberi impak langsung ke atas Kumpulan Johor Corporation merosot pada 2019, masing-masing RM2,119 satu tan (2018: RM2,235 satu tan) dan AS\$64.37 setong (2018: AS\$71.19 setong).



KADAR PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) MALAYSIA PERLAHAN MENDADAK KEPADA 3.6% PADA SK2019 DAN MENYEBABKAN KDNK BAGI 2019 HANYA BERKEMBANG PADA KADAR 4.3%.

PERSPEKTIF EKONOMI 2020

Tahun 2020 bermula dengan agak memberangsangkan. Senario terburuk konsensus pasaran ketika itu menjangka kelembapan ekonomi global pada separuh kedua 2019 hanya berterusan sehingga separuh pertama 2020. Seterusnya, separuh kedua bakal diwarnai trend kebangkitan yang ketara, manfaat pemotongan bersepadu kadar faedah global sepanjang 2019 serta keadaan kewangan global yang lebih longgar. Namun, andaian yang pada awalnya sebagai isu lokal khusus buat China, ledakan wabak COVID-19 bertukar menjadi peristiwa 'Black Swan' susulan pengisytiharan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa wabak itu sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020.

Sejak itu, majoriti negara di dunia terpaksa melaksanakan 'perintah berkurung' dan protokol pembatasan sosial dalam pelbagai bentuk secara kritikal bagi membendung penyebarannya. Ini menyebabkan seluruh dunia hampir lumpuh. Domestik mahupun global mengalami kemelesetan dunia akibat kejutan permintaan dan bekalan berlaku serentak di samping gangguan rantaian bekalan.

Berdasarkan unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, ekonomi global dijangka menguncup masing-masing pada kadar 3.0% dan 5.2% pada 2020. Antara punca lain kemelesetan ekonomi dunia yang disifatkan 'belum pernah terjadi dan tiada tandingannya' ini termasuk

kesan perang dagang China-AS yang masih terasa sehingga kini malah ada tanda-tanda ia akan meletus lagi selain 'keruntuhan' pasaran minyak mentah global akibat perang harga antara Arab Saudi dan Rusia.

Kemerosotan mendadak ekonomi pada suku kedua 2020 adalah akibat penularan pantas pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP sejak pertengahan Mac 2020. Ini ditokok dengan gangguan bekalan berulang sektor komoditi dan risiko menjadi 'collateral damage' bagi perang harga minyak mentah antara Arab Saudi dan Rusia serta ketidakstabilan politik tanah air memberi impak negatif ketara terhadap ekonomi Malaysia.

Sementara julat konsensus pasaran bagi prospek ekonomi Malaysia 2020 amat lebar, unjuran rasmi BNM cenderung kepada julat kurang pesimis antara -2.0% dan +0.5% berbanding beberapa unjuran lain meskipun kemungkinan ia bakal lebih teruk daripada kemelesetan akibat Krisis Kewangan Global 2008-2009 adalah tidak boleh disangkal.

Namun, prospek pertumbuhan global banyak bergantung kepada secepat mana COVID-19 dapat dibendung dan ditamatkan sepenuhnya. Ia tertakluk kepada bentuk, skop dan skala langkah susulan rentas negara bagi mengekang penularan pandemik ini selain mengurangkan pelbagai kesan negatif multidimensi termasuk rangsangan monetari dan fiskal semasa serta pasca COVID-19. Tindak balas ekonomi di seluruh dunia terhadap dasar monetari longgar dan pakej rangsangan yang

dilaksanakan sejak separuh pertama 2020 juga dijangka mampu menguatkan asas pemulihan pertumbuhan global menjelang hujung 2020 atau awal 2021. Sejalan dengan unjuran pemulihan dalam ekonomi global pada 2021, Malaysia dijangka turut serta kembali ke trajektori pertumbuhan positif.

Secara kumulatif setakat ini, pengurangan OPR sebanyak 100 mata asas kepada 2.0% dan empat pakej rangsangan ditaksirkan bernilai RM295 billion secara keseluruhan diharapkan dapat mengurangkan impak ekonomi Malaysia akibat COVID-19.

BNM juga mengunjurkan purata inflasi keseluruhan antara -1.5% dan 0.5% bagi 2020. Ini memandangkan jangkakan tekanan menurun terhadap harga secara am yang sebahagian besarnya mencerminkan prospek ketara rendah harga minyak mentah dan komoditi lain di pasaran global serta suramnya permintaan agregat. Ketika tumpuan dilakukan untuk memantapkan sokongan bagi pemulihan ekonomi, tekanan inflasi yang rendah serta ancaman deflasi telah mendorong pelaksanaan dasar monetari yang lebih akomodatif menerusi pemotongan lanjut terhadap OPR sehingga 1.5% iaitu paras terendah dalam sejarah dan/atau penurunan lanjut nisbah Keperluan Rizab Berkanun berbanding 2.0% sekarang. Semua ini demi memastikan pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia tidak mengambil masa lama untuk kembali kepada pertumbuhan keluaran potensi jangka panjang yang dianggarkan antara 4.3% dan 4.8%.

BISNES PERLADANGAN

TAHUN 2019 ADALAH SATU LAGI TEMPOH YANG MENCABAR BAGI KULIM (MALAYSIA) BERHAD (KULIM) DISEBABKAN HARGA MINYAK SAWIT MENTAH (MSM) DAN ISIRONG SAWIT (PK) YANG RENDAH SEKALI GUS TELAH MEMBERIKAN IMPAK KEPADA PENDAPATAN KUMPULAN.

Bagaimanapun, asas Kulim masih kekal kukuh melalui pelbagai inisiatif Kumpulan bagi mengoptimumkan nilai potensi segmen bisnes kami. Bisnes Perlindungan Kelapa Sawit masih menjadi penyumbang utama pendapatan Kumpulan meskipun berhadapan dengan persekitaran harga MSM dan PK yang tidak menentu, sekatan oleh Kesatuan Eropah (EU) terhadap penggunaan minyak sawit, selain tahap inventori yang tinggi dan kadar eksport MSM yang lebih rendah ke negara-negara utama. Operasi kami turut terjejas ekoran kekurangan tenaga buruh dan peningkatan kos buruh yang berterusan.

Dari segi laporan kewangan, pendapatan Kumpulan mencatatkan penurunan kepada RM1.21 bilion pada akhir Disember 2019 daripada RM1.39 bilion yang dicatatkan pada 2018. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan pendapatan oleh EA Technique (M) Berhad (EA Tech) sebanyak 35% disebabkan oleh ketiadaan pendapatan daripada projek Kejuruteraan, Perolehan, Kontrak, Pemasangan dan Pembinaan (EPCIC) sepanjang 2019. Tambahan pula, penurunan pendapatan telah ditambah lagi dengan sumbangan yang



lebih rendah daripada Bahagian perladangan kelapa sawit khususnya pendapatan dari PK berjumlah RM43 juta.

Terdapat sedikit penurunan dalam PK iaitu sebanyak 77,256 tan pada tahun 2019 berbanding 79,286 tan pada tahun 2018. Selain itu, harga PK mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2019 dengan harga purata RM1,289 per tan berbanding dengan RM1,792 per tan pada tahun 2018. Walau bagaimanapun,

segmen Perlindungan Kelapa Sawit kekal sebagai penyumbang utama Kumpulan yang menyumbang sebanyak RM834.61 juta atau 69.04% daripada jumlah pendapatan.

Kumpulan juga mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak RM127.85 juta pada 2019, daripada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM57.81 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Kumpulan juga mengalami kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM127.85 juta pada tahun 2019,

**BISNES
PERLADANGAN**



Pada masa sama, Bahagian Intrapreneur Venture (IV) menjana pendapatan sebanyak RM37.63 juta, susut 21.49% daripada RM47.93 juta pada 2018. Bahagian ini mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.25 juta pada 2019 berbanding RM1.24 juta sebelumnya.

Sementara itu, Bahagian O&G menjana pendapatan sebanyak RM307.52 juta, merosot sebanyak 34.56% daripada RM469.92 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya. Bahagian ini mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM92.51 juta berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM73.91 juta yang dicatatkan bagi tempoh sama.

Walaupun menghadapi cabaran untuk menyeimbangkan pelaburan dengan pemiutang dan aliran tunai, Kulim tetap teguh dalam menyampaikan nilai kepada pemegang saham. Sejajar dengan komitmen ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan pembayaran dividen berjumlah RM200 juta untuk tahun 2019.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Pada 2019, Kulim terus menyelaras semula portfolio asetnya sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan asas operasi syarikat dalam memastikan pengeluaran hasil yang optimum. Pendekatan Kulim untuk mengoptimumkan portfolionya adalah dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti keadaan pasaran, pelupusan aset yang kurang menguntungkan atau bisnes yang tidak lagi selaras dengan visi strategik Kumpulan. Di samping itu, merealisasikan pelaburan juga akan menjadi pilihan apabila menerima tawaran yang sesuai.

Pada 13 Februari 2019, pelupusan pegangan ekuiti sebanyak 75% dalam

daripada keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM57.81 juta yang direkodkan sebelumnya. LBT disebabkan terutamanya oleh kemerosotan diiktiraf dan kerugian pelaburan usahasama dalam Bahagian Minyak dan Gas (O&G) di Indonesia berjumlah RM44.03 juta dan peruntukan kerugian yang dijangka untuk kes litigasi EA Tech terhadap Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MHB) berjumlah RM45.28 juta. Walaupun berlaku kemerosotan, aliran tunai Kumpulan masih kekal kukuh.

JUMLAH PENDAPATAN

RM1.21 bilion

PENDAPATAN O&G

RM307.52 juta

HARGA MSM

RM2,181 setiap tan metrik

Optimum Status Sdn Bhd (OSSB) yang dimiliki oleh EPA Management Sdn Bhd kepada syarikat IV Kulim iaitu Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd (KSTS) telah disempurnakan. Pelupusan ini adalah sebahagian daripada strategi kepelbagaian bisnes dalam usaha menjadikan KSTS sebagai syarikat pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE).

Pada 1 Mei 2019, Kulim menghentikan operasi EPASA Shipping Agency Sdn Bhd (EPASA) dan menjadi syarikat dorman (tidak aktif).

Seterusnya, pada 7 Mei 2019, Kulim menyempurnakan pengambilalihan pegangan ekuiti sebanyak 25% milik IV di Renown Value Sdn Bhd. Langkah itu bertujuan meningkatkan pendapatan Kulim melalui pengukuhan penanaman nanas MD2 dengan menumpukan perhatian dan kawalan penuh terhadap bisnes nanas.

Pada 1 Oktober 2019, Kulim dan MTC OREC Sdn Bhd (MTC OREC) menandatangani Perjanjian Pemegang Saham (SHA) bagi pembentukan Kulim Green Energy Ventures Sdn Bhd (KGEV) sebagai syarikat Usaha Sama (JV) pelaburan dalam membangunkan kilang biometana untuk tujuan pengkomersialan. MTC OREC adalah

BISNES PERLADANGAN

sebuah syarikat yang ditubuhkan melalui sinergi antara syarikat OREC Ind Sdn Bhd dan MTC Engineering Sdn Bhd.

Pada 8 Oktober 2019 pula, Kulim melalui KGEV menandatangani Perjanjian Pembelian Gas (GPA) dengan Gas Malaysia Virtual Pipeline Sdn Bhd (GMVP), sebuah syarikat subsidiari milik penuh Gas Malaysia Berhad (GMB). Hasil kerjasama ini, GMPV akan memperoleh biometana dari KGEV untuk disalurkan ke dalam rangkaian Sistem Pengagihan Gas Asli (NGDS).

Pelaburan ini sebahagian daripada strategi jangka panjang Kulim yang melihat potensi besar dalam pengkomersialan biometana. Ia juga selaras dengan hala tuju bisnes Kulim untuk mengembangkan kepelbagaian bisnesnya dan melibatkan diri dalam teknologi hijau. Kilang Kelapa Sawit Sedenak dilihat sebagai kilang berpotensi kerana lokasi kilang yang strategik iaitu berada di dalam lingkungan kawasan saluran paip gas GMVP dan seterusnya mengembangkan potensi besar dalam pengkomersialan biometana untuk dijual kepada GMB.

Pada 31 Disember 2019, Kulim turut menamatkan operasi Special Appearance Sdn Bhd (SASB), selaras dengan strategi Kulim untuk menutup syarikat yang kurang menguntungkan atau tidak lagi selaras dengan visi strategik Kumpulan. Tindakan ini juga diambil bagi mengurangkan faktor risiko dan memastikan kelangsungan bisnes Kulim.

ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Kulim terus meraih pelbagai anugerah sepanjang 2019. Antaranya, diumumkan sebagai pemenang anugerah kategori



World Business Leader and Inspirational Company pada majlis *BIZZ Awards AMEA 2019*.

Laporan Tahunan Bersepadu Kulim 2018 pula dinobatkan sebagai Pemenang Laporan Tahunan Terbaik Bagi Organisasi yang tidak tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia pada majlis *National Annual Corporate Report Awards (NACRA) 2019*.

Pada majlis *11th Annual Global CSR Summit Awards Ceremony 2019*, Kulim dinobatkan sebagai pemenang dalam tiga kategori iaitu Anugerah Amalan Tempat Kerja Terbaik (Emas), Anugerah Kepimpinan Tanggungjawab Sosial Korporat (Perak) serta Anugerah Pemerkasaan Wanita (Gangsa).

Kulim juga diumumkan sebagai pemenang Anugerah Gangsa dalam kategori Amalan Sumber Manusia Terbaik pada majlis *19th Malaysia International HR Awards 2019*. Ulu Tiram Central Laboratory (UTCL) turut meraih anugerah *IKM Laboratory Excellence Award 2019* pada majlis Malam Kimia 2019.

Kulim meneruskan kecemerlangan memenangi anugerah menerusi Kulim Pineapple Farm yang diumumkan sebagai pemenang pertandingan nanas MD2 untuk kategori Hasil Pertanian pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019.

**BISNES
PERLADANGAN**



HASIL BTS

907,188 tan

HASIL MSM

309,867 tan

DITANAM SEMULA

776 hektar

HGU DI SUMATERA SELATAN

14,511 hektar

LOJI BIOGAS

5 kilang menjelang 2025

Sementara itu, subsidiari Kulim, Danamin (M) Sdn Bhd dinobatkan sebagai *On-call Contractor 2019* oleh BASF Petronas Chemicals sempena sambutan Hari Keselamatan Sedunia 2019.

Untuk menggalakkan budaya tempat kerja yang bebas daripada rasuah, Kulim sedang mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: 2016 untuk Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) yang dijangka selesai pada Disember 2020.

SOROTAN BAHAGIAN

AGRIBISNES

Perladangan di Malaysia

Tahun 2019 boleh digambarkan sebagai tahun di mana Kulim membuktikan daya tahannya dalam menghadapi cabaran yang memberikan tekanan

kepada industri minyak sawit. Pada tahun yang ditinjau, operasi di Malaysia menghasilkan 907,188 tan buah tandan segar (BTS) iaitu 1.38% merosot daripada 919,844 tan yang dihasilkan pada 2018. Ini mengakibatkan hasil Sehektar (YPH) juga berkurangan kepada 21.69 tan daripada 22.13 tan direkodkan tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, prestasi Kumpulan adalah lebih tinggi daripada hasil purata yang dicapai oleh industri di Johor dan juga di Semenanjung, masing-masing sebanyak 19.41 tan dan 17.95 tan.

Sementara itu, harga MSM mula menunjukkan arah aliran menurun pada suku tahun pertama tetapi meningkat kepada RM2,813 setiap tan yang direkodkan pada 2019. Secara keseluruhan, harga MSM berkurangan pada tahun ini pada RM2,119 setiap tan

di atas lebih pengeluaran minyak sawit oleh industri dan jumlah eksport MSM lebih rendah ke negara-negara utama.

Pada 2019, jumlah pengeluaran MSM dari kilang sawit Kulim adalah sebanyak 309,867 tan, meningkat 1.10% daripada 306,483 tan yang dicatatkan pada 2018. Bagi tempoh sama, jumlah pengeluaran isirong sedikit merosot sebanyak 2.39%, daripada 78,995 kepada 77,108 tan pada 2019. Kadar Perahan Minyak (OER) meningkat kepada 21.66%, daripada 21% yang dicapai sebelum ini. Seperti tahun-tahun sebelumnya, OER Kulim lebih tinggi daripada purata industri sebanyak 19.93% untuk Semenanjung dan 20.21% untuk Malaysia secara keseluruhan. Kulim juga mencapai Kadar Perahan Isirong (KER) lebih rendah sebanyak 5.39%, berbanding 5.41% dicatatkan pada 2018.

Dalam komitmen bagi memastikan amalan kemapanan, Kulim meneruskan program penanaman semula bagi meningkatkan profil usia tanaman dan mendapatkan hasil optimum. Bagi

BISNES PERLADANGAN



mencapai matlamat ini, sebanyak 776 hektar telah ditanam semula menggunakan benih klon berpenghasilan tinggi pada 2019. Penanaman semula ini dilakukan secara berperingkat untuk memaksimumkan potensi tanaman sebelum penebangan pokok dilakukan. Pada akhir 2018, kawasan tanaman Kumpulan di Malaysia terdiri daripada 65% kawasan pokok matang, 29% kawasan pokok tidak matang atau pokok muda dan 6% pokok berumur melebihi 23 tahun.

Perladangan di Indonesia

Kulim diberikan hak penanaman (HGU - Hak Guna Usaha) sebanyak 14,511 hektar di wilayah Sumatera Selatan (SumSel), Indonesia. Sebanyak 57.20% atau 8,271 hektar kawasan yang diwartakan telah dibangunkan di mana 5,228 hektar diuruskan oleh PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ) dan selebihnya iaitu 3,043 hektar diuruskan oleh PT Tempirai Palm Resources (PT TPR).

Tempoh asal yang dijadualkan bagi penyempurnaan program pemulihan Kumpulan untuk perladangan di Indonesia ialah pada April 2019. Bagaimanapun, program ini telah disempurnakan lebih awal dari tempoh dijadualkan apabila PT RAJ menyempurnakan kerja pemulihan ke atas 4,317 hektar tanah pada Oktober 2018. PT TPR pula menyempurnakan kerja pemulihan di kawasan seluas 3,191 hektar pada Julai 2018, hampir 10 bulan lebih awal daripada jangkaan.

Pelaburan Kumpulan untuk program pemulihan ladang sejak dua tahun lalu terbukti berkesan melalui peningkatan yang ketara dalam penghasilan tanaman. Kedua-dua ladang tersebut menghasilkan 10,198 tan BTS yang mewakili hasil pengeluaran sebanyak 4.20 tan metrik sehektar dari kawasan 1,938 hektar. Ini menunjukkan peningkatan hasil sebanyak 74.15% berbanding 5,856 tan pada 2018.

Trend ini dijangka kekal mantap berdasarkan keadaan ladang dan penambahbaikan sawit yang menunjukkan potensi kukuh untuk hasil yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Tenaga Boleh Diperbaharui - Biogas

Sisa produk dalam pengeluaran MSM ialah sisa Kumbahan Kilang

Kelapa Sawit (POME), yang menghasilkan sejumlah besar gas metana dari proses anaerobik dan mempunyai 21 kali ganda Potensi Pemanasan Global (GWP) berbanding gas-gas lain. Bagaimanapun, kandungan organik POME yang tinggi berpotensi besar untuk pengeluaran biogas iaitu sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Kulim akan membina kilang biogas di semua lima kilang sawitnya menjelang 2025. Tiga kilang biogas siap beroperasi manakala dua lagi dalam pembinaan.

BISNES PERLADANGAN

Jumlah biogas yang dihasilkan oleh kilang pada 2019 ialah sebanyak 3,781,857 meter padu, yang digunakan terutama untuk penjana kuasa dan pembakaran. Kilang biogas di Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan Kilang Kelapa Sawit Sindora ditutup untuk penyelenggaraan pada 2019. Oleh demikian, semua biogas yang dihasilkan ketika ini adalah dari Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang.

Kerja penyelenggaraan di Kilang Kelapa Sawit Sindora dijangka siap menjelang Jun 2020. Kapasiti Kilang biogas di Kilang Kelapa Sawit Sedenak pula akan ditingkatkan bagi membolehkannya memproses semua POME yang dihasilkan, dan biogas yang dihasilkan akan ditukarkan kepada biometana dan disalurkan ke rangkaian NGDS milik Gas Malaysia. Projek biometana dijangka siap menjelang Disember 2020 untuk menghasilkan anggaran 250,000 Million Metric British Thermal Unit (MMBtu) gas biometana setahun.

Bisnes Nanas

Kulim terlibat dalam industri nanas sejak 2008 dan kini antara pengeluar nanas segar MD2 premium terbesar di Malaysia. Ladang nanas MD2 dikendalikan Kulim Pineapple Farm (KPF) yang

bertanggungjawab mengembangkan, mempromosi dan memasarkan produk nanas dengan jenama *Melita*. Pada 31 Disember 2019, KPF yang mengeluarkan MD2 untuk pasaran tempatan dan eksport mempunyai ladang seluas 418 hektar di Ulu Tiram, Kluang dan Mersing.

Produk hiliran nanas *Melita* (produk -produk OEM) telah disahkan Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Syarikat juga mendapat perakuan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP 2010 - 2020), MYBest, dan Sijil Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT).

Di samping itu, Kulim juga adalah salah satu daripada tiga syarikat di Malaysia yang mendapat kelulusan dari *General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of the People's Republic of China* (AQSIQ) China untuk mengeksport nanas segar ke Republik China. Pengiktirafan rasmi sedemikian telah meningkatkan kepercayaan terhadap produk utama serta produk hiliran. Sehingga kini, *Melita* mempunyai sembilan (9) kiosk jualan yang terletak di Johor Bahru, Seremban dan Kuala Lumpur.

Dalam program pengembangan usahasama bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Agrobank untuk program Agropreneur B40, seramai 12 peserta Agropreneur telah menanam nanas MD2 seluas 24.29 hektar pada 2019.

Bagi tahun sama, Kulim mencapai kemajuan ketara dalam bisnes nanas dengan pendapatan melebihi RM14.62 juta.

Projek Ternakan Lembu

Penglibatan Kulim dalam bahagian bisnes Agro Makanan merupakan satu langkah yang tepat berdasarkan kejayaannya dalam bisnes sawit. Selaras dengan seruan Kerajaan bagi pemilik ladang melaksanakan penternakan lembu dan program padang ragut giliran dan pematuhan terhadap Amalan Pengurusan Penternakan Yang Baik (*Good Animal Husbandry Practices - GAHP*). Lembu dibawa ke ladang-ladang bukan sahaja sebagai salah satu cara untuk pengurusan rumpai tetapi juga sebagai sebahagian dari inisiatif penjimatan kos dalam perladangan kelapa sawit.

LADANG NANAS MD2

418 hektar

HASIL JUALAN NANAS

RM14.62 juta

LEMBU DITERNAK

6,024 ekor



BISNES PERLADANGAN


Projek ternakan lembu dijalankan oleh Selai Sdn Bhd (Selai Cattle) iaitu subsidiari Kulim. Sehingga 2019, jumlah ternakan lembu milik Selai berjumlah 5,808 ekor berbanding 6,199 ekor pada 2018. Jumlah keseluruhan lembu bagi segmen fidlot dan integrasi adalah sebanyak 6,024 ekor, penurunan sebanyak 8% daripada 6,479 ekor pada 2018. Jumlah lebih rendah ini disebabkan penjualan lembu yang kurang produktif dan penghentian kegiatan fidlot.

INTRAPRENEUR VENTURES (IV)

Pada 2019, Bahagian IV mencatatkan pendapatan berjumlah RM37.63 juta, merosot 21.49% berbanding RM47.93 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bahagian IV mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.25 juta pada 2019 berbanding RM1.24 juta yang dicatatkan sebelumnya. Kumpulan Extreme Edge Sdn Bhd (EESB) adalah syarikat yang paling menguntungkan dalam Bahagian ini, menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.04 juta.

Syarikat lain yang mencatatkan prestasi yang memuaskan termasuk Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd (KSTS), MIT Insurance Brokers Sdn Bhd (MIT) dan Perfect Synergy Trading Sdn Bhd (PSTSB).

Oleh kerana berhadapan dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, Kulim telah menilai semula prestasi syarikat-syarikat IV. Syarikat yang berpotensi dan mencatatkan pertumbuhan keuntungan telah dipupuk dan dikembangkan, sementara syarikat yang mengalami kemunduran dinilai semula, disusun




kembali atau digabungkan. Rancangan dan strategi yang terbaik juga telah disusun dalam menangani pasaran yang mencabar dan sentiasa berubah.

MINYAK DAN GAS (O&G)

Tahun kewangan (TK) berakhir 2019 merupakan tahun yang cabaran bagi Bahagian Minyak dan Gas (O&G) Kulim, kerana mencatat LBT sebanyak RM92.51 juta berbanding PBT sebanyak RM73.91 juta pada TK 2018. LBT dicatatkan terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dan kerugian pelaburan usahasama dalam Bahagian Minyak dan Gas di Indonesia berjumlah RM44.03 juta. Bahagian mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak RM307.52 juta, iaitu 34.56% lebih rendah berbanding RM469.92 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya.

Pada 2019, anak syarikat Kulim, E.A. Technique (M) Berhad (EA Tech) menyumbang RM271.87 juta kepada pendapatan Kumpulan, merosot 35.11% berbanding RM419 juta yang dicatatkan pada 2018. EA Tech mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM32.68 juta, berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM90.36 juta pada 2018.

Satu lagi subsidiari Kumpulan, Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin), sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan jaminan kualiti bagi memenuhi keperluan industri khusus, mencatat pendapatan RM35.64 juta pada 2019 dengan penurunan sebanyak 30.01% daripada RM50.92 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya. Danamin juga mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM16.52 juta berbanding RM2.08 juta sebelumnya.

**BISNES
PERLADANGAN**

Di Indonesia, perjanjian PT Citra Sarana Energi (PT CSE) di Indonesia adalah sebahagian daripada keputusan strategik Kulim dalam menceburi bisnes hulu O&G dan memajukan rantai nilai O&G ke dalam kegiatan eksplorasi dan pengeluaran (E&P).

Jalinan usaha sama di Indonesia ini yang kini dalam fasa pengeluaran dijangkakan bermula pada 2021. Walaupun usahasama ini menawarkan sedikit atau tiada sumbangan kepada prestasi kewangan Kumpulan bagi 2019, Kulim percaya sumbangan daripada usahasama tersebut akan meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun akan datang apabila ia memasuki fasa komersial.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Kulim kekal optimistik terhadap prospek Kumpulan bagi tahun yang akan datang dengan asas kami yang kekal kukuh walaupun berhadapan pelbagai cabaran sepanjang 2019. Oleh demikian, Kulim optimis terhadap inisiatif strategik yang dirangka bagi mengukuhkan dan seterusnya menerokai peluang bisnes yang berpotensi tinggi.

AGRIBISNES

Kulim berhasrat mengukuhkan kecekapan dalam Bahagian Agribisnes melalui pengembangan kegiatan hulu sedia ada kepada rantai agribisnes bersepadu dengan penglibatan daripada kegiatan hulu, hiliran, perdagangan dan penciptaan nilai baharu menerusi kegiatan pembuangan sisa kepada keuntungan.

Pengembangan Bahagian Agribisnes amat penting bagi Kulim untuk mengurangkan kebergantungan

terhadap aktiviti hulu minyak sawit dan mengurangkan kesan ketidakpastian harga MSM dan PK kepada Kumpulan. Langkah ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif strategiknya untuk memanfaatkan kepakaran dalam perladangan kelapa sawit dengan memperluaskan kegiatan perladangan kepada bahagian bisnes melibatkan nanas, lembu, kelapa dan tanaman lain yang akan meningkatkan potensi pertumbuhan Kulim pada masa hadapan.

Pada awal Mac 2020, stok minyak sayuran dunia dijangka merosot dan mengakibatkan unjuran harga minyak sawit meningkat. Tanaman utama ini dijangka mempunyai prestasi yang baik sepanjang tahun yang mana jangkakan harga MSM adalah antara RM2,600 setiap tan dan RM2,700 setiap tan pada tahun ini. Pada harga ini, komoditi masih dapat disokong dengan permintaan daripada pasaran utama seperti China dan India.

Tambahan pula, Kumpulan memberi tumpuan untuk menerokai peluang baharu berkaitan produk yang mesra alam dan mempunyai nilai tambah seperti produk hiliran berasaskan kelapa sawit. Penukaran biogas kepada biometana adalah sebahagian daripada *circular economy* dan dilihat sebagai komitmen jangka panjang Kulim untuk amalan kemapanan di segenap rantai bisnes perladangan sawitnya.

Bisnes Nanas

Kulim merancang mengembangkan bisnes nanasnya dan meningkatkan pengeluaran melalui usaha sama dengan agensi kerajaan dan pihak yang berminat. Kulim juga berhasrat untuk mengembangkan produk hiliran nanasnya.

Projek Ternakan Lembu

Matlamat utama Kulim adalah memanfaatkan operasi Selai Cattle bagi operasi lembu integrasi di ladang kelapa sawit untuk meningkatkan kadar kelahiran dan berat jualannya.

BAHAGIAN IV

Matlamat Kulim adalah untuk mewujudkan asas lebih kukuh untuk Bahagian IV dan meningkatkan lagi pertumbuhannya untuk membawa bahagian ini ke tahap lebih tinggi. Pelbagai strategi dilaksanakan untuk mengukuhkan Bahagian IV Kumpulan. Antaranya, menutup bisnes, menuai usaha sama atau strategi pelupusan; mengubah bisnes IV sedia ada selaras dengan bisnes terasnya; kepelbagaian bisnes dan pengukuhan Bahagian IV bagi memastikan kelangsungan bisnes Kumpulan.

BAHAGIAN O&G

Bagi Bahagian O&G di Indonesia, Kulim berhasrat memberi tumpuan kepada penyempurnaan Perjanjian Langganan dan Pembelian Saham Bersyarat (CSSPA) pada 2020. Bergerak ke hadapan, Kulim berhasrat menuai semula pelaburan dalam bisnes O&G, mempertimbangkan melalui usaha sama dengan pihak ketiga atau pengewangan melalui pencairan pegangan ekuiti Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd (KENSBN) di dalam PT CSE untuk potensi pulangan lebih besar.

HARTANAH

Kulim berhasrat meningkatkan nilai tanah milik Kumpulan yang melibatkan penukaran tanah ladang milik Kumpulan kepada projek pembangunan hartanah, terutama di lokasi strategik yang berada dalam populasi pertumbuhan dan permintaan yang tinggi.

BISNES KESIHATAN PAKAR

**KPJ HEALTHCARE BERHAD
(KPJ HEALTHCARE)
TELAH MENCATATKAN
PENCAPAIAN YANG AMAT
MEMBERANGSANGKAN PADA
TAHUN 2019. MESKIPUN
BERHADAPAN DENGAN
KEADAAN EKONOMI GLOBAL
YANG MENCABAR, KPJ
HEALTHCARE TELAH BERJAYA
MEREKODKAN PELBAGAI
PENINGKATAN YANG POSITIF.
INI MEMBUKTIKAN
KEMAMPUAN ORGANISASI
SUPAYA KEKAL MAMPAN.**

PRESTASI KEWANGAN

KPJ Healthcare telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2019. Pendapatan meningkat sebanyak 7%, daripada RM3.4 bilion pada tahun 2018 kepada RM3.6 bilion pada tahun 2019.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) KPJ Healthcare juga telah melonjak sebanyak 29%, daripada RM497.0 juta pada tahun sebelumnya kepada RM640.6 juta pada tahun 2019. Keuntungan sebelum cukai pula meningkat sebanyak 7% kepada RM275.4 juta berbanding RM258.1 juta sebelumnya.



PERTAMBAHAN KAPASITI KUMPULAN

Antara faktor pendorong yang memacu kejayaan KPJ Healthcare hari ini adalah strategi berterusan menambah kapasiti hospital-hospital pakar dalam rangkaianannya. Tiga hospital baharu telah dibuka pada 2019. Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn (KPJBDO) di Johor memulakan operasi pada Februari 2019 dengan enam kepakaran utama. Selepas setahun beroperasi, KPJBDO telah diberi mandat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menawarkan lebih banyak jenis perkhidmatan kepada pesakit daripada dalam dan luar negara, terutamanya daripada Indonesia. Sebuah lagi hospital baharu di Johor adalah Hospital Pakar

**BISNES
KESIHATAN PAKAR**

KPJ Batu Pahat (KPJBP) yang dibuka pada bulan September 2019. Dengan kapasiti 90 katil pesakit dan mempunyai 11 konsultan pakar, KPJBP mampu menyediakan perkhidmatan untuk warga tempatan selain pelancong kesihatan daripada Indonesia.

Hospital Pakar KPJ Miri, yang terletak di Bandar Baru Permyjaya telah dibuka pada Disember 2019, bagi memenuhi keperluan penduduk Bandaraya Miri yang semakin pesat berkembang, selain

pelancong kesihatan daripada Brunei dan Indonesia. Selain hospital baharu, KPJ Healthcare juga menambah dan mempertingkatkan kemudahan di hospital-hospital sedia ada. Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri telah membuka blok baharu berkapasiti lebih 140 katil. Kelebihan blok baharu ini adalah sebuah pusat onkologi yang dilengkapi dengan teknologi PET-CT terkini bagi pengimejan tidak invasif, selain kemudahan radioterapi bagi merawat pesakit kanser. Di Negeri Sembilan, Hospital Pakar KPJ Seremban turut mempunyai blok baharu yang menempatkan dua wad dengan 48 katil dan 34 kerusi mesin dialisis tambahan, yang telahpun beroperasi pada September 2019. Ini menjadikan KPJ Seremban sebagai hospital swasta terbesar di Negeri Sembilan, dengan 199 katil pesakit. Di utara, kedudukan Hospital Pakar KPJ Perlis, iaitu satu-satunya hospital swasta di negeri Indera Kayangan, semakin mantap setelah diberi kelulusan oleh KKM menambah bilangan katil pesakitnya menjadi 36 katil. Ini melambangkan kepercayaan KKM terhadap kemampuan KPJ Perlis merawat pesakit tempatan mahupun pelancong kesihatan, terutamanya daripada selatan Thailand dan Langkawi.

KPJ HEALTHCARE DI LUAR NEGARA

KPJ Healthcare mempunyai dua hospital di Indonesia iaitu Rumah Sakit Permata Hijau (RSMPH) dan Rumah Sakit Bumi Serpong Damai (RSMBSD) yang terletak di Jakarta. Kedua-dua hospital tersebut merekodkan pertumbuhan pendapatan dua angka, hasil usaha pemasaran berkesan yang dijalankan di samping pakej-pakej rawatan baharu yang menarik pelanggan.

Pendapatan RSMBSD telah meningkat sebanyak 40% dari RM22.1 juta

PENDAPATAN 2019 BAHARU

RM3.6 bilion

EBITDA

RM640.6 juta

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

RM275.4 juta

BLOK BAHARU DI KPJ AMPANG PUTERI BERKAPASITI LEBIH

140 buah katil

BILANGAN PESAKIT DI WAD RSMBSD


4,155 pesakit

pada tahun 2018, kepada RM31.1 juta pada tahun 2019. Antara faktor utama yang merangsang kenaikan ini adalah pertambahan aktiviti hospital. Di samping itu, bilangan pesakitnya juga telah meningkat sebanyak 39%, kepada 4,155 orang dengan purata kadar kepenghunan katil sebanyak 46%. Bilangan pesakit luar juga telah bertambah sebanyak 17% kepada 79,253 orang. RSMPH pula mencatatkan pendapatan sebanyak 23% kepada RM27.3 juta pada tahun 2019. Bilangan pesakit yang dimasukkan ke wad pula bertambah sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya, dan bilangan pesakit luar pula menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 2% daripada tahun terdahulu.

Di Dhaka, Bangladesh, Sheikh Fazilatunnesa Mujib Memorial KPJ Specialised Hospital & Nursing College merekodkan pertambahan bilangan pesakit dalam sebanyak 55.9% kepada 6,608 pesakit, manakala bilangan pesakit luar pula meningkat sebanyak 25.3% kepada 142,493 orang.



BISNES KESIHATAN PAKAR



PELANCONGAN KESIHATAN

KPJ Healthcare telah mempamerkan kejayaan cemerlang yang berterusan dalam aktiviti pelancongan kesihatannya. Pada 2019, pendapatan daripada usaha-usaha pelancongan kesihatannya meningkat 7%, daripada RM140.4 juta pada 2018 kepada RM150.3 juta pada tahun 2019.

Bilangan lawatan oleh pelancong kesihatan ke hospital-hospital KPJ Healthcare bertambah 5%, daripada 158,711 lawatan pada tahun 2018 kepada 166,671 lawatan pada tahun 2019. Bidang-bidang rawatan KPJ Healthcare yang menarik pelancong kesihatan termasuklah ortopedik, kardiologi, pembedahan am, gastroenterologi dan respiratori.

Indonesia antara pasaran utama bagi pelancongan kesihatan yang telah menyumbang sebanyak RM73.7 juta berbanding RM60.0 juta pada tahun sebelumnya. Selain daripada Indonesia, terdapat beberapa negara lain yang menjadi fokus utama pelancongan kesihatan antaranya ialah Bangladesh dan Somalia yang masing-masing menyumbang sebanyak RM3.67 juta dan RM 4.08 juta pada tahun 2019.

KPJ Healthcare juga telah mengenal pasti beberapa negara yang berpotensi untuk pelancongan kesihatan antaranya China, Myanmar, Pakistan dan Vietnam yang masing-masing menyumbang sebanyak RM6.9 juta, RM2.03 juta, RM1.76 juta dan RM1.7 juta.

Bagi memastikan KPJ Healthcare besaing secara kompetitif, pelbagai inisiatif telah diambil antaranya dengan memperkenalkan beberapa pakej pemeriksaan kesihatan untuk pasaran antarabangsa antaranya pembedahan bariatrik, endoskopi, pembedahan penggantian lutut dan 'paket wisata kesihatan'.

Selain itu juga, rangkaian hospital KPJ Healthcare juga turut menaik taraf perkhidmatan dengan menawarkan beberapa perkhidmatan antaranya, kemudahan penghantaran dua hala daripada lapangan terbang ke hospital, *International Patient Centre Lounge*, penggunaan insuran antarabangsa dan sebagainya.

KPJ HEALTHCARE TELAH MEMPAMERKAN KEJAYAAN CEMERLANG YANG BERTERUSAN DALAM AKTIVITI PELANCONGAN KESIHATANNYA. PADA 2019, PENDAPATAN DARIPADA USAHA-USAHA PELANCONGAN KESIHATANNYA MENINGKAT 7%, DARIPADA RM140.4 JUTA PADA 2018 KEPADA RM150.3 JUTA PADA TAHUN 2019.

PEMBUDAYAAN INOVASI

Di KPJ Healthcare, inovasi tidak terhad kepada penggunaan teknologi canggih semata-mata. Sebaliknya, ia meliputi semua usaha menambah nilai secara Kumpulan.

Berfikiran kreatif serta berinovasi, KPJ Healthcare mempelbagaikan kaedah menawarkan pelayanan kesihatan. Ini termasuk antaranya memperkenalkan kemudahan penghantaran ubat ke rumah pesakit selain membolehkan pesakit mengambil ubat melalui pusat pandu-lalu di hospital. Perkhidmatan lain termasuk telekonsultasi bagi memudahkan pesakit berinteraksi secara atas talian dengan konsultan pakar pilihan mereka di mana jua mereka berada.

MELINDUNGI ALAM SEKITAR

Pencemaran alam sekitar yang mengakibatkan perubahan iklim telah mendorong KPJ Healthcare melancarkan kempen membanteras penggunaan plastik sekali-guna pada 2019. Hampir kesemua (92%) hospitalnya telah menyempurnakan peralihan daripada penggunaan penyedut plastik kepada alternatif bukan plastik atau bahan biodegradasi.

Hospital-hospital KPJ Healthcare telah menghentikan pengedaran air mineral di dalam botol plastik serta penggunaan beg plastik dalam operasi hariannya.

Di samping itu, KPJ Healthcare turut meneruskan program Kitaran Sisa Plastik Klinikal di mana sisa plastik daripada operasi klinikal boleh dikitar semula.

TADBIR URUS KORPORAT

Beberapa peralihan telah berlaku dalam barisan Lembaga Pengarah KPJ Healthcare pada awal tahun 2020. Ini termasuklah perantikan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (INED) KPJ Healthcare yang paling ramai setakat ini, iaitu sembilan daripada 13 orang Ahli Lembaga Pengarah semasa. Mereka adalah Dato' Yusli Bin Mohamed

Yusoff selaku Pengerusi KPJ Healthcare, Datuk Mohd Radzif bin Mohd Yunus, Dato' Dr Ngun Kok Weng, Encik Mohamed Ridza bin Abdulla, Dato' Mohd Redza Shah bin Abdul Wahid, Dato' Dr Sivamohan a/I S. Namasivayam dan Encik Khairuddin bin Jaflus.

Di samping itu, KPJ Healthcare juga telah melantik tiga Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (NINED) yang terdiri daripada Dato' Seri (Dr) Mohamed Azahari bin Mohamed Kamil, Encik Rozaini bin Mohd. Sani dan Encik Shamsul Anuar bin Abdul Majid.



BISNES KESIHATAN PAKAR

Selaras dengan perubahan di dalam Lembaga Pengarah, KPJ juga telah menyusun semula beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Perubahan tersebut meliputi Jawatankuasa Pencalonan dan Remunerasi (NRC), Jawatankuasa Pembangunan & Perolehan (DPC), Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS), Jawatankuasa Pelaburan (IC), Jawatankuasa Audit (AC) dan Jawatankuasa Risiko dan Tadbir Urus Governans (RGC).

KPJ Healthcare juga bersedia dengan polisi pematuhan sejajar dengan keputusan Suruhanjaya Sekuriti yang memperkenalkan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia 2009 berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020. Akta ini memperketatkan peraturan sedia ada kepada organisasi komersial bagi memastikan etika perniagaan yang berintegriti dan bebas rasuah. Berdasarkan situasi tersebut, KPJ Healthcare menggunakan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (Anti Bribery Management System - ABMS), dengan 10 Prosedur Operasi Standard ABMS yang akan melalui proses audit ISO 37001 (Sistem Pengurusan Anti Rasuah). Ini diikuti dengan pelantikan seorang Ketua Pegawai Integriti (CIO) yang berpengalaman luas melaksanakan pelbagai polisi dan strategi bagi menambahbaik tadbir urus governans, etika korporat dan sistem integriti dalam Kumpulan.

KEMANTAPAN ANGGOTA PEKERJA

Pembangunan modal insan adalah salah satu strategi penting dalam usaha KPJ Healthcare mengekalkan kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan negara. Pada penghujung tahun 2019, KPJ mempunyai seramai 15,264 anggota pekerja, termasuklah

7,029 orang jururawat, 2,047 orang warga kerja perkhidmatan bersekutu dan 1,105 konsultan perubatan yang menjadi teras perkhidmatan hospital-hospital Kumpulan KPJ.

Barisan kepimpinan KPJ Healthcare sentiasa mengambil kira pembangunan warga pekerjaannya. Pelbagai program pembangunan tenaga insan sentiasa disediakan sejak daripada awal penubuhannya, sama ada program jangka pendek mahupun panjang. Usaha ini bertujuan meningkatkan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan berkualiti tinggi.

Pada tahun 2019, KPJ Healthcare memperkenalkan beberapa anjakan baru, bertujuan meningkatkan tahap kompetensi dan kemantapan tenaga kerja Kumpulan. Matlamat kepimpinan organisasi adalah untuk mewujudkan

modal insan yang dinamik dengan daya saing tinggi, demi menjana kemajuan bersama di dalam semua aspek.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

KPJ amat mementingkan komitmennya sebagai penyedia perkhidmatan yang bertanggungjawab, terutama kepada yang kurang berkemampuan.

Masyarakat berpendapatan rendah yang memerlukan sokongan bagi mendapatkan akses rawatan dan penjagaan kesihatan yang memerlukan perbelanjaan tinggi disantuni oleh KPJ melalui program Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara. Melalui inisiatif Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), KPJ telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai tanggungjawab KPJ kepada komuniti dan masyarakat. Kini klinik Wakaf



BISNES KESIHATAN PAKAR

An-Nur berjumlah 18 klinik dengan 4 klinik bergerak. Kesemua KWAN beroperasi di lokasi-lokasi masjid yang terpilih dan mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

Pada tahun 2019, seramai 124,618 pesakit di seluruh Malaysia telah menikmati perkhidmatan yang disediakan.

Manakala klinik-klinik bergerak pula adalah hasil usahasama dengan Baitulmal negeri-negeri, Lembaga Zakat, serta badan-badan seperti Perbadanan Waqaf Selangor dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

KWAN sedang berusaha membuka lebih banyak Klinik Bergerak. Buat masa kini, pihak KWAN sedang berurusan dengan pihak Lembaga

Zakat Negeri Kedah, Zakat Negeri Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Sabah.

Tahun 2019 juga menyaksikan KPJ Healthcare prihatin terhadap kejadian di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor akibat pencemaran sisa toksik yang dibuang secara haram sehingga menjejaskan kesihatan 937 orang dan 111 sekolah di sekitarnya terpaksa ditutup pada Mac 2019.

KPJ Healthcare telah menggerakkan 82 sukarelawan daripada hospitalnya di Johor Bahru supaya mengambil bahagian dalam misi menyelamatkan yang dijalankan bersama Briged Waqaf JCorp. Melalui misi tersebut, KPJ Healthcare telah menyampaikan bantuan perkhidmatan klinikal, ubat-ubatan dan pelbagai keperluan lain kepada mangsa bencana. KPJ Healthcare turut

menyumbang ke arah peningkatan taraf sosioekonomi serta pemeliharaan alam sekitar, agar memelihara kelestarian alam sekitar.

Pegangan ini sejajar dengan kedudukan KPJ Healthcare dalam global FTSE4 Good Bursa Malaysia, yakni piawaian antarabangsa yang menilai prestasi syarikat dalam menguruskan polisi-polisi amalan penjagaan alam sekitar dan sosial.

ANUGERAH KECEMERLANGAN

Kemantapan prestasi KPJ Healthcare terbukti apabila ia berjaya meraih pelbagai anugerah dan penghargaan sepanjang 2019. Hospital Pakar KPJ Ipoh telah meraih anugerah yang berprestij Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri 2018 dan Anugerah Pengurusan Hospital Asia 2019.

Hospital Pakar KPJ Tawakkal KL pula telah diberi pengiktirafan sebagai Orthopaedic Service Provider of the Year (Asia Pacific) di majlis penyampaian Global Health & Travel Awards. KPJ Healthcare juga terpilih sebagai antara pemenang Anugerah Platinum di dalam kategori Reader's Digest Most Trusted Brands berasaskan kaji selidik yang dijalankan oleh Reader's Digest di kalangan pengguna. Anugerah ini membuktikan keupayaan KPJ Healthcare mengekalkan keyakinan dan kesetiaan pengguna apabila tersenarai sebagai pemenang dalam sektor Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan sejak 2012 lagi dan pengiktirafannya telah meningkat ke tahap lebih tinggi pada 2018 dan 2019. Semua anugerah dan penghargaan yang diterima oleh KPJ Healthcare akan mengukuhkan lagi reputasinya sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia.



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

KFC MALAYSIA

ASAL-USUL KFC MALAYSIA BERMULA HAMPPIR 50 TAHUN LALU APABILA RESTORAN PERTAMA DIBUKA DI JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 1973.

Sejak itu, KFC mengalami skala pertumbuhan yang baik dan mempertahankan penguasaan pemasarannya dari segi pencapaian dengan sejumlah 736 restoran pada Disember 2019. Sebanyak 33 restoran ditambah pada rangkaian dengan jumlah pembukaan 23 restoran baharu. Sepuluh daripadanya dibina dengan kemudahan pandu lalu. Sementara itu, 137 cawangan dinaik taraf bagi memberi suasana baharu dan terkini selari dengan warisan KFC.

KFC terus mencerminkan komitmen untuk memberi pengalaman pelanggan yang terbaik melalui khidmat digital. Jualan di kedai dan fasiliti atas talian (*online*) dioptimum dan dipertingkatkan selain memberi fokus kepada kemudahan pemesanan makanan dan kepantasan perkhidmatan. Kemajuan restoran disokong dengan inovasi berlandaskan teknologi termasuk saluran pembayaran digital serta pemesanan makanan dan pengambilan juga secara digital. Selari perjalanannya ke arah transformasi digital sepanjang 2019, KFC Malaysia

menguatkan lagi titik jualan (POS), paparan dapur dan sistem penghantaran untuk menyempurnakan kecekapan operasi sambil memberikan khidmat yang baik kepada pelanggan.

KFC kekal sebagai jenama kegemaran rakyat Malaysia apabila berjaya mengekalkan kedudukan sebagai jenama pilihan rakyat Malaysia 2019 dengan membawa pulang piala emas kelima berturut-turut di bawah kategori 'Restoran & Makanan Segera' pada majlis anugerah *Putra Brand - The People's Choice Awards 2019*. Ini diikuti dengan beberapa anugerah digital dan pengiklanan yang diiktiraf termasuk *Grand Prix - Optimisation on Steroids* pada majlis anugerah *Malaysian Digital Association 2019* dengan membawa pulang kemenangan *Grand Prix* untuk penyertaan terbaik *Anything's Better With Golden Egg Crunch - Even Ad Breaks!* selain *Advertiser of the Year Award*.



- 01 Pakaian Seragam baharu pekerja KFC Singapura dicipta oleh pereka fesyen terkenal di negara itu, Thomas Wee.
- 02 Produk kegemaran ramai, Golden Egg Crunch.
- 03 KFC Zinger Double Down kembali pada 2019.

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

Tiga daripada keluaran terkenal KFC telah dilancarkan semula pada 2019 termasuk produk ikonik *KFC Popcorn Chicken*. Hidangan kesukaan ramai tahun 90-an ini kembali atas permintaan ramai dengan cita rasa yang lebih diperkaya dan perisa *Hot & Spicy*. Peminat tegar *KFC Popcorn Chicken* dikejutkan dengan penghantaran istimewa kotak *Popcorn Chicken* saiz gergasi sebelum tarikh pelancarannya, sekali gus menimbulkan kegemparan, sesuai dengan identitinya sebagai sebuah produk ikon. KFC terus memikat pelanggan setianya dengan membawa kembali burger popularnya - *KFC Zinger Double Down* dan produk

kegemparan ramai, *Golden Egg Crunch* pada sambutan Hari Raya.

Sebagai tambahan kepada pelancaran semula produk-produk popular, KFC Malaysia terus menarik perhatian pelanggan dengan memperkenalkan promosi nilai seperti '*Chicken Tuesday*' - 9 ketul ayam pada harga RM19.90, '*RM8.90 Fill Up Box*' dan promosi nugget ayam '*20 for RM15*'. Promosi nilai meningkatkan jualan dan transaksi kedai yang sama untuk setiap tettingkap kepada purata 4.3% dan 3.7%.

KFC mempertingkatkan lagi kehadiran aplikasi mudah alih dan digital menerusi lebih banyak inisiatif besar serta promosi hebat sepanjang tahun. Ini termasuk melancarkan kemudahan '*self-collect*', kiosk dan kerjasama dengan platform *e-commerce* terkenal (*Lazada & Shopee*), pemandu agregator (*Food Panda*), automasi CRM dan kerjasama dengan aplikasi *gaming*. Semua usaha ini ditawarkan kepada pelanggan untuk memberikan mereka kemudahan akses, pengalaman dan hubungan baik dengan jenama KFC.

Pada penutup tahun perniagaan 2019, KFC Malaysia mencatat hasil pertumbuhan perolehan sebanyak RM2.8 bilion dengan pertumbuhan 2.2% daripada RM2.74 bilion tahun sebelumnya.

Sementara mengekalkan fokus utama kepada melazatkan lagi ayam goreng Resipi Kolonel kegemaran ramai, KFC berjaya menaikkan namanya pada 2019 melalui kolaborasi dengan jenama pakaian *streetwear* tempatan, *Pestle & Mortar Clothing*. Berinspirasi rakyat Malaysia, dicipta oleh rakyat Malaysia untuk rakyat Malaysia, koleksi pakaian *streetwear* terhad '*11 Finger Lickin' Good Goods*' ini membawa kelainan

JUMLAH RESTORAN KFC

736 restoran

RESTORAN BAHARU DIBUKA

23 restoran

PEROLEHAN 2019

RM2.8 bilion

RESTORAN KFC DI SINGAPURA

85 restoran

PEROLEHAN KFC SINGAPURA

SG\$176.9 juta

bagi meraikan negara, rakyat serta asal-usul jenama KFC di Malaysia selain memperingati Hari Malaysia. Selaku jenama yang mementingkan keaslian, KFC bertekad untuk membina hubungan erat dengan rakyat Malaysia dan memupuk semangat sayangkan jenama dengan menggambarkan identiti bersih dan memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat. Keseluruhan hasil jualan daripada kempen ini disalurkan kepada dana *Add Hope Malaysia*, sebuah program tanggungjawab sosial korporat KFC dalam menangani kebuluran dunia.

KFC Singapura

KFC Singapura pada 2019 terus mengukuhkan kedudukan sebagai perniagaan *quick service restaurant* (QSR) berasaskan ayam terkemuka menerusi 11 inovasi menarik. Antara produk yang menonjol termasuk *Parmesan Truffle, Mala, Cereal* dan *Sour Cream & Onion* dan produk yang banyak menghiasi laman *Instagram* seperti *Mac 'N Cheese Zinger* dan *Waffles O.R. Double Down*. Bagi semua inovasi ini, *Cereal Chicken*



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN




adalah produk terlaris dengan penjualan lebih 1.1 juta ketul ayam sepanjang Julai, mengakibatkan penutupan promosi 11 hari lebih awal daripada tarikh sebenar.

Pengenalan kepada produk baharu *KFC Mac 'N Cheese Zinger* pada Februari telah menarik perhatian dunia apabila berita mengenai produk tersebut diterbitkan oleh media sedunia dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Berita yang tersebar luas itu mendorong permintaan tinggi produk ini di pasaran antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada strategi meningkatkan transaksi dan menawarkan lebih nilai kepada pelanggan, KFC Singapura melancarkan beberapa promosi penjimatan seperti *SG\$4.95 Lunch Box*, *8 for SG\$12*, *Chicken Tuesday* dan *value couponing* sepanjang tahun.

Dengan inspirasi untuk menghidangkan hanya yang terbaik kepada pelanggan, KFC Singapura melangkah ke hadapan dengan pelancaran kedai berkonsepkan dapur terbuka di *The Tank @ KFC Tampines Mall* pada April 2019. Pertama di Singapura dan Asia Tenggara, *The Tank* menampilkan dapur bercermin terbuka yang membolehkan pelanggan melihat bagaimana ayam goreng KFC disediakan. Keistimewaan kedai ini mendapat liputan berita yang meluas serta maklum balas positif daripada pelanggan.



Dalam usaha digitalnya, KFC Singapura memperbaharui platform pesanan *online* dengan menambah khidmat pra-tempah untuk khidmat makan di restoran dan bawa pulang, selain daripada pilihan penghantaran. Aplikasi pesanan ini telah memberikan pelanggan keselesaan dan kemudahan untuk memesan lebih awal serta mengambil makanan yang dipesan di lokasi KFC pilihan pada waktu yang diinginkan tanpa perlu berbaris panjang.

Restoran KFC di Singapura kini semakin berkembang dengan teknologi kiosk pesan sendiri untuk menangani kekurangan pekerja. Pengurangan pengambilan pekerja di kaunter membolehkan perkhidmatan *Service Rock Stars* untuk melayan pelanggan. KFC Singapura seterusnya memperkenalkan dua restoran dengan konsep ini di Funan Mall dan PLQ.

Dalam mengekalkan gaya penampilan dan menaikkan semangat bekerja di KFC, pakaian seragam baharu dicipta oleh pereka fesyen terkenal Singapura, Thomas Wee dan dilancarkan pada Julai 2019. Dengan pilihan warna-warna menyerlah, pakaian seragam baharu ini bukan sahaja selesa malah tampil menerusi empat rekaan yang bersesuaian dengan peranan setiap pekerja.

Bagi mencapai kelestarian perniagaan, KFC Singapura berhenti menggunakan cawan plastik pada Oktober 2019 dengan memperkenalkan cawan kertas sebagai satu inisiatif hijau; seterusnya mengurangkan penggunaan enam juta cawan plastik setahun. Ini diikuti satu lagi inisiatif untuk mengurangkan sisa pembuangan dengan memperkenalkan percubaan dulang makanan guna semula di dua restoran KFC bagi menggantikan kotak kertas untuk

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN



KFC Brunei

KFC Brunei mencatat jumlah perolehan BND13.64 juta pada 2019 iaitu kenaikan 12.4% berbanding 2018. Pertumbuhan ini dicapai melalui perancangan strategik perniagaan dan disokong beberapa promosi pemasaran yang dijalankan pada 2019, meskipun terkesan dengan saingan daripada perkembangan pesat di Miri dan kadar pertukaran yang tinggi telah menggamit kecenderungan perbelanjaan rakyat Brunei di bandar itu.

Bagi membantu meningkatkan lagi prestasi jualan, KFC Brunei mengaktifkan pemasaran kedai tempatan dalam memacu kesedaran promosi dan memperkenalkan beberapa tawaran perkhidmatan penghantaran KFC yang menarik. Ini termasuk promosi diskaun 20% untuk *Snack Plate* atau *Dinner Plate* serta promosi *Chicken Tuesday*. KFC Brunei juga bercadang memperkukuhkan kehadiran digitalnya dengan aplikasi mudah alih sebagai sebahagian daripada pemacu untuk pertumbuhan jualan pada masa hadapan.

KFC Brunei meneruskan tanggungjawab sosial korporat dengan menghulurkan bantuan kepada golongan kurang berkemampuan di negara itu menerusi aktiviti seperti sumbangan secara tahunan kepada rumah kebajikan serta ketika musim perayaan.

KFC Brunei mengakhiri 2019 dengan 18 restoran. Dua restoran baharu ditambah ke rangkaian manakala enam restoran telah dipertingkatkan. Usaha meningkatkan lagi pengalaman makan pelanggan dalam menghadapi pesaing-pesaing baharu sekali gus meningkatkan jualan antara 15% hingga 20% selepas kerja menaik taraf premis. Perolehan ramalan KFC Brunei untuk 2020 ditetapkan pada kira-kira 10%

berbanding 2019 dengan beberapa rancangan selain sebuah kedai berpotensi baharu serta tiga kedai dalam proses pengubahsuaian.

KFC Kemboja

KFC Kemboja mencatatkan peningkatan perolehan 11.3% berbanding 2018 dengan jumlah jualan sebanyak USD4.9 juta pada 2019. Usaha untuk memacu peningkatan didorong peningkatan jualan menerusi perkhidmatan penghantaran melalui perkongsian dengan lebih banyak agregator. Pada 2019, jualan penghantaran meningkat 44% berbanding 2018. Beberapa produk baharu turut diperkenalkan untuk mengukuhkan jumlah penjualan.

Lonjakan dalam pelaburan langsung asing dan peningkatan bilangan pelancong sebanyak 8% telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi positif di Kemboja. Pengembangan eksport yang pesat dan permintaan dalaman yang teguh juga adalah titik tambah yang membawa kepada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi di kalangan penduduk tempatan. KFC Kemboja menutup 2019 dengan 12 restoran termasuk pembukaan sebuah restoran baharu di kompleks beli-belah *Furi Times Square* di Sihanoukville pada November 2019.

13 hidangan menu. Inisiatif terkini ini dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada 2020.

Memberi balik kepada masyarakat adalah falsafah utama syarikat KFC di seluruh dunia. Pada 2019, sejumlah 110 pekerja bahagian sokongan restoran telah meluangkan masa di Pusat Penjagaan Hospis - satu inisiatif kerja amal KFC untuk menceriaikan pesakit di sana. Pada Oktober 2019, sekumpulan 14 pekerja KFC membantu untuk mengutip SG\$37,583 untuk dana HCA menerusi acara kayuhan basikal, *The Dandelion Ride*, di mana KFC telah dinobatkan sebagai pengumpul dana tertinggi.

Tahun 2019 berakhir dengan 85 cawangan restoran, penambahan dengan satu unit restoran baharu. Kutipan jualan meningkat 0.5% daripada 2018 dengan SG\$176.9 juta iaitu peningkatan SG\$0.9 juta daripada tahun sebelumnya. Peningkatan disumbangkan oleh impak jualan tahun penuh beberapa cawangan bersaiz besar yang turut menghasilkan kenaikan positif sebanyak 0.8% bagi jualan kedai yang sama.

PEROLEHAN KFC BRUNEI

BND13.64 juta

RESTORAN BEROPERASI

18 restoran

12 OUTLET KFC KEMBOJA

USD4.9 juta

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

PIZZA HUT MALAYSIA

PIZZA HUT MALAYSIA MERAHAI PENCAPAIAN LUAR BIASA TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT, DENGAN PEROLEHAN BERJUMLAH RM596 JUTA IAITU KENAIKAN SEBANYAK 6.6% BERBANDING 2018, KESAN DARIPADA PERUBAHAN BESAR YANG DILAKSANAKAN SEJAK 2016.

Kejayaan ini adalah hasil komitmen berterusan kepada strategi penjenamaan yang kukuh, dengan memaksimumkan pengalaman pelanggan kepada tiga teras utama iaitu model peningkatan nilai berulang; inovasi produk yang menarik; serta transformasi digital bagi kemudahan dan keselesaan pelanggan.

Kecekalan dalam pelaksanaan telah memperkuatkan lagi asas perniagaan Pizza Hut. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan urus niaga yang tinggi pada jualan kedai yang sama iaitu pada 5%. Penambahan kedai terus meningkatkan lagi pertumbuhan transaksi kepada sistem keseluruhan sebanyak 8.5%, seterusnya mengukuhkan kedudukan Pizza Hut sebagai rantaian restoran piza nombor satu di Malaysia. Pembukaan Pizza Hut ke-400 menandakan kejayaan baharu syarikat dengan jumlah kedai hampir dua kali ganda berbanding pesaing utamanya.

Ulangan model pembelian bernilai seperti promosi bawa pulang 'WOW', terbukti relevan dan instrumental dalam memacu penembusan jenama kepada pelanggan sasaran, dengan menentang aksesibiliti kepada jenama. Kempen pemasaran WOW yang diberi nafas baharu terus menyumbang kepada pertumbuhan dua digit sejak ia mula dilancarkan pada 2016.

Inovasi yang menarik telah membantu dalam meningkatkan pengalaman

jenama dan mengukuhkan keunggulan yang mendorong kepada kekerapan kunjungan yang lebih tinggi dan purata tiket. Antara inovasi produk yang laris pada 2019 adalah *Durian Cheese Pizza* dan *Black Volcano Pizza*. Kempen istimewa yang berdasarkan minat kepada muzik, 'The Singing Pizza', juga dilancarkan pada 2019, sekali gus mengubah cara rakyat Malaysia menikmati piza melalui penggunaan kotak piza inovatif yang juga digandakan sebagai kotak muzik digital. Kempen ini memberi peluang kepada Pizza Hut untuk mempopularkan jenama kepada golongan pelanggan yang lebih muda.

Dalam meneruskan perjalanan transformasi digitalnya, Pizza Hut

melancarkan aplikasi mudah alih di dalam *Fast Casual Digital Store* (FCDS) untuk proses pemesanan yang lebih mudah dan cepat. Ia dipertingkatkan dengan visual makanan yang lebih menarik bagi meningkatkan lagi tarikan pelanggan.

Pizza Hut terus berkembang dengan cita rasa rakyat Malaysia dan pengenalan restoran *Fast Casual Delco* (FCD) adalah antara buktinya. Kedai jenis ini dibina untuk menampung khidmat penghantaran makanan yang semakin berkembang pesat dan memberikan pengalaman makan di kedai yang kasual dan berkonsep kontemporari.

Tahun 2019 terbukti menjadi tempoh kecemerlangan Pizza Hut Malaysia



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

apabila berjaya merangkul pelbagai anugerah terulang termasuk Anugerah Perak sempena *Putra Brand Awards* kategori Restoran & Makanan Segera selain menjuarai Anugerah *R.E.D YUM Asia Pasifik*. Kempen inovatif menerusi 'Singing Pizza' dan *Pizza Hut Delivery App* pula merangkul pelbagai piala di atas kecemerlangan dalam pemasarannya. Antaranya ialah *The Effie Awards*, *The Marketing Excellence Awards*, *The Kancils Award*, *The Appies Malaysia* dan *The Mob-Ex Award*.

perintis kepada teknologi ini pada 2018 dan kini YUM mengekalkannya sebagai piawai global kepada semua restoran khidmat penghantaran Pizza Hut. Sistem ini telah membantu Pizza Hut Singapura meningkatkan pengalaman pelanggan dengan penghantaran produk yang pantas, panas dan segar.

Pizza Hut Singapura juga melebarkan khidmat penghantaran menerusi kerjasama dengan *Grab Food* (sebagai tambahan kepada kerjasama sedia ada



PIZZA HUT SINGAPURA

Tahun 2019 adalah tempoh paling mencabar bagi Pizza Hut Singapura. Sistem transaksi sebanyak SG\$93.3 juta mengalami kemerosotan sebanyak 1% (SG\$1.2 juta) berbanding 2018 (SG\$94.5 juta). Sementara mendapat manfaat daripada kerjasama agregator makanan, secara keseluruhannya pertumbuhan agresif dalam agregator khidmat penghantaran makanan terjejas oleh jualan sendiri, justeru berlaku sedikit penurunan pada jualan penghantaran.

Pizza Hut Singapura melaksanakan beberapa inisiatif perniagaan utama pada 2019. Bagi khidmat penghantaran, 2019 adalah tahun kedua pelaksanaan sistem digital *The Dragon Tail Kitchen and Rider Management*. Pizza Hut Singapura adalah

bersama *Foodpanda* dan *Deliveroo*. Kerjasama ini memberi kesan kepada perniagaan seperti *Grab Food* selaku syarikat terbesar yang menguasai 50% hingga 60% jumlah agregat bahagian pasaran ketika ini.

Jenama ini turut mempertingkatkan lagi platform pesanan secara atas talian (*online*) dan aplikasi pesanan mudah alih dengan melancarkan konsep *Fast Casual Digital Store (FCDS)*, mengikut standard Global YUM. Ianya bagi melancarkan khidmat penghantaran ke rumah dan memudahkan lagi pelanggan yang gemar memesan dengan cara ini. Pizza Hut Singapura optimis dengan pelaksanaan sepenuhnya konsep FCDS pada 2020 yang bakal menyumbang peningkatan kepada segmen khidmat penghantaran.

PEROLEHAN

RM596 juta

RESTORAN DI MALAYSIA

400 restoran

PEROLEHAN DI SINGAPURA

SG\$93.3 juta

OKU BEKERJA DI PIZZA HUT SINGAPURA

80 orang

Bagi segmen makan di restoran, Pizza Hut Singapura melancarkan teknologi baharu 'Bring Your Own Device (BYOD)' - 'Bawa-Peranti-Sendiri'. Menerusi teknologi ini, pelanggan boleh memesan makanan dan membuat pembayaran melalui telefon bimbit sendiri - satu inovasi yang memudahkan mereka untuk mengalami kehidupan digital, moden dan pantas. Sementara mod pembelian dan transaksi ini adalah satu kebiasaan di negara seperti China dan Hong Kong namun ianya adalah sesuatu yang baharu di Singapura sekali gus menjadikan Pizza Hut Singapura sebagai peneraju khidmat ini di republik itu.

Dalam usaha memberi balik kepada masyarakat, Pizza Hut Singapura menawarkan pekerjaan kepada 80 orang kurang upaya di seluruh republik itu dan berbangga di atas kerjasama eratnya dengan *Association of Persons with Special Needs (APSN)*. Pada 2019, Pizza Hut Singapura melancarkan peraduan merekacipta kotak piza di kalangan pelajar sekolah APSN. Rekaan yang memenangi peraduan ini telah digunakan oleh Pizza Hut Singapura sepanjang sambutan Krismas. Pada sambutan Krismas tahunan dengan sekolah APSN, Pizza Hut Singapura menghantar piza percuma kepada pelajar melalui penunggang penghantaran berpakaian seperti Santa Claus. Pada majlis itu, pelajar yang memenangi peraduan merekacipta kotak turut menerima hadiah.

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

BAHAGIAN HULUAN

BAHAGIAN HULUAN QSR BRANDS TERDIRI DARIPADA:

- **OPERASI INTEGRASI PENTERNAKAN AYAM (KILANG MAKANAN TERNAKAN, LADANG PENTERNAKAN AYAM, PUSAT PENETASAN, DAN LADANG AYAM PEDAGING; DAN JUGA AKTIVITI PENJUALAN, PEMASARAN, DAN PERDAGANGAN PRODUK MAKANAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA)**
- **OPERASI SAMPINGAN (PEMBUATAN SOS DAN OPERASI BAKERY & COMMISSARY).**

Bahagian Huluan mengakhiri 2019 dengan pertumbuhan positif perolehan sebanyak RM1.525 bilion, peningkatan 1.3% daripada perolehan 2018. EBITDA turut meningkat 6.3% daripada 2018 kepada RM38.8 juta.


OPERASI INTEGRASI PENTERNAKAN AYAM

Sebanyak RM1.303 bilion diperolehi menerusi Operasi Integritasi Penterernakan Ayam pada 2019. Sebanyak 2.1% kenaikan jumlah perolehan berbanding 2018. Ini turut memberi kesan positif kepada EBITDA yang melonjak 57.3% lebih tinggi berbanding 2018 kepada RM22.5 juta.

Penterernakan Ayam

Syarikat: **Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd (AIPI)**

Bermula dengan pengurusan kilang makanan ternakan kepada peringkat pembiakan baka dan penetasan telur sehingga kepada pembesaran ayam pedaging, AIPI dengan kepakaran dan pengalamannya telah menubuhkan Sistem Integritasi Penterernakan Ayam menyeluruh bagi memberikan sokongan yang amat penting kepada perniagaan *Farm-to-Fork* Kumpulan.



01



02



03



01 Produk sejuk beku jenama Ayamas.

02 Day Old Chicks (DOCs).

03 Pusat Penetasan.

**BISNES MAKANAN &
PERKHIDMATAN RESTORAN**

Sebagai komponen utama Kumpulan, AIPI merupakan pembekal ayam berkualiti tinggi yang dipercayai kepada restoran-restoran KFC dengan penawaran harga yang kompetitif. Selain KFC, AIPI juga menjadi pilihan utama sebagai pembekal dalam industri pembekalan ayam di dalam dan luar negara.

AIPI juga teguh menjalankan tanggungjawabnya untuk memastikan setiap peringkat dalam Sistem Integrasi Penternakan Ayam ini mengikuti garis panduan ketat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa terutamanya dalam mematuhi syarat-syarat pemilikan sijil Halal dan meneruskan usaha mengekalkan kualiti dan keselamatan makanan.

Kilang Makanan Ternakan

Kilang makanan ternakan AIPI terletak di Port Klang di mana ianya bertanggungjawab untuk mencari dan memperoleh bahan-bahan mentah yang bersesuaian untuk dijadikan makanan ayam bagi setiap peringkat ternakan - ladang ternakan, pusat penetasan, dan ladang ayam pedaging milik Kumpulan dan kontrak. Makanan ayam ini dihasilkan daripada bijian *vegan* dan bahan mentah terpilih yang diimport khas. Selain itu, minyak sawit tempatan dan ubat-ubatan haiwan turut dibekalkan oleh AIPI untuk memenuhi keperluan ladang milik Kumpulan dan kontrak.

Pada 2019, kilang makanan ternakan AIPI menggunakan 60% kapasiti pengeluaran yang menghasilkan 97,200 tan metrik makanan ayam.

Penutupan 2019 menunjukkan hasil positif dengan rekod jumlah keuntungan dan EBITDA yang meningkat oleh kilang makanan ternakan AIPI. Keuntungan sebanyak RM180 juta dijana tahun ini berbanding RM153 juta pada 2018, manakala EBITDA tahun ini pula melonjak lebih tiga kali ganda sebanyak RM18 juta berbanding RM5 juta pada 2018. Pemangkin utama perolehan positif ini adalah kestabilan harga komoditi seperti kacang soya dan minyak sawit mentah (CPO).

Ladang Penternakan, Pusat Penetasan dan Ladang Ayam Pedaging

Sejumlah 51 juta telur ayam dihasilkan pada 2019 oleh 64 rumah pembiakan yang beroperasi di bawah empat ladang penternakan yang terletak di Alor Gajah (Melaka), Bangi (Selangor), serta Linggi dan Tampin (Negeri Sembilan).

Untuk mencapai piawaian saiz ayam yang ditetapkan oleh Kumpulan untuk menghasilkan ayam pedaging yang bermutu, satu formula khas pemilihan baka dan genetik ayam diamalkan secara teliti oleh AIPI dalam penghasilan telur. Formula tersebut mempunyai nisbah baka ayam yang terdiri daripada 46% Ross, 30% Cobb, dan 24% AA+.

Sebanyak 36 juta DOCs ditetaskan menggunakan 88% kapasiti inkubator. DOCs ini kemudian diedarkan ke ladang ayam pedaging milik Kumpulan di Mantin dan juga 31 ladang milik kontrak di Kedah, Pahang, Selangor dan Johor.

Sebanyak 97% kapasiti pengeluaran digunakan oleh ladang ayam pedaging pada 2019. Ayam pedaging yang mencapai sasaran berat badan yang ditetapkan kemudian dihantar ke Pusat Pemrosesan.

**Pemrosesan Ayam
Syarikat: Ayamas Food Corporation
Sdn Bhd (AFCSB)**

Terdapat dua kategori dalam Operasi Pemrosesan Ayam - 'utama' dan 'lanjutan'.

Operasi pemrosesan utama QSR Brands melibatkan penyembelihan dan pengeluaran produk ayam mengikut prosedur Halal. Ayamas Port Klang (Selangor), AIPI Bukit Mertajam (Penang), dan Ayamas Bandar Tenggara (Johor)



BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

merupakan tiga Pusat Pemrosesan di bawah AFCSB.

Dengan jumlah kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 48 juta produk *birds-to-plant* (BTP), ketiga-tiga Pusat Pemrosesan ini menggunakan fasiliti *Primary Processing* untuk menghasilkan produk-produk utama termasuk 'potongan 9 ketul ayam' yang kemudiannya dibekalkan kepada semua restoran KFC.

Pada 2019, 25.6 juta BTP dihasilkan oleh Ayamas Port Klang menggunakan 91% kapasiti pengeluaran, 13.7 juta BTP pula dari Ayamas Bandar Tenggara menggunakan 85% kapasiti pengeluaran, manakala 7.5 juta BTP dari AIPI Bukit Mertajam menggunakan 79% kapasiti pengeluaran.

Sementara itu, aktiviti pengeluaran produk lanjutan ayam seperti nugget, burger dan sosej dijalankan di Ayamas Port Klang sahaja yang turut dilengkapi dengan fasiliti *Further Processing*.

Pusat pemrosesan Ayamas Port Klang melaporkan jumlah kapasiti 15,653 tan metrik untuk penghasilan produk nugget, 12,979 tan metrik untuk penghasilan produk sosej dan 3,566 tan metrik untuk penghasilan produk 'topping'.

Tahun 2019 menyaksikan AFCSB merekodkan jualan yang kekal kukuh pada RM672 juta, jumlah sama yang dilaporkan pada 2018. Namun, laporan EBITDA mencatatkan penerusan arah aliran menurun dengan RM10 juta dilaporkan tahun ini, berbanding RM5 juta pada 2018. Ini disebabkan oleh kos-kos pembaikan dan penyenggaraan.



Penjualan, Pemasaran dan Perdagangan Syarikat: QSR Trading Sdn Bhd (QSRT)

QSRT merupakan komponen penjualan, pemasaran dan perdagangan QSR Brands. Selain memperdagangkan pelbagai produk halal QSR Brands, QSRT turut menjalankan aktiviti dagangan bagi jenama pengusaha tempatan lain dan antarabangsa. Jenama makanan di bawah QSR Brands merangkumi *Ayamas*, *Ayamas Kitchen*, *Jodi*, *Life*, *Bakers' Street*, dan lain-lain.

Selain itu, sebanyak 70% jumlah jualan tahun ini adalah daripada produk sejuk beku jenama *Ayamas*, sementara 30% jumlah jualan adalah daripada produk 'Shelf-Stable'. Berikutan kejayaan jenama *Ayamas* yang menjadi pilihan popular konsumer tempatan, QSRT kini mengembangkan profilnya dengan aktiviti perdagangan jenama *Ayamas Kitchen*. *Ayamas Kitchen* menawarkan produk makanan 'sedia untuk dihidang' di mana bahan-bahan makanannya bersumber dari luar Kumpulan. QSRT mengambil faktor profil rasa dan

BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

keperluan nutrisi harian masyarakat tempatan dengan penawaran harga berpatutan untuk aktiviti pemasaran *Ayamas Kitchen*.

Jumlah kutipan pendapatan QSRT pada 2019 menunjukkan penurunan kepada RM333 juta daripada RM353 juta pada 2018. Sementara itu, EBITDA menunjukkan kenaikan positif kepada RM20 juta tahun ini berbanding RM17 juta pada 2018.

OPERASI SAMPINGAN

Tempoh 2019 mencatatkan penurunan perolehan dan EBITDA Operasi Sampingan dengan jumlah perolehan sebanyak RM222 juta (3% lebih rendah berbanding perolehan 2018) dan RM16.3 juta untuk EBITDA (26.1% lebih rendah berbanding EBITDA 2018) dijana tahun ini.

Pembuatan Sos

Syarikat: Region Food Industries (RFI)

RFI adalah antara peneraju utama dalam sektor pembuatan sos tulen yang berkualiti, *cold dressing*, dan pes masakan. Produk-produk ini dieksport ke pasaran global termasuk United Kingdom, Perancis, Australia, New Zealand, Jepun, Mauritius, Maldives, Emiriyah Arab Bersatu, Qatar, Arab Saudi, Brunei, Vietnam, Bangladesh dan Singapura. Sos jenama *Life* juga dibekalkan kepada restoran-restoran KFC dan Pizza Hut di Malaysia dan Singapura.

Pada 2019, Pusat Pemprosesan RFI menghasilkan 28,151 tan metrik sos dengan penggunaan kapasiti pengeluaran maksimum.

Hasil pendapatan RFI pada 2019 kekal konsisten berbanding 2018 dengan hanya 3% lebih rendah dengan hasil jumlah sebanyak RM147 juta direkodkan, manakala EBITDA juga mirip 2018 dengan RM13 juta direkodkan.

Operasi Bakery & Commissary

Syarikat: QSR Manufacturing (QSRM)

Terletak di Glenmarie, Shah Alam, QSRM merupakan pengeluar dan pembekal produk bakeri dan *commissary* seperti roti *bun*, bola doh piza mentah, *coleslaw*, sayur-sayuran segar dan produk tenusu kepada restoran-restoran KFC dan Pizza Hut.

Sebanyak 63 tan metrik produk bakeri dikeluarkan pada 2019, dengan penggunaan 41% kapasiti pengeluaran bakeri. Pengeluaran produk bakeri ini termasuk 54.9 juta unit roti bun (39.5% kapasiti pengeluaran), 5 juta unit bola doh piza mentah (49.7% kapasiti

pengeluaran), dan 1.4 juta unit produk-produk lain termasuk pastri seperti karpap, *muffin* dan pai (100% kapasiti pengeluaran).

Sementara itu, operasi *commissary* QSRM menghasilkan 2.7 juta paket *coleslaw* (48.6% kapasiti pengeluaran), 689 tan metrik sayur-sayuran segar (55% kapasiti pengeluaran) dan 68 tan metrik produk tenusu (16.2% kapasiti pengeluaran).

QSRM melaporkan hasil pendapatan sebanyak RM75 juta, lebih rendah berbanding 2018 (RM76 juta). EBITDA turut mengalami impak negatif dengan penghasilan RM3.1 juta pada tahun ini, perbezaan ketara dengan EBITDA 2018 yang dilaporkan pada RM8.5 juta. Faktor utama penurunan perolehan ini disebabkan perubahan campuran jualan produk dengan segmen restoran Kumpulan yang mempengaruhi margin keuntungan kasar QSRM.



BISNES HARTANAH

JOHOR LAND BERHAD

SEIRING ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 DAN USIANYA KE-47, JOHOR LAND BERHAD (JLAND) SELAKU SAYAP PEMAJU HARTANAH DAN AGEN PEMBANGUNAN HARTANAH JOHOR CORPORATION (JCORP) TERUS FOKUS KEPADA STRATEGI MEMBINA KEDIAMAN IDEAL, BERKUALITI DAN MAMPU DIMILIKI SERTA MENERAPKAN INOVASI.

JLand memiliki 790 hektar bank tanah di lokasi strategik di tengah-tengah pembangunan Iskandar Malaysia. Dalam tempoh lima tahun ini, JLand telah membina lebih 5,000 unit kediaman dan komersial melibatkan Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Bukit Dahlia, Taman Mutiara Gading dan sekitar Johor Bahru dengan menitikberatkan nilai-nilai lestari dalam setiap pembangunannya. Sehingga penghujung 2019, JLand telah membina dan menyerahkan lebih 33,000 unit kediaman serta komersial kepada pembeli.

JLand terus komited memperkukuhkan bisnes dan jenama sedia ada melalui usaha berterusan bagi mempertingkatkan kualiti, mempraktikkan nilai-nilai murni serta integriti, mengekalkan hubungan jangka panjang dengan pihak berkepentingan serta pengetahuan luas dalam pasaran hartanah.



01

02

03

- 01 JLand menawarkan rumah yang eksklusif dan mementingkan keselesaan kepada pelanggan.
- 02 Pangsapuri Kasturi telah dianugerahkan sebagai pemenang bagi kategori Rumah Mampu Milik oleh *FIABCI Malaysia Property Awards 2019*.
- 03 Bandar Tiram merupakan satu lagi perbandaran baharu yang dibangunkan oleh JLand.

PRESTASI KEWANGAN

Pasaran hartanah terus berdepan cabaran ekonomi yang tidak menentu pada 2019. Johor mencatatkan peratusan tertinggi di negara ini bagi unit hartanah tidak terjual iaitu 18.8% pada separuh pertama 2019. Hal ini ekoran ketidaksamaan dalam bekalan unit rumah dan permintaan pasaran selain faktor kemampuan untuk memiliki rumah serta syarat ketat pinjaman perumahan oleh agensi kewangan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, JLand mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM400 juta berbanding RM374 juta tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai

**BISNES
HARTANAH**



Berkonsepkan perbandaran moden serba lengkap dengan ciri-ciri ekologi dan persekitaran lestari serta menitikberatkan kualiti dan perhubungan dalam kehidupan komuniti, Bandar Dato' Onn adalah lokasi pilihan untuk didiami. Pembangunan perbandaran ini dijangka siap dalam masa 10-15 tahun lagi melibatkan pembinaan 17,200 unit kediaman dan komersial dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM10 bilion. Setakat ini, JLand telah menyiapkan 3,333 unit perumahan dan komersial manakala 706 unit lagi sedang dibina dan dijangka siap pada 2020-2021.

Sepanjang 2019, JLand telah menyiapkan pembinaan 212 unit rumah teres dua tingkat dan enam unit jenis berkembar dua tingkat di Fasa 1 Perjiranan 9 dengan GDV RM166.2 juta. Perjiranan ini dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk pusat komuniti, taman rekreasi dan taman permainan.

Perbandaran Bandar Dato' Onn turut menyediakan pelbagai kemudahan awam seperti masjid, taman rekreasi, sekolah, kolej, pusat beli-belah, hospital pakar, restoran perkhidmatan segera, stesen minyak dan balai polis. Pada 26 Oktober 2019, JLand melancarkan penjualan rumah teres dua tingkat dan rumah berkembar dua tingkat Fasa 2 di Perjiranan 9 dengan GDV RM217.5 juta.

Dalam usaha mempertingkatkan kehidupan lestari di perbandaran ini, JLand telah membangunkan Riverside @ Bandar Dato' Onn, sebuah hab makanan utama terpanjang di Johor Bahru dengan penyediaan 40 restoran dan ruang serta kemudahan rekreasi. Riverside dijangka siap dan memulakan operasi pada suku pertama 2021. Bersebelahan kawasan ini terdapat sebuah taman komuniti 'Wetland' yang akan dibina bagi mengawal jumlah pencemaran air di

mencatatkan RM115 juta berbanding RM118 juta bagi tempoh sama. Kualiti lembaran imbalan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset bersih meningkat kepada RM1.45 bilion pada 2019 berbanding RM1.40 bilion pada 2018.

BANDAR DATO' ONN

Bandar Dato' Onn adalah pembangunan premier yang dibangunkan oleh JLand mulai 2007. Perbandaran itu terdiri daripada 19 perjiranan dengan keluasan 597 hektar pegangan bebas dan boleh diakses melalui Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Penyuraian Timur Johor Bahru (EDL).

NILAI ASET

RM1.45 bilion

PENDAPATAN

RM400 juta

**KEDIAMAN & KOMERSIAL
DISIAPKAN**

33,000 unit

GDV BANDAR DATO' ONN

RM10 bilion

GDV BANDAR TIRAM

RM5 bilion

Bandar Dato' Onn selain menjadi ruang rekreasi dan menimba ilmu pengetahuan kepada pengunjung.

JLand juga mengambil inisiatif memperkenalkan konsep rumah inovatif untuk memenuhi permintaan pelanggan di Bandar Dato' Onn. Terletak di Perjiranan 14, 455 unit 'Flexi Homes' dengan konsep studio dibina untuk kumpulan M40 dengan susun atur terbuka dan membolehkan pemilik menggunakan ruang rumah dengan kreativiti sendiri. Selain itu, rumah ini memiliki dua pintu masuk yang membolehkan penghunian isi rumah secara berasingan.

Seiring era Revolusi Industri 4.0 sekarang, JLand merancang projek perjiranan pintar di Perjiranan 13 dengan pembinaan 646 unit rumah teres dua tingkat berasaskan penggunaan ciri-ciri pintar dan penyediaan kemudahan bersama iaitu pusat komuniti, lorong basikal dan pejalan kaki serta trek jogging, 'wifi hotspots' serta pondok pengawal.

BISNES HARTANAH



Ciri-ciri pintar 2.0 beserta inisiatif kelestarian bagi pembangunan Bandar Dato' Onn telah melayakkan JLand dinobatkan sebagai pemenang kategori Pelan Induk oleh *FIABCI Malaysia Property Awards 2019* pada 2 November 2019. Pada majlis sama, JLand turut diangkat sebagai pemenang kategori Rumah Mampu Milik menerusi projek Pangsapuri Kasturi di Bandar Dato' Onn.

BANDAR TIRAM

Bandar Tiram adalah satu lagi pembangunan berprestij oleh JLand. Perbandaran baharu di kawasan lebih 405 hektar itu boleh diakses melalui Lebuhraya Senai-Desaru dan dibangunkan secara berperingkat (Fasa 1-5). Pembangunan ini menawarkan lebih 11,000 unit kediaman dan komersial dengan GDV RM5 bilion. Ia dijangka siap sepenuhnya pada 2035.

Setakat ini, JLand telah memajukan 43.30 hektar tanah di Bandar Tiram 1 merangkumi 799 unit rumah teres dua tingkat dan 53 unit kedai pejabat dengan GDV RM362 juta. Sehingga 2019, sebanyak 24 unit kedai pejabat dua tingkat, 66 unit rumah teres dua tingkat jenis *Carnelian 2* dan 25 unit rumah teres dua tingkat jenis *Citrina* siap dibina. Sebanyak 34 unit kedai pejabat dua tingkat masih dalam pembinaan dan baki 45 unit akan dibangunkan secara berperingkat. GDV keseluruhan pembangunan Bandar Tiram 1 ialah RM440 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 2022.

Bandar Tiram juga dilengkapi dengan kemudahan awam seperti sekolah, balai polis, balai bomba, terminal bas, masjid, pasar dan dewan komuniti. Bagi kegunaan bersama, sebuah landskap berpusat juga dibina bagi manfaat penduduknya untuk beriadah.

TAMAN BUKIT DAHLIA

Dibangunkan di atas tanah seluas 169 hektar, Taman Bukit Dahlia adalah pembangunan bercampur merangkumi lebih 3,800 unit rumah teres dua tingkat, rumah berkembar dua tingkat dan kompleks komersial. GDV pembangunan ini bernilai RM990 juta.

Pada 2019, sebanyak 28 unit rumah berkembar siap dibina manakala 64 unit rumah teres dua tingkat jenis A serta 103 unit rumah teres dua tingkat jenis B di Zon C sedang dibina dan dijangka siap pada 2020.

TAMAN MUTIARA GADING

Dengan kawasan seluas 96 hektar, Taman Mutiara Gading adalah pembangunan bercampur yang terletak di Sri Gading, Batu Pahat, Johor. Projek ini merangkumi 1,809 unit kediaman, 119 unit kedai pejabat dan plot komersial dengan GDV RM700 juta. Perumahan terletak pada kedudukan strategik kira-kira tujuh kilometer dari Bandar Batu Pahat. Taman Mutiara Gading dibangunkan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada 2026.

Pada September 2019, sebanyak 194 unit rumah teres dua tingkat Fasa 1A dan 1B dengan GDV RM90.5 juta siap dibina. JLand juga sedang membina 250 unit rumah teres dua tingkat Fasa 1C & 1E dengan GDV bernilai RM131.3 juta dan dijangka siap pada suku pertama 2021. Pelbagai kemudahan disediakan untuk penduduk setempat seperti pasar raya, masjid dan sekolah.

Pembinaan Hospital Pakar KPJ Sri Gading melengkapi serta menjadi pemangkin kepada pembangunan di Taman Mutiara Gading. Penyediaan 90 katil di hospital ini akan dapat menampung kekurangan keperluan hospital di kawasan sekitarnya.

BISNES HARTANAH

MENARA JLAND

JLand melangkah setapak lagi dalam sektor pembangunan hartanah dengan pembinaan Menara JLand di pusat Bandaraya Johor Bahru. Bangunan pejabat gred 'A' ini menerapkan konsep baharu bangunan hijau dengan piawaian Persijilan Emas bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan mengikut spesifikasi MSC. Memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada Ogos 2018 serta mula diduduki pada penghujung 2018, Menara JLand menyediakan 262,592 kaki persegi ruang sewa dengan keluasan lantai antara 5,000 hingga 12,000 kaki persegi di setiap tingkat.

Ciri-ciri mesra alam yang diterapkan pada menara ini ialah pencahayaan siang yang maksimum dan penggunaan 'double glazed low - E windows' yang mengurangkan penyerapan haba matahari sehingga 50% dan penggunaan elektrik sehingga 73%. Penggunaan teknologi dan bahan dengan spesifikasi GBI ini dapat meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber seperti tenaga, air dan bahan serta mengurangkan kesan bangunan ke atas kesihatan manusia serta alam sekitar.

Dibina di atas pusat beli-belah KOMTAR Johor Bahru City Centre (JBCC), keindahan seni bina moden dan kontemporari Menara JLand dapat disaksikan dari pelbagai sudut berbeza di sekitar Bandaraya Johor Bahru. Menara 37 tingkat ini dilengkapi 'Sky Garden' pada setiap dua tingkat pembinaannya. Menara JLand turut menawarkan pusat tarikan pelancong keluarga pertama, Skyscape @ Menara JLand di tingkat 34 menerusi penyediaan 'Observation Deck' dan 'Sky Walk' dengan perincian kaca, restoran atas bumbung serta lain-lain inforia yang akan memberi pengalaman berbeza kepada setiap pengunjung. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan bercemar duli berangkat merasmikan Menara JLand pada 26 November 2019.

Keunikan dan signifikan pembinaannya membolehkan JLand meraih anugerah 'Best Office Development' oleh Asia Property Awards (Malaysia) 2018 dan 'Best Commercial Development' oleh StarProperty Awards 2018 Jewels of Johor, masing-masing pada April dan September 2018. JLand turut memenangi anugerah 'Best Office Development (Malaysia)' untuk Menara JLand dalam PropertyGuru Asia Property Awards Grand Final 2018, mewakili Malaysia di Bangkok pada 9 November 2018.

PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

JLand turut bertanggungjawab dan komited menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri bagi memastikan pemilikan rumah untuk rakyat di bandar mahupun di luar bandar menerusi Dasar Perumahan Rakyat Johor. Untuk itu, JLand akan membina 7,064 unit rumah kos rendah dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di Tampoi, Bandar Dato' Onn, Bandar

Tiram, Bandar Baru Majidee, Taman Mutiara Gading, Taman Alam Damai di Pasir Gudang, Kampung Dato' Ajib di Mersing dan Lenga, Muar.

Sehingga 2019, JLand telah membina dan menyerahkan 2,106 unit rumah mampu milik kepada pembeli iaitu 304 unit di Taman Seroja dan 630 unit terletak di Bandar Tiram. Sejumlah 1,016 unit adalah jenis MyHome dan PKJ 'B' di Bandar Dato' Onn manakala 156 unit di Kampung Dato' Ajib, Mersing. Sejumlah 1,048 unit rumah mampu milik termasuk 320 unit Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) di Bandar Baru Majidee serta 488 unit RIBJ di Bandar Dato' Onn sedang dibina dan dijangka siap pada 2020. Sebanyak 240 unit di Jalan Kong Kong-Masai dalam proses mendapatkan Perakuan Kerja Siap (CPC). Lebihan 3,768 unit lagi rumah mampu milik dijangka siap sepenuhnya pada 2025.

PERANAN AGEN PEMBANGUNAN

Sebagai agen pembangunan JCorp dan selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Johor untuk merangsang dan meningkatkan perkembangan ekonomi, JLand dipertanggungjawab melaksanakan pembinaan dan menaik taraf kemudahan sukan serta infrastruktur untuk pembangunan Arena Larkin. Projek di atas tanah seluas 43.30 hektar itu bagi membantu memenuhi keperluan Kerajaan Negeri dan rakyat serta persiapan menjadi tuan rumah Sukan Malaysia 2020 (Sukma 2020). Setakat akhir 2019, pembinaan stadium tertutup baharu mencapai kemajuan sehingga 99% dan 98% bagi kerja menaik taraf stadium akuatik. JLand turut menyusun semula sistem aliran trafik di sekitarnya dan menaik taraf Stadium Bolasepak Negeri Johor.

GDV TAMAN BUKIT DAHLIA

RM990 juta

GDV TAMAN MUTIARA GADING

RM700 juta

ANUGERAH DIMENANGI MENARA
JLAND

4 anugerah

RUMAH MAMPU MILIK DIBINA

2,106 unit

BISNES HARTANAH

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

DAMANSARA ASSETS SDN BHD (DASB) ADALAH SYARIKAT ANAK MILIK PENUH JOHOR CORPORATION (JCORP). SELAKU PENGURUS HARTANAH KOMERSIAL MILIK KUMPULAN JCORP, DASB MENGURUSKAN PELBAGAI PUSAT PERNIAGAAN, MENARA PEJABAT SERTA TERMINAL PENGANGKUTAN.

Sehingga akhir Disember 2019, DASB menguruskan 240,000 meter persegi ruang boleh disewa bernilai hampir RM2 bilion di lokasi strategik di Lembah Klang dan Johor Bahru dengan purata kadar penghunian 80%. Ruang itu diduduki oleh 1,521 penyewa meliputi badan korporat, agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat profesional dan persendirian serta peniaga kecil. Daripada jumlah penyewa tersebut, 37% adalah bertaraf Bumiputera (tidak termasuk syarikat anak JCorp).

KEDUDUKAN KEWANGAN 2019

Perolehan Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2019 adalah RM158.6 juta berbanding RM133.7 juta bagi tempoh sama 2018. Sebahagian besar pertambahan itu disumbangkan melalui perolehan sewa.

Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB bagi 2019 ialah RM47 juta berbanding RM68 juta tahun sebelumnya. Perbezaan ketara bagi Keuntungan



01



02



03

- 01 Galleria @ Kotaraya.
- 02 Pasaraya Komuniti @Mart Kempas.
- 03 B5 Johor Street Market.

Sebelum Cukai sebanyak RM19 juta sebahagian besarnya disebabkan peningkatan kos kewangan dan penurunan lain-lain pendapatan Kumpulan DASB.

PENYEMPURNAAN USAHA KORPORAT DENGAN IESB

DASB melalui syarikat anaknya, Bukit Damansara Development Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian jual-beli Pusat Bandar Damansara dengan Impian Ekspresi Sdn Bhd (IESB) bernilai RM700 juta pada 2009. Kaedah pembayaran ke atas penjualan tersebut melibatkan tunai sebanyak RM500 juta serta dua ruang pejabat bernilai RM200 juta di

**BISNES
HARTANAH**



VSQ dan Pavilion Damansara Heights. Proses jual-beli itu disempurnakan pada 31 Disember 2019 dengan penerimaan bayaran ke atas hak ruang pejabat seluas 80,000 kaki persegi di Pavilion Damansara Heights berharga RM75 juta daripada IESB. Keseluruhan usaha korporat itu dilaksanakan bertujuan untuk penebusan sukuk oleh JCorp.

PENYELESAIAN MENYELURUH DI ANTARA JCORP, DASB DAN DBHD

JCorp, DASB dan Damansara Realty Berhad (DBhd) bersetuju melaksanakan penyelesaian menyeluruh (*global settlement*) melibatkan syarikat Kumpulan JCorp dan Syarikat Kumpulan

DBhd. Lanjutan itu, semua pihak terlibat telah menandatangani perjanjian “*Deed of Settlement*” pada 17 Disember 2019. Antara penyelesaiannya adalah pindah milik syarikat-syarikat Kumpulan DASB iaitu TMR Urusharta Sdn Bhd serta HC Duraclean Sdn Bhd kepada DBhd dan pindah milik saham Healthcare Technical Services Sdn Bhd (HTS) daripada DBhd kepada DASB. Selain itu, DBhd bersetuju melunaskan baki hutang tertunggak hampir RM12 juta yang dibayar dalam bentuk 25 unit rumah teres di Damansara Hills 1 dan Bandar Damansara Kuantan, Pahang kepada DASB.

KERJASAMA DASB DAN UTM PERKASA PENGURUSAN HARTANAH

Bagi memperkasakan pengurusan hartanah, DASB menjalin kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi memberi latihan terancang kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains jurusan Harta Tanah serta Pentadbiran dan Pembangunan Tanah. Pelajar yang terpilih akan menjalani penempatan latihan industri dan Program Perantis Profesional Harta Tanah sebelum dipertimbangkan untuk tawaran pekerjaan di DASB.

Susulan itu, satu majlis menandatangani dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) di antara DASB dan UTM diadakan di Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM Johor Bahru pada 18 Disember 2019. MoU itu berkuatkuasa selama lima tahun.

Majlis disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM, YBhg Prof Ir Ts Dr Zainuddin Abd Manan bersama Pengarah Eksekutif DASB, Tuan Haji Yusaini Sidek. Turut hadir, YBhg Sr Dr. Mohd Nadzri Jaafar, Pengarah (Harta Tanah) Fakulti Alam Bina dan Ukur.

RUANG BOLEH SEWA

250,000 meter persegi

NILAI BANGUNAN

RM2 bilion

PENYEWA

1,724

PENYEWA BUMIPUTERA

37 peratus

PEROLEHAN

RM158.6 juta

KOMTAR JBCC DIKTIKRAF ZON PERDAGANGAN TERPILIH

KOMTAR JBCC diberi pengiktirafan sebagai ‘Zon Perdagangan Terpilih’ (ZPT) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daripada sembilan kompleks perniagaan peringkat zon selatan di atas pencapaian tahap pematuhan di bawah Program Penguatkuasaan Bestari (*Smart Enforcement*).

Selain sijil dan plak penarafan, KOMTAR JBCC menerima ganjaran lain berupa promosi Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) sebagai destinasi beli-belah, tersenarai di dalam direktori pelancongan, program ‘*outreach*’, hebahan di kalangan rakan KPDNHEP serta disenaraikan di laman sesawang kementerian. Majlis Penarafan Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) Zon Selatan 2019 diadakan pada 7 Julai 2019 dan disempurnakan menterinya, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di ruang legar KOMTAR JBCC.

BISNES HARTANAH



01 Pertandingan akhir Angry Bird Crew Challenge 2019.

02 Jom Jumpa - B5 Johor Street Market & Penyerahan "Brown Signage".



JOM JUMPA - B5 JOHOR STREET MARKET & PENYERAHAN 'BROWN SIGNAGE'

Pada 20 Oktober 2019, berlangsung majlis Penyerahan 'Brown Signage' yang disempurnakan YB Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor sebagai simbolik pengiktirafan B5 Johor Street Market sebagai pusat pelancongan setempat Negeri Johor yang didaftarkan di dalam projek pelancongan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Bersempena majlis itu, pihak pengurusan turut memberi peluang kepada bakal penyewa untuk melihat perkembangan terkini projek tersebut melalui sesi Jom

Jumpa. B5 Johor Street Market menawarkan 219 ruang niaga kepada usahawan Bumiputera dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Dengan gabungan lima elemen utama iaitu 'retail bazar, box park', 'food truck', makanan dan minuman serta hab persembahan seni dan kebudayaan Johor, B5 Johor Street Market mensasarkan kunjungan pelancong tempatan dan asing, golongan muda serta penduduk setempat.

ANGRY BIRDS CREW CHALLENGE 2019

Program ini adalah platform yang mendedahkan murid dengan gaya hidup sihat, membina keyakinan diri, mengukuhkan kerja berpasukan dan

membentuk daya kepimpinan selain mempromosi taman tema aktiviti keluarga tersebut. Kemuncak acara *Angry Birds Crew Challenge 2019 (ABC2019)* berlangsung pada 19 November 2019 yang melibatkan 100 murid dari 16 sekolah. Peserta dibahagikan kepada dua kategori mengikut peringkat umur dan perlu menyelesaikan 10 tugasan bagi tempoh ditetapkan.

Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi Indah muncul juara Kategori A dan Sekolah Kebangsaan Desa Skudai menjuarai Kategori B. Hadiah kepada pemenang disampaikan Ketua Penolong Kanan (Bahasa), Jabatan Pendidikan

BISNES HARTANAH

Negeri Johor, Puan Rokiah Ahmad; diiringi Pengarah Eksekutif DASB, Tuan Haji Yusaini Sidek; serta Pegawai Perhubungan, Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, Encik Mohd Yunos Mahmod.

NAIK TARAF PASAR TAMAN DAHLIA

DASB telah melaksanakan projek naik taraf Blok Pasar Pusat Perniagaan Taman Dahlia berkeluasan 16,800 kaki persegi dengan kos RM2.7 juta bagi memberi manfaat kepada hampir 400 peniaga. Majlis penyerahan blok bangunan yang siap dan mengandungi 105 unit lot ruang niaga itu disempurnakan oleh Naib Presiden Divisyen Hartanah JCorp, Tuan Haji Yusaini Sidek merangkap Pengarah Eksekutif DASB pada 7 Disember 2019. Turut hadir, Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru Cawangan Tampoi, Tuan Haji Abdullah Ideris; serta Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Gemilang Johor, Tuan Haji Onn Mohd Yassin.

Bagi meringankan bebanan penyewa yang terkesan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, DASB memberi rebat kadar sewaan sebanyak 30% kepada penyewa yang terlibat selain memberi kelonggaran untuk membuat dua kali pembayaran bagi deposit dan bayaran awalan lain. Penyewa lot gerai yang berkelayakan turut diberikan pengecualian bayaran sewaan selama dua bulan.

Peniaga lot gerai pasar ini antara lain menjual makanan laut, ayam, barangan runcit, telur, rempah ratus dan produk sejuk beku.

PROGRAM JU MAULIDUR RASUL 1441H & KHITAN JAMAEI

DASB dengan kerjasama Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Masjid

An-Nur Kotaraya dan Hospital Pakar KPJ Johor menganjurkan Program Jalinan Ukhwah Sambutan Maulidur Rasul 1441H & Majlis Khitan Jamaei pada 7 Disember 2019. Seramai 50 kanak-kanak dari keluarga golongan B40 dikhatankan beramai-ramai di Klinik Waqaf An-Nur Galleria@Kotaraya secara percuma.

Pembiayaan majlis itu ditaja sepenuhnya oleh Hospital Pakar KPJ Johor, Klinik Waqaf An-Nur Galleria@Kotaraya dan DASB. Kanak-kanak tersebut turut menerima bantuan persiapan persekolahan berupa beg dan wang tunai RM100 sumbangan Yayasan JCorp dan DASB. Keluarga mereka pula menerima bantuan *Food Bank For Charity* sumbangan pengunjung Galleria@Kotaraya dan KOMTAR JBCC.



BISNES HARTANAH

AL-`AQAR HEALTHCARE REIT

AL-`AQAR HEALTHCARE REIT (AL-`AQAR) TELAH DISENARAIKAN DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA MALAYSIA) PADA 10 OGOS 2006. DITUBUHKAN DENGAN PORTFOLIO AWAL SEBANYAK ENAM HARTANAH, AL-`AQAR TELAH BERKEMBANG KEPADA 23 HARTANAH YANG TERDIRI DARIPADA 17 HOSPITAL, TIGA PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN, DUA KOLEJ KEJURURAWATAN DAN SEBUAH PUSAT PENJAGAAN WARGA TUA DAN PESARA MELIPUTI SELURUH MALAYSIA DAN AUSTRALIA.

HARTANAH

23

NILAI HARTANAH

RM1.57

bilion

Al-`Aqar diuruskan oleh Damansara REIT Managers Sdn Berhad (DRMSB atau Pengurus), anak syarikat milik penuh Kumpulan Johor Corporation dan disokong oleh KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare).

Sehingga 31 Disember 2019, nilai hartanah Al-`Aqar telah mencecah RM1.57 bilion dengan modal pasaran bernilai RM971.5 juta.

PRESTASI KEWANGAN

Al-`Aqar mencatatkan hasil bernilai RM106.1 juta bagi 2019, peningkatan sebanyak 3.4% berbanding 2018. Pendapatan bersih hartanah (NPI) turut meningkat sebanyak 3.8% kepada RM100.3 juta daripada RM96.6 juta pada 2018. Peningkatan hasil dan NPI disebabkan oleh pendapatan sewa penuh diterima daripada baki penyelesaian pengambilalihan KPJUC Nilai serta daripada peningkatan pendapatan sewa.

Keuntungan bagi tahun 2019 bernilai RM76.2 juta (2018: RM92.3 juta) yang terdiri daripada keuntungan direalisasikan sebanyak RM63.4 juta (2018: RM61.0 juta) dan keuntungan belum direalisasi sebanyak RM12.7 juta (2018: RM30.3 juta).

Keuntungan yang direalisasi meningkat 3.9% atau RM2.4 juta pada 2019 disebabkan oleh pendapatan sewa penuh diterima daripada baki penyelesaian pengambilalihan KPJUC serta daripada peningkatan pendapatan sewa.



Keuntungan tidak direalisasi sebanyak RM12.7 juta berkaitan dengan keuntungan nilai saksama atas pelaburan hartanah, yang lebih rendah sebanyak RM17.6 juta.

Jumlah agihan seunit bagi 2019 adalah 7.8 sen seunit berjumlah RM57.0 juta, yang mewakili 95% daripada pendapatan yang boleh diagihkan.

KPJ Batu Pahat Specialist Hospital, aset ke-23 dimiliki oleh Al-Aqar.



ULASAN BISNES

Sehingga 31 Disember 2019, Al-Aqar mempunyai 23 hartanah yang terdiri daripada 17 hospital, tiga pusat penjagaan kesihatan, dua kolej kejururawatan dan sebuah pusat penjagaan orang tua dan persara meliputi seluruh Malaysia dan Australia. Ia mewakili 91.6% daripada jumlah nilai hartanah dan masing-masing menyumbang 89.1% dan 88.7% kepada hasil serta pendapatan sewa bersih Al-Aqar.

Jeta Gardens Aged Care & Retirement Village yang terletak di Australia merupakan aset asing tunggal yang dimiliki oleh Al-Aqar. Hartanah ini mewakili 8.4% daripada jumlah nilai hartanah dan menyumbang 10.9% terhadap hasil dan 11.3% terhadap pendapatan sewa bersih Al-Aqar.

Cabaran

Tahun 2019 telah menunjukkan banyak faktor yang mendorong ke arah pertumbuhan industri penjagaan kesihatan yang memberikan cabaran kepada pemain industri ini. Melangkah ke hadapan, Al-Aqar berpendapat bahawa berikut adalah tiga cabaran utama:

1

Trend Teknologi dalam Penjagaan Kesihatan

Penggabungan yang ketara dalam industri penjagaan kesihatan sejak beberapa tahun kebelakangan menghasilkan teknologi dan sistem yang lebih kompleks sejajar dengan rangkaian yang semakin berkembang.

Cabaran dalam menggunakan inovasi teknologi adalah terletak pada kos dan kebolehan untuk memenuhi keperluan pengguna.

2

Pelaksanaan Harga Kawalan Ubatan

Pengumuman Kabinet Malaysia mengenai langkah kawalan harga bagi ubat-ubatan farmaseutikal dijangka akan menjejaskan rantaian nilai farmaseutikal, klinik, hospital dan farmasi. Margin keuntungan operasi pengendali penjagaan kesihatan akan semakin kecil dan secara tidak langsung menjejaskan keupayaan penyewa untuk memenuhi obligasi pajakan mereka.

3

Suruhanjaya Tinggi Diraja terhadap Sistem Penjagaan Warga Emas Australia

Perdana Menteri Australia, Scott Morrison pada 16 September 2018, mengumumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk sektor kediaman penjagaan kesihatan. Pembentukannya telah mewujudkan peningkatan tahap ketidakpastian bagi pengendali termasuk impak yang mungkin terjadi terutama cadangan masa hadapan mengenai keuntungan dan nilai perniagaan penjagaan warga emas.

BISNES HARTANAH

PROSPEK

Meskipun terdapat cabaran, Pengurus menjangkakan Al-'Aqar mampu merekodkan pendapatan yang stabil dan berdaya tahan kerana hartanah penjagaan kesihatan merupakan kelas aset pilihan alternatif yang kurang bergantung pada ekonomi. Di samping itu, pasaran penjagaan kesihatan adalah didorong oleh peningkatan permintaan dari dalam dan luar negara.

Perkembangan sektor pelancongan kesihatan juga bersesuaian dengan prospek KPJ Healthcare dan pengiktirafan jenama sebagai pengendali pilihan melalui standard operasi dan servis yang cemerlang. Bersama dengan strategi KPJ Healthcare untuk memperkukuhkan kedudukannya di seluruh negara melalui pelan pengembangan *Brownfield* dan pengenalan kemudahan *Ambulatory Care Centres (ACC)*, prospek jangka panjang dilihat positif dan akhirnya akan memberi kebaikan kepada Al-'Aqar yang pada masa ini sedang meninjau peluang perniagaan dalam segmen lain. Terdapat beberapa bilangan projek hospital yang telah ditetapkan untuk disuntik ke dalam Al-'Aqar dan dilihat akan memberikan kebaikan terhadap prestasi Al-'Aqar.

Setelah ketiadaan pengambilalihan utama sejak kebelakangan ini, penyelesaian Hospital Pakar KPJ Batu Pahat dilihat akan menjadi titik permulaan pengembangan Al-'Aqar.

Penubuhan Suruhanjaya Diraja di Australia ditugaskan untuk menyemak semula amalan industri penjagaan warga emas dan seterusnya mengesyorkan penambahbaikan terhadap servis. Suruhanjaya tersebut telah mengeluarkan laporan interim dan menyatakan bahawa rombakan dari segi reka bentuk, objektif dan peraturan

adalah diperlukan. Oleh itu, ianya akan memberi kesan kepada daya maju masa hadapan kepada bisnes penjagaan warga emas. Pengurus dan Pihak Pengurusan Jeta Garden pada masa ini sedang memantau impak penemuan Penubuhan Suruhanjaya Diraja tersebut.

Al-Salām REIT

Al-Salām Real Estate Investment Trust (REIT) telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 29 September 2015. Al-Salām REIT merupakan tabung amanah patuh Syariah dengan aktiviti utama untuk melabur dalam hartanah patuh Syariah yang pelbagai.

Bermula dengan 31 portfolio hartanah, kini Al-Salām REIT mempunyai sebanyak 49 hartanah yang terdiri tiga pusat beli-belah, sebuah bangunan pejabat, 38 restoran makanan dan minuman (F&B) serta tujuh restoran bukan F&B. Nilai hartanah telah meningkat sebanyak 30% daripada portfolio awal yang bernilai RM911.5 juta kepada RM1.19 bilion pada 31 Disember 2019.

Al-Salām REIT diuruskan oleh DRMSB selaku pemegang lesen Perkhidmatan Modal Pasaran, yang diberi kuasa untuk menjalankan pengurusan dana berkaitan REIT.

Sehingga 31 Disember 2019, Al-Salām REIT mempunyai nilai aset sebanyak RM1.25 bilion dengan modal pasaran sebanyak RM469.8 juta.



PRESTASI KEWANGAN

Al-Salām REIT mencatat hasil kasar sebanyak RM94.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, pertumbuhan sebanyak 15.5% berbanding RM82.2 juta yang dicapai pada 2018, disumbangkan terutamanya oleh pendapatan sewa tambahan dari Mydin Hypermart Gong Badak dan 17 aset QSR Brands yang telah diselesaikan pengambilalihannya masing-masing pada 21 September 2018 dan 19 Mac 2019.

Meskipun terdapat peningkatan dalam pendapatan, Al-Salām REIT mencatatkan EPU direalisasikan yang lebih rendah pada 2019 disebabkan oleh NPI yang lebih rendah disumbangkan daripada KOMTAR JBCC iaitu sebanyak RM21 juta berbanding RM25.2 juta pada 2018.

BISNES HARTANAH

01



Keuntungan bagi 2019 ialah RM36.2 juta berbanding RM40.3 juta tahun sebelumnya yang terdiri daripada keuntungan yang direalisasikan sebanyak RM28.4 juta dan keuntungan belum direalisasi sebanyak RM7.8 juta berbanding RM8.4 juta sebelumnya. Keuntungan yang direalisasikan adalah lebih rendah iaitu 10.9% daripada tahun sebelumnya disebabkan terutamanya oleh NPI yang lebih rendah daripada KOMTAR JBCC (RM4.2 juta).

Keuntungan yang tidak direalisasikan sebanyak RM7.8 juta terdiri daripada keuntungan nilai saksama sebanyak RM3.6 juta dan pendapatan sewa belum dibayar daripada Mydin Hypermart Gong Badak sebanyak RM4.2 juta. Keuntungan nilai saksama bersih yang lebih tinggi adalah disumbangkan terutamanya oleh hartanah berkaitan F&B.

Dividen yang diisytiharkan pada 2019 adalah 4.75 sen seunit berjumlah RM27.6 juta, yang mewakili 97% pendapatan yang boleh diagihkan.

PROSPEK

Aset runcit Al-Salām REIT mewakili sebahagian besar komposisi portfolio dana dan peningkatan dalam persaingan ditambah dengan perbelanjaan pengguna yang lembap telah memberi kesan kepada prestasi pada 2019. Pusat beli-belah terkemuka

terletak di lokasi yang strategik masih mampu mengekalkan pendapatan mereka yang diperoleh daripada jumlah kehadiran pengunjung yang stabil, kadar penghunian dan kadar semakan sewaan. Bagaimanapun pusat beli-belah yang beroperasi dalam skala kecil serta terletak di lokasi kurang strategik paling terjejas oleh persaingan hebat landskap runcit yang berterusan. Senario ini akan terus berkembang oleh ancaman e-dagang yang semakin meningkat seterusnya mengganggu prestasi kedai fizikal. Faktor-faktor tersebut memacu senario runcit di Johor Bahru terutamanya pusat beli-belah baharu yang menawarkan insentif untuk menarik perhatian penyewa.

Berdasarkan lokasi strategik KOMTAR JBCC dan nilai jenama yang kukuh, kelebihan kompetitif ini adalah pemacu utama untuk menarik peruncit baharu dan pada masa sama mengekalkan pengendali sedia ada untuk mengekalkan pembaharuan sewaan. Dengan pembangunan yang akan datang di pusat bandar, KOMTAR JBCC akan terus berjaya disebabkan oleh pembeli tempatan dan juga pelanggan Singapura memandangkan Malaysia merupakan tempat beli-belah yang terdekat dan paling mudah dikunjungi.

Perjanjian pajakan bersih tiga kali ganda yang panjang untuk segmen restoran F&B serta restoran bukan F&B akan mengukuhkan pendapatan Al-Salām REIT. Susunan ini juga meminimumkan pendedahan Al-Salām REIT terhadap kenaikan perbelanjaan operasi yang diperlukan bagi hartanah dalam jangka masa panjang.



02

01 Restoran KFC adalah sebahagian daripada aset Al-Salām REIT.

02 Menara KOMTAR JBCC.

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI (DPI) TELAH DIPERTANGGUNGJAWABKAN SEBAGAI AGENSI PEMBANGUNAN NEGERI. ANTARA KEGIATAN UTAMA DIVISYEN IALAH MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERINDUSTRIAN DI SETIAP DAERAH DI JOHOR.

Tugas dan amanah ini digalas oleh TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB). Selain itu, kegiatan utama divisyen disokong oleh khidmat pelabuhan dan logistik menerusi TLP Terminal Sdn Bhd; serta latihan kemahiran yang dikendalikan Johor Skill Development Center (JSDC).

Pembukaan kawasan perindustrian baharu adalah penting bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan masyarakat setempat menikmati kesan positif daripada limpahan ekonomi.



Ini menerusi pembangunan kawasan perbandaran baharu serta pewujudan peluang perniagaan sokongan dan pekerjaan. Pembangunan industri akan turut menjana permintaan untuk kegiatan sokongan seperti pembangunan perumahan dan fasiliti komersial.

Setakat ini, JCorp telah memajukan 34 kawasan perindustrian dengan

keluasan 6,587 hektar di seluruh Johor. Pembangunan ini berjaya menarik pelaburan berjumlah RM94.92 bilion menerusi 1,980 pelabur tempatan dan asing serta mewujudkan 220,479 peluang pekerjaan. Untuk 2019, DPI merekodkan 60 pelabur baharu dengan pelaburan berjumlah RM401 juta.

Sehingga akhir 2019, JCorp menawarkan 900 hektar tanah industri yang majoritinya terletak di Kulai Industrial Park (KIP), Muar Furniture Park (MFP), Pengerang Industrial Park (PIP) dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (KPTL). Pembangunan semua kawasan perindustrian baharu ini adalah selaras aspirasi kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutama dalam era Revolusi Industri 4.0 serta sektor minyak dan gas (O&G).

01



02



03

01 Kapal Tangki di Pelabuhan Tanjung Langsat.

02 Pelajar Jabatan Elektrikal dan Mekatronik, Johor Skills Development Centre.

03 Kompleks Industri Kecil & Sederhana (IKS).



DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

TPM TECHNOPARK SDN BHD

TTSB adalah syarikat anak milik penuh JCorp yang bernaung di bawah DPI. Ia menawarkan perkhidmatan merancang, memaju, memasar serta menguruskan pembangunan kawasan perindustrian milik JCorp selain pengurusan pembangunan infrastruktur dan projek komersial.

Prestasi Kewangan Pendapatan Kumpulan TTSB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berjumlah

RM71.97 juta berbanding tempoh sama pada 2018 sebanyak RM40.15 juta. Keuntungan sebelum cukai bagi 2019 turut merekodkan peningkatan sebanyak RM10.4 juta berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM2.68 juta tahun sebelumnya. Ini berikutan terdapat realisasi penjualan tanah industri di Sedenak yang direkodkan pada 2019.

TTSB dijangka merekodkan pencapaian lebih baik untuk tahun-tahun mendatang menerusi pelaksanaan projek pembangunan perindustrian baharu di Pengerang dan Bakri, Muar.

PEMASARAN TANAH INDUSTRI

JCorp menerusi TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan ke Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan di Malaysia khususnya di kawasan perindustrian Kulai, Muar, Pengerang dan KPTL. Menerusi kerjasama dengan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan, TTSB kerap menyertai usaha-usaha promosi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Pada 2019, TTSB antara lain menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Korea Selatan selain Taiwan, Australia, Indonesia serta Amerika Syarikat.

Sebagai agen pemasaran kawasan perindustrian JCorp, TTSB sepanjang 2019 mencatatkan penjualan tanah seluas 143.2 hektar dengan nilai jualan RM422.8 juta dan pada masa sama membuat kutipan jualan berjumlah RM265.8 juta.

PELABURAN BAHARU

RM401 juta

EMPAT ZON PERINDUSTRIAN

900 hektar

PROJEK DIURUSKAN TTSB

42 projek

JCORP'S SEDENAK MASTERPLAN

2,834 hektar

PENGURUSAN PROJEK

Selain memasarkan kawasan perindustrian JCorp, TTSB menjalankan perkhidmatan pengurus projek. Pada 2019, TTSB menguruskan 42 pembangunan dengan nilai projek RM96.7 juta.

TTSB melalui JCorp turut bertindak sebagai pengurus projek bagi pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor (SDO). Sepanjang 2019, TTSB mengurus dan membangunkan 17 projek SDO bernilai RM48.72 juta. Sejak 2011, sebanyak 60 pembangunan di bawah SDO dengan nilai projek RM131.175 juta telah dan sedang dibangunkan di bawah seliaan TTSB.

Secara keseluruhan, TTSB menyiapkan 34 projek bernilai RM99.4 juta pada 2019. Ia melibatkan 26 projek industri terutamanya di KPTL, Pasir Gudang dan Sedenak; serta tujuh projek komersial untuk SDO bernilai RM20.5 juta.



DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI



Lawatan Ketua Setiausaha Negara ke Pengerang Industrial Park.

PEMBANGUNAN KAWASAN SEDENAK

a) Pelan Induk Johor Corporation

Hab Sedenak Industri 4.0 dan Pelan Induk Bandar Pintar

JCorp's Sedenak Masterplan untuk kawasan seluas 2,834 hektar dibentangkan pada 2016. Pelan ini adalah komponen penting yang akan menyokong perancangan *Greater Sedenak Masterplan* yang meliputi kawasan seluas 20,242 hektar. Mengikut perancangan, JCorp akan menasaskan supaya lebih tertumpu kepada pembangunan Pusat Industri 4.0 dan Bandar Pintar (*Smart City*).

b) KIDEX

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), entiti utama yang menerajui masa depan ekonomi digital Malaysia, memulakan kerjasama dengan JCorp untuk membangunkan Sedenak sebagai pusat pangkalan data bertaraf antarabangsa menerusi jenama Sedenak Iskandar Data Hub (SIDH). AECOM, sebuah syarikat reka bentuk dan kejuruteraan menyediakan pelan induk SIDH pada 2016 berdasarkan prinsip *live-work-play*.

Pada 2019, SIDH melalui penjenamaan semula kepada Kulai Iskandar Data Exchange (KIDEX). Kerja-kerja infrastruktur bermula pada 2016. Pada 2019, pelabur memulakan kerja-kerja pembangunan untuk pusat data *Tier III*. Pusat pangkalan data ini dijangka memulakan operasi pada 2021.

PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN PERKAYUAN MUAR

Sepertimana dirancang menerusi Bajet Johor 2016, JCorp diamanahkan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan sebuah hab perindustrian perabot yang lebih tersusun dinamakan Muar Furniture Park (MFP). Hab perabot ini dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur dan pemudah cara bagi menempatkan semula kilang-kilang perabot yang beroperasi di atas tanah pertanian di sekitar daerah Muar.

Berkeluasan 399 hektar, pembangunan fizikal bermula pada Februari 2018 dan platform untuk 28.3 hektar pertama diserahkan kepada pelabur pada 9 Oktober 2019. Untuk 2019, kawasan industri seluas 150.1 hektar bernilai RM264 juta dijual kepada 124 pelabur. Apabila lengkap dibangunkan, pembangunan MFP ini dijangka menjana pelaburan berjumlah RM1.5 bilion serta mewujudkan 15,000 peluang pekerjaan.

KAWASAN INDUSTRI SOKONGAN O&G Pengerang

Pembangunan Pengerang Industrial Park (PIP) di kawasan seluas 319 hektar adalah untuk melengkapi industri sokongan O&G di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Usaha pemasaran yang intensif dijalankan bagi menarik pengusaha aktiviti hiliran

DIVISIYEN
PEMBANGUNAN INDUSTRI

seperti kompleks aromatik, pembuatan produk kimia, tapak penyimpanan peralatan O&G serta kejuruteraan dan perkhidmatan O&G.

Pembangunan fizikal telah bermula dan kemajuan kerja tanah di tapak telah mencecah 63 peratus pada Disember 2019 dan dijangka menjana pelaburan berjumlah RM17.4 bilion. Penglibatan JCorp ini dijangka saling melengkapi kemudahan sedia ada dan akan datang di PIPC seperti Pengerang Deepwater Terminal, kawasan perindustrian maritim serta hab perkhidmatan komersial.

PEMBESARAN KPTL

KPTL adalah kawasan perindustrian milik JCorp berskala besar seluas 1,957 hektar khusus untuk industri berat. Sehingga kini, terdapat 122 pelabur tempatan dan asing telah komited dengan nilai pelaburan berjumlah RM27 bilion. Daripada jumlah itu, 80 kilang dengan nilai pelaburan RM21.18 bilion telah memulakan operasi.

TLP TERMINAL SDN BHD

TLP Terminal Sdn Bhd (TLPT) sebuah syarikat anak milik penuh JCorp menerajui pengurusan Pelabuhan Tanjung Langsat (PTL). TLPT mencatatkan jumlah pendapatan RM63.3 juta bagi tahun kewangan 2019. Keuntungan sebelum cukai bagaimanapun merosot daripada RM10.6 juta pada 2018 kepada RM5.8 juta disebabkan pelaksanaan standard baharu Perakaunan Pajak (MFRS 16) untuk sewaan dermaga dan peningkatan kos pengendalian pelabuhan.

TLPT dianugerahkan Jeti Persendirian Terbaik (*Best Private Jetty*) pada majlis *Port Industrial Award 2019* oleh Lembaga Pelabuhan Johor. Selain itu, TLPT menerima anugerah perak daripada Etiqa Insurance (penasihat risiko) bagi rekod cemerlang dalam pengurusan risiko.

PEMUDAHCARA - KHIDMAT PELABUHAN

Untuk sepanjang 2019, PTL merekodkan kendalian kargo berjumlah 11.76 juta tan

metrik (MT). Kargo berasaskan petroleum menyumbang peratusan terbesar daripada jumlah keseluruhan kargo iaitu 10.62 juta MT (90%) manakala minyak boleh dimakan (*edible oil*) serta kargo pukal masing-masing menyumbang 0.64 juta MT (5%) dan 0.50 juta MT (4%).

BISNES PELABUHAN

Dilengkapi fasiliti dermaga dan keupayaan mengendalikan kapal bersaiz *Suezmax* serta *Aframax*, PTL berusaha untuk kekal menjadi pelabuhan pilihan pedagang dan pelabur. Terletak hanya 12 batu nautika dari laluan perkapalan antarabangsa, PTL dilengkapi tujuh dermaga cecair berkapasiti 23 juta MT dan dua dermaga kering berkapasiti 3 juta MT. Bagi melengkapkan ekosistem pelabuhan dan logistik yang menyeluruh, PTL turut disokong oleh komponen kluster berikut:

- a) Tangki Penyimpanan Minyak berkapasiti 986,500 meter padu dengan keluasan 150 hektar merangkumi terminal minyak bagi kargo petroleum & petrokimia bagi kargo *edible oil* serta jajaran paip terus ke jeti. Setakat ini, beberapa pelabur luar negara dan tempatan mula beroperasi seperti Dialog Terminals Langsat Sdn Bhd, Langsat Bitumen Terminal (milik Puma Energy, anak syarikat Kumpulan Trafigura), Musim Mastika Oil & Fats (M) Sdn Bhd (anak syarikat Kumpulan Musim Mas), Langsat Bulkterminals (milik Felda Johore Bulkterminals) dan Menajaya Oil & Fats Sdn Bhd. Norman Process Oil Sdn Bhd (anak syarikat Kumpulan Orghkim) pula dalam proses membina kilang memproses minyak getah tanpa karsinogen untuk industri getah dan tayar sintetik.



DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

- b) Hab *Oilfield Services & Equipment* (OFSE): Seluas 174 hektar tapak industri untuk Khidmat Kejuruteraan Pesisir Pantai diperuntukkan kepada syarikat OFSE global beroperasi di KPTL bagi memberi perkhidmatan industri O&G yang pesat berkembang maju di rantau ini. Antara syarikat yang beroperasi ialah Asiaflex Products Sdn Bhd (syarikat Kumpulan Technip), Kiswire Neptune Sdn Bhd; dan Bahru Stainless Sdn Bhd (syarikat anak Acerinox Pte Ltd).
- c) Pangkalan Bekalan Marin Serantau: Pelabuhan ini turut dilengkapi Pangkalan Bekalan Marin Serantau meliputi *Common User Supply Base* (CUSB) serta Hab Gudang dan Logistik, masing-masing seluas 20 hektar. Kemudahan ini menyediakan perkhidmatan kepada kontraktor, penyelia perkhidmatan dan lain-lain untuk menyokong kegiatan cari gali minyak di rantau ini.

i. *Common User Supply Base*

Fasiliti CUSB dibangunkan oleh Langsung OSC Sdn Bhd (LOSC), syarikat usaha sama Langsung Marine Base Sdn Bhd, anak syarikat JCorp dengan Oilfields Supply Center Ltd, sebuah syarikat di Dubai. LOSC beroperasi dengan status Gudang Berlesen Awam (GBA) dan Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) mengikut Seksyen 65 & 65A Akta Kastam 1967. Fasiliti ini merangkumi 16 bengkel bagi penggunaan syarikat berkaitan kegiatan hiliran industri O&G. Dengan kepakaran rakan kongsi yang menguruskan fasiliti serupa di Jebel Ali Freezone (JAFZA), Dubai, Emiriah Arab Bersatu, LOSC mampu menarik syarikat terkemuka O&G beroperasi di situ.



ii. Hab Gudang & Logistik

Hab gudang dan logistik yang dibina oleh Langsung Marine Terminal Sdn Bhd (LMT) berjaya menarik syarikat berpangkalan di Jepun iaitu NKGBS Malaysia Sdn Bhd, untuk menyewa keseluruhan gudang tertutup di situ selama 10 tahun bermula 2016. Keseluruhan LMT beroperasi menggunakan GBA di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967. Syarikat lain yang melabur di LMT adalah Welfab Engineering Sdn Bhd, Tiong Nam Logistics Solution Sdn Bhd dan FGV Logistics Sdn Bhd.

DIURUS PTL

11.76 juta MT

KAPASITI 7 DERMAGA CECAIR

23 juta MT

PELABURAN DI POIC

RM1.77 bilion

KILANG PKS DI MUAR & PASIR GUDANG

54 kilang

GRADUAN LULUSAN JSDC

499 graduan

DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI



PEMUDAH CARA - POIC

Pembangunan kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di KPTL dibiayai menerusi geran berjumlah RM103 juta daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Dilengkapi komponen seperti bangunan pejabat dan kilang, kilang biomas, tangki simpanan minyak serta kemudahan infrastruktur di atas tapak seluas 131 hektar, POIC memberi nilai tambah kepada pengusaha minyak sawit untuk beroperasi di KPTL. Sehingga akhir 2019, penjualan tanah industri di POIC mencecah 76% melibatkan 15 pelabur strategik yang beroperasi sepenuhnya dengan pelaburan bernilai RM1.77 bilion.

PEMUDAH CARA - FCZ

Bagi memberi nilai tambah kepada pelabur serta memaksimumkan faktor lokasi yang strategik, JCorp mengambil inisiatif menyediakan zon perdagangan bebas (FCZ) di kawasan pelabuhan. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi cadangan mewujudkan FCZ seluas 75 hektar diterima pada Jun 2016.

Status FCZ diwartakan pada April 2018 dan operasi mulai November 2018. Menerusi sasaran menjadikan PTL sebagai Hab Logistik Bersepadu di rantau ini, permintaan untuk lot industri di kawasan FCZ daripada pelabur tempatan dan asing adalah memberangsangkan

dan penjualan mencapai 53% daripada keseluruhan kawasan projek seluas 75 hektar.

PEMUDAH CARA - KILANG SIAP BINA

a) Premium Corporate Premises (PCP)

Terdiri daripada 14 unit kilang siap bina di Zon 12B Fasa 2 Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, PCP adalah usaha TTSB untuk menjana kepelbagaian sumber pendapatan selain bisnes terasnya. Terkini, tujuh unit kilang telah dijual dan usaha memasarkan baki unit sedang giat dilakukan.

b) Kompleks Industri Kecil & Sederhana (IKS)

i. IKS Pasir Gudang

Pembinaan 30 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang di atas tapak 1.9 hektar telah dibiayai oleh geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM30 juta. Siap dibina pada 2019, projek ini disasarkan untuk memenuhi permintaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera.

ii. PKS Muar Furniture Park

Selain itu, 24 unit kilang siap bina sedang dibina di MFP, Bakri yang dibiayai oleh geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM22 juta. Pembangunan di tapak bermula pada Oktober 2019 dan dijangka siap dibina pertengahan 2022. Difokuskan untuk pengusaha PKS Bumiputera, projek ini dijangka mewujudkan 450 peluang pekerjaan baharu.



DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN

Bagi meningkatkan nilai tambah kepada pelabur, TTSB dilantik untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan perindustrian (*park management*) bagi kawasan perindustrian milik JCorp. Antara khidmat yang akan dilaksanakan adalah *gated & guarded*; pemantauan berterusan untuk fasiliti di kawasan industri serta khidmat pelanggan. Perkhidmatan ini adalah antara keperluan yang dianggap penting dan perancangan pelaksanaan sedang diperhalusi.

PEMUDAH CARA - JSDC

Aspirasi penubuhan Johor Skills Development Center (JSDC) adalah untuk saling melengkapi pembangunan industri menerusi penyediaan pusat latihan teknikal bagi melahirkan tenaga

kerja mahir dan separuh mahir, selari dengan keperluan serta perkembangan sektor perindustrian negara.

Sehingga 2019, JSDC telah melahirkan hampir 71,000 graduan menerusi pelbagai program latihan industri, persijilan profesional serta kursus untuk lepasan sekolah. Terkini, terdapat perancangan untuk menawarkan kursus latihan khusus bagi industri perabot serta industri sokongan O&G.

PROSPEK

ARAH TUJU PERINDUSTRIAN

DPI menjangkakan arah tuju perindustrian akan lebih tertumpu kepada penerapan Industri 4.0 bagi kebanyakan cabang sektor ekonomi. Ciri-ciri seperti *Internet of Things (IoT)*, *Artificial Intelligence (AI)* dan automasi

(*robotic*) akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti; dan pembuatan *just in time* akan menyaksikan pelabur tidak memerlukan ruang kilang yang besar.

Selain itu, bersesuaian dengan kitaran perniagaan serta keadaan ekonomi, pelabur dijangka lebih memilih untuk menggunakan prinsip *Asset Light* di mana infrastruktur kilang disediakan untuk tujuan sewa dan mereka tidak terikat di suatu lokasi bagi tempoh panjang. Untuk masa terdekat, DPI akan memberi fokus kepada pelabur yang menggunakan teknologi tinggi serta industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

ZON PERINDUSTRIAN MAMPAN & LESTARI

Selain menyediakan kawasan perindustrian yang lengkap dengan pembangunan infrastruktur, DPI melangkah satu tapak ke hadapan. Divisyen akan mengekalkan penerapan pembangunan kawasan perindustrian yang khusus kepada sektor dan industri tersendiri seperti MFP berfungsi sebagai hab perabot; PIP untuk pengusaha industri O&G; manakala KIP khusus untuk industri teknologi tinggi seperti pangkalan data dan multimedia.

DPI juga menasarkannya kawasan perindustrian milik JCorp akan dilengkapi pelbagai fasiliti pemudah cara seperti kilang siap bina dan asrama pekerja sebagai satu inisiatif untuk pembangunan yang lebih lestari. Bagi memenuhi keperluan sektor pangkalan data, adalah penting bagi DPI memastikan kawasan perindustrian yang menyediakan keperluan utiliti secara berterusan dan bebas daripada gangguan bekalan.



DIVISIYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Seiring trend teknologi hijau, penerapan guna tenaga boleh diperbaharui, usaha mengitar semula serta penyediaan lebih banyak kawasan hijau bagi tujuan rekreasi turut menjadi agenda penting dalam usaha meningkatkan nilai pembangunan kawasan perindustrian di Johor supaya setanding dengan standard pasaran. DPI turut memberikan perhatian untuk pembangunan projek-projek sumber tenaga alternatif (*Alternative Energy*) selari dengan aspirasi kerajaan. Antara projek yang telah terlaksana adalah Biomass Steam Plant di POIC, KPTL.

Pada masa akan datang, DPI dijangka melaksanakan lebih banyak projek berimpak tinggi. Antaranya, pembangunan KIP dengan keluasan 2,834 hektar seperti dirancang menerusi *JCorp's Sedenak Masterplan*. Pembangunan ini lebih tertumpu kepada Industri 4.0, perubatan dan farmaseutikal, selain meliputi Bandar Pintar, kawasan perumahan dan komersial.

Antara program jangka panjang yang turut dirangka ialah menawarkan khidmat perunding bagi pembangunan kawasan perindustrian di luar Johor oleh pihak ketiga. Ini bersesuaian dengan kepakaran dan pengalaman DPI selaku pemaju premier kawasan perindustrian di Johor.

TINGKATKAN KEMUDAHAN PELABUHAN

DPI terus berusaha membawa masuk pelabur baharu ke KPTL menerusi penambahan nilai dan peningkatan yang berterusan terutama ke atas kemudahan serta perkhidmatan pelabuhan:

i. Kemajuan Teknologi dan Digitalisasi

Dengan aspirasi menjadikannya pelabuhan generasi akan datang,



TLPT merangka Pelan Teknologi dan Digitalisasi untuk memacu peningkatan produktiviti serta sekuriti. Sistem Keselamatan Pelabuhan dilaksanakan pada April 2019 dan kini TLPT terus fokus dalam meningkatkan infrastruktur rangkaian dan sistem serta inovasi seperti IoT dan analisis *Big Data*.

ii. Perancangan Kontingensi dan Tindak Balas Kecemasan Berterusan

Sebagai anggota *Pasir Gudang Emergency Mutual Aid (PAGEMA)* yang aktif, TLPT terlibat dalam menganjurkan beberapa siri latihan melibatkan pelbagai agensi untuk menguji tahap kesediaan anggota pekerja dan keberkesanan setiap prosedur keselamatan. Pada Mac 2019, Pasukan ERT TLPT terlibat dalam pencemaran alam sekitar berskala besar melibatkan lebih 5,000 orang

akibat pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor.

PUSAT LATIHAN KOMPREHENSIF

JSDC dirangka menawarkan lebih banyak latihan perindustrian yang khusus untuk keperluan pasaran. Antaranya, bidang pembuatan perabot, O&G, industri hijau serta Industri 4.0. Kolaborasi bersama pihak swasta, agensi kerajaan negeri dan Persekutuan juga dipergiatkan supaya latihan yang disediakan lebih menyeluruh serta seiring aspirasi kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang mandiri.

Dengan mengandaikan semua projek yang dirancang itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan, DPI dijangka mengekalkan statusnya sebagai antara penyumbang utama keuntungan dan tunai kepada JCorp sekali gus memperkukuhkan peranan institusi strategik ini dalam menerajui pembangunan perindustrian di Johor.

DIVISIYEN PEMBANGUNAN BISNES

JOHOR CORPORATION (JCorp) TURUT DIBERI PERANAN MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN SKIM KEUSAHAWANAN KHUSUSNYA DI JOHOR.

Mewujudkan komuniti usahawan dalam pelbagai bidang termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah penting bagi menyokong pertumbuhan industri sekali gus ekonomi negara. Antaranya, bermula pada 2017, JCorp memperkenalkan tiga kategori syarikat intrapreneur di bawah Skim Intrapreneur 2.0 iaitu Kategori A: Inovatif/Berimpak Tinggi, Kategori B: Mampan/Dinamik dan Kategori C: Sosial.

Intrapreneur di bawah Kategori A diwajibkan mengadaptasi projek atau melaksanakan inovasi dalam syarikatnya ke arah memacu penjana pendapatan yang lebih baik. Kesemua 18 syarikat Intrapreneur diletakkan di bawah Kategori B. Semua syarikat ini mempunyai sinergi atau melengkapi bisnes sedia ada JCorp dan boleh diintegrasikan ke dalam pasaran terbuka. Setiap Intrapreneur diberi tempoh lima tahun untuk bergraduasi selepas memberi pulangan pelaburan yang tinggi kepada syarikat induk.

Bagi menzahirkan peranan JCorp sebagai agen pembangunan usahawan, skim ini mengalu-alukan penglibatan syarikat luar yang berpotensi tinggi dan berminat menjadi rakan strategik JCorp. Melalui pembangunan 18 syarikat Intrapreneur,

JCorp telah menceburi pelbagai bidang perkhidmatan perniagaan antaranya, pelancongan dan amil zakat, teknologi maklumat, pengangkutan, makanan dan minuman, pertanian, penjagaan kesihatan serta latihan industri.

PRESTASI KEWANGAN

Berdasarkan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, terdapat 18 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur 2.0 dengan peningkatan perolehan dicatatkan berjumlah RM281 juta berbanding 2018 iaitu 21 syarikat menyumbang perolehan berjumlah

RM280 juta. Empat daripada 18 syarikat Intrapreneur mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing melebihi RM1 juta hasil penstrukturan semula aktiviti bisnes dan liabiliti syarikat masing-masing.

SYARIKAT INTRAPRENEUR

Dengan meneruskan komitmen syarikat bagi mengekalkan kelestarian bisnes, Capaian Aspirasi Sdn Bhd (Capaian) yang diterajui Tuan Haji Ismail Mat Ali mengorak langkah mengembangkan sayap bisnes syarikat dengan menawarkan Kembara Islam (*Islamic Tour*)

Peserta Misi Bantuan Kemanusiaan ke Kemboja anjuran Capaian Aspirasi Sdn Bhd.



DIVISIYEN
PEMBANGUNAN BISNES

ke negara-negara Islam seperti Jordan, Turki dan negara Balkan selain Indonesia di samping aktiviti utama selaku amil zakat korporat serta pengurusan umrah dan haji. Capaian turut menguruskan Misi Bantuan Kemanusiaan ke Kemboja, Thailand dan Vietnam bagi memenuhi amanah masyarakat yang ingin berbakti kepada masyarakat Islam di negara jiran. Capaian juga merancang menambah pakej Kembara Islam ke Mesir dalam masa terdekat. Dengan adanya pakej seperti ini, Capaian beraspirasi untuk menambah aktiviti bisnes baharu iaitu sebagai agen pelancongan bagi melengkapkan rantaian bisnesnya.

KERJASAMA STRATEGIK

Pada 19 Januari 2019, berlangsung Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara JCorp dan sembilan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Negeri Johor bertujuan memanfaatkan sumber, modal, kemajuan teknologi, strategi pembangunan dan kepakaran syarikat terbabit bagi pembangunan usahawan di Negeri Johor.

Antaranya ialah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (KPRJ), Permodalan Darul Ta'zim (PDT), Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ), Perbadanan Islam Johor Holdings Sdn Bhd (PIJ), Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation (J-Biotech), Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (EDC), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) serta YPJ Holdings Sdn Bhd.

MoU itu turut membuka peluang perniagaan kepada syarikat Intrapreneur di bawah JCorp dan Kumpulannya selain berharap isu-isu ekonomi dalam industri

SYARIKAT SKIM INTRAPERENUR 2.0

18 syarikat

PEROLEHAN DICATATKAN

RM281 juta

WUJUDKAN PAKEJ

KEMBARA ISLAM

PAKEJ CLASSROOM

4,134 pelanggan

berkaitan pertanian, pembangunan dan pengurusan hartanah, rantaian bekalan industri perabot, penternakan ayam dan lembu, minyak dan gas serta bidang perkhidmatan termasuk pemakanan serta pengangkutan di Johor dapat ditangani secara usaha sama menerusi jaringan kerja lebih menyeluruh.



DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD

TANGGUNGJAWAB KORPORAT ADALAH PERANAN KETIGA DALAM TUJUAN PENUBUHAN JOHOR CORPORATION (JCorp). TANGGUNGJAWAB KORPORAT INI DILAKSANAKAN MELALUI PELBAGAI AKTIVITI MELIBATKAN KUMPULAN SASAR DI AKAR UMBI. SEBAHAGIAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT INI DILAKSANAKAN MELALUI WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD (WANCORP).

RANGKAIAN MASJID AN-NUR

WANCorp menguruskan enam masjid - Masjid Sultan Iskandar serta Masjid An-Nur Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang, Taman Cendana - yang diimarahkan dengan pelbagai program agama, riadah serta kemasyarakatan. Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn yang sudah dikenali sebagai Masjid Pelancongan pada 2018 menerima pengiktirafan *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)* sebagai Masjid Pelancongan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.



- 01 Program Jalinan Ukhuwah dan Khatan Perdana.
- 02 Anggota Briged Waqaf menjalani Kursus Sukarelawan CDERT (*Civil Defence Emergency Response Team*).
- 03 Perkhidmatan dialisis di Klinik Waqaf An-Nur.

Pembukaan *Islamic Information Centre (IIC)* pada Disember 2019, menjadi kemuncak kepada usaha menggalakkan lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara datang ke masjid ini. IIC ini memberi peluang pengunjung mengenali lebih lanjut mengenai keindahan Islam dan senibina masjid. Pengunjung turut berpeluang menyaksikan replika al-Quran pelbagai terbitan dan juga sejarah serta keindahan Kaabah menerusi mesin hologram.

DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Kursus Haji Perdana di Masjid Sultan Iskandar,
Bandar Dato' Onn

RANGKAIAN KLINIK WAQAF AN-NUR

Bagi tempoh 1998 sehingga Disember 2019, sebanyak 22 rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Klinik Bergerak ditubuhkan. Perkhidmatan perubatan pesakit luar di KWAN boleh dimanfaatkan masyarakat pelbagai bangsa dan agama dengan bayaran RM5 sahaja. Setakat 2019, sejumlah 1,856,781 rawatan diberikan kepada pesakit di rangkaian KWAN termasuk 167,110 rawatan kepada pesakit bukan Islam. Sehingga kini, sembilan klinik

menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit buah pinggang menerusi 72 mesin dialisis dengan bayaran minimum RM90.

JALINAN UKHUWAH™

Jalinan Ukhuwah adalah program turun padang untuk mendekati pemimpin dan masyarakat setempat menerusi kegiatan gotong-royong, pemeriksaan kesihatan percuma, pengimarah masjid dan penyerahan sumbangan kepada golongan memerlukan. Ia turut menjadi platform kepada barisan pengurusan dan anggota pekerja WANCORP serta JCORP berinteraksi dengan pemimpin masyarakat serta ahli kariah di lokasi terpilih dengan kerjasama anggota Briged Waqaf selain Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bagi

2019, enam program Jalinan Ukhuwah dilaksanakan di daerah terpilih negeri Johor.

KLINIK WAQAF AN-NUR

22 klinik

RAWATAN DIBERIKAN

1.8 juta

MESIN DIALISIS

72 mesin

PESAKIT BUAH PINGGANG DIRAWAT

350 pesakit

DANA NIAGA

Dana Niaga adalah inisiatif bagi menyediakan pembiayaan tanpa faedah *Al-Qardhul Hassan* kepada usahawan mikro yang mahu mengembangkan bisnes. Pembiayaan ini bertujuan meningkatkan syiar Islam menerusi perniagaan dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada usahawan Islam yang memerlukan. Setakat 2019, sebanyak 464 pembiayaan berjumlah RM1,143,376 telah diagihkan kepada usahawan mikro di seluruh Johor.

Kemudahan *Murabahah Tawarruq*, pula menawarkan pembiayaan lebih besar antara RM10,000 hingga RM20,000 dengan kadar keuntungan antara 4% hingga 6%. Pembiayaan ini disahkan patuh syariah oleh Jawatankuasa Syariah WANCORP pada 31 Mac 2019. Setakat ini, tiga peminjam telah menerima pembiayaan berjumlah RM55,000.

Permohonan bagi pembiayaan Dana Niaga boleh dibuat secara atas talian: www.wancorp.com.my.



DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT



PEMBIAYAAN DANA NIAGA

464 pembiayaan

DANA DIAGIHKAN

RM1.14 juta

PEMBIAYAAN MAKSIMUM

RM20,000

PESERTA PUSAT WAQAF KOMUNITI

39 peserta

PUSAT WAQAF KOMUNITI

Pusat Waqaf Komuniti dibangunkan dengan mengambil manfaat daripada pembelian hartanah oleh WANCorp. Pusat ini menawarkan latihan jahitan serta menggunting rambut kepada golongan sasaran dan seterusnya memberi peluang mereka menjana pendapatan tambahan menerusi kemahiran tersebut. Pada 2019, Pusat Waqaf Komuniti Jahitan

di Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram dan Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang telah melatih 12 peserta.

Pusat Waqaf Komuniti Gunting Rambut di Kempas Town Centre pula mula beroperasi pada Mac 2019 dan telah melatih 27 peserta menerusi tiga siri Kursus Menggunting Rambut setakat ini.

BRIGED WAQAF™

Briged Waqaf adalah sukarelawan dari kalangan anggota pekerja WANCorp dan JCorp serta syarikat dalam Kumpulan yang aktif memberikan bantuan kemanusiaan dan melaksanakan program kemasyarakatan. Pasukan ini turut memainkan peranan signifikan dalam memberi bantuan bagi meringankan beban mangsa bencana seperti kebakaran dan banjir selain bantuan ketika kejadian pencemaran sisa toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Briged Waqaf turut terlibat menyerahkan sumbangan tanggungjawab korporat menerusi pelbagai aktiviti

kemasyarakatan yang dianjurkan sepanjang tahun. Pada 2019 juga menyaksikan penubuhan kompeni baharu iaitu Kompeni Ibnu Sina yang terdiri daripada anggota pekerja KPJ Healthcare Berhad di Lembah Klang.

Perkemahan Tahunan Briged Waqaf pula berlangsung pada 11-13 Oktober 2019. Acara dwitahunan itu bertujuan merapatkan lagi ukhuwah antara kepimpinan serta anggota briged dan seterusnya menguji kemahiran ahli menerusi aktiviti yang diadakan. Ahli Briged Waqaf terus diiktiraf apabila memenangi Perbarisan Terbaik kategori Badan Berkanun sempena Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Johor 2019.

HIBAH LIL WAQAF

WANCorp terus aktif mengajak orang ramai bersama merasai keberkatan berwakaf melalui program Hibah Lil Waqaf. Program melibatkan kerjasama di antara syarikat takaful, pengurusan harta, pemegang amanah dan pengurusan

DIVISIYEN
TANGGUNGJAWAB KORPORAT

PROGRAM SERAMPANG DUA MATA INI BUKAN SAHAJA MENINGKATKAN DANA RANGKAIAN KWAN MALAH UNTUK MEMELIHARA ALAM SEKITAR MELALUI TANAMAN POKOK DI KAWASAN TERPILIH DENGAN KERJASAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI JOHOR.

amanah saham dengan membuka peluang yang lebih luas dan mudah bagi orang ramai berwakaf dengan WANCorp.

Program bermula Oktober 2019 ini semakin mendapat sambutan. Program ini membolehkan pemegang takaful m e n g h i b a h dan seterusnya m e w a k a f k a n sehingga 30% daripada jumlah perlindungan yang bakal diterima jika berlaku kematian.

Orang ramai juga digalakkan berwakaf melalui harta yang mereka ada menerusi hibah atau wasiat harta yang boleh diuruskan oleh syarikat pengurusan wasiat dan syarikat pemegang amanah.

Hasil pewakafan orang ramai ini akan diterjemahkan kepada pembelian saham patuh syariah dan aset wakaf bagi mengukuhkan lagi nilai Ain WANCorp dan seterusnya meningkatkan pulangan untuk diagihkan bagi manfaat orang ramai.

INFAQ WARISAN

Rangkaian KWAN terus mendapat sambutan apabila jumlah kunjungan pesakit meningkat saban tahun. Bagi memastikan pengurusan dan khidmat

masyarakat ini dapat diteruskan, program Infaq Warisan diperkenalkan bagi menambahkan lagi dana rangkaian klinik tersebut.

digunakan bagi memudahkan penginfak memantau pertumbuhan pokok yang ditanam.

SUMBANGAN DANA COVID-19



WANCorp melalui Masjid Sultan Iskandar telah m e l a n c a r k a n Dana Covid-19 untuk mempelawa m a s y a r a k a t menderma bagi m e r i n g a n k a n bebanan golongan sasaran. WANCorp turut menyalurkan pelbagai bantuan

antaranya tiga unit Mesin Bantuan Pernafasan kepada hospital terpilih, penyediaan Kelengkapan Pelindung Diri (PPE), cecair pembersih tangan serta thermometer inframerah.

Pusat Wakaf Komuniti (PWK) Gunting Rambut memberi pengecualian sewa selama 6 bulan kepada peserta inkubator gunting rambut manakala PWK Jahitan membantu turut menjahit PPE. Selain itu, penerima pembiayaan Dana Niaga turut diberikan penangguhan bayaran selama 6 bulan dan penyewa hartanah milik Kumpulan WANCorp menerima diskaun atau rebat sewa bulanan. WANCorp memperuntukkan RM3.9 juta bagi membantu mereka yang terkesan akibat pandemik ini.

WANCorp memperkenalkan Hibah Wakaf dan Infaq Warisan bagi mengajak orang ramai merasai keberkatan berwakaf/infaq

Program serampang dua mata ini bukan sahaja meningkatkan dana rangkaian KWAN malah untuk memelihara alam sekitar melalui tanaman pokok di kawasan terpilih dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan di Johor. Ini seiring objektif Hari Landskap Negara 2019 pada awal Mac 2019 untuk mentransformasikan persekitaran negara ke arah menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang 2020. Sistem 'remote sensing'

DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

YAYASAN JOHOR CORPORATION

JOHOR CORPORATION (JCORP) TELAH MENUBUHKAN YAYASAN JOHOR CORPORATION PADA 9 JUN 1997 SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI YANG MENJAYAKAN KESINAMBUNGAN AKTIVITI CSR JCORP DALAM BIDANG PENDIDIKAN KEPADA ORANG RAMAI.

Matlamat penubuhannya adalah sebagai peneraju utama kepada peningkatan kualiti gaya hidup, modal insan dan jati diri dalam bidang pendidikan, keusahawanan, kemahiran dan penyediaan latihan pekerjaan bagi menyokong pembangunan ekonomi negara.

Ianya juga merupakan satu platform untuk memaksimumkan manfaat pelepasan cukai kepada penderma yang menyalurkan sumbangan kepadanya selaras dengan objektif penubuhannya.

Terdapat tiga teras utama amalannya iaitu mengoptimumkan penggunaan teknologi dan media masa yang lebih *edutainment*, fleksibel dan meluas, menerapkan nilai-nilai sivik pendidikan iaitu kegembiraan, kasih sayang, tanggungjawab dan hormat menghormati serta menjalin kerjasama bersama agensi-agensi yang berkepentingan.



DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Berikut merupakan aktiviti serta pencapaiannya:

1. PROJEK TUISYEN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Dilaksanakan sejak 2012 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Program ini khusus untuk murid-murid di Sekolah Rendah terpilih seluruh Negeri Johor.

Sehingga kini, seramai 6,745 murid dari 260 sekolah telah memperoleh manfaat dari program ini. Pelajar ini telah menunjukkan peningkatan dan prestasi cemerlang di dalam peperiksaan yang diduduki. Untuk rekod, sehingga kini seramai 577 murid telah mencapai keputusan cemerlang di dalam peperiksaan UPSR iaitu memperoleh 3A ke atas.

Kaedah pembelajaran bukan sahaja tertumpu di dalam kelas malah turut mengaplikasikan penggunaan sistem pembelajaran secara atas talian.

2. PROGRAM PENGURUSAN KEWANGAN PRO DU-IT

Program ini dibangunkan atas keprihatinan dan kesedaran berkaitan isu kelemahan pengurusan kewangan di kalangan golongan remaja dan belia.

Program ini menekankan berkaitan pengurusan kemahiran kewangan yang sistematik serta melatih mereka untuk menabung dan membuat pengurusan kewangan yang baik.

PROJEK TUISYEN YAYASAN JOHOR CORPORATION

6,745 murid

577 memperoleh 3A ke atas

PROGRAM PENGURUSAN KEWANGAN PRO DU-IT

1,800 murid

JUMLAH SIMPANAN TERKUMPUL

RM452,000

Modul pengurusan kewangan ini telah dibangunkan dengan kerjasama Universiti Malaya. Terdapat enam modul keseluruhannya yang menjurus kepada ilmu celik kewangan, keusahawanan, teknologi dan tanggungjawab sosial khusus untuk kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

Program ini mula diperkenalkan di sekolah-sekolah Negeri Johor pada 2017. Sehingga kini seramai 1,800 murid dari 60 sekolah telah mendapat manfaatnya sama ada di peringkat Negeri Johor mahupun nasional.

Selama tempoh tersebut, pelajar dibekalkan dengan sebuah buku log bagi tujuan catatan harian kewangan mereka. Untuk rekod, jumlah simpanan terkumpul adalah sebanyak RM452,000 iaitu purata simpanan RM251 seorang.

DIVISIYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT



3. PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN KELAS RANCANGAN USAHAWAN

Penglibatan Johor Corporation (JCorp) dalam aktiviti keusahawanan telah bermula dari 1992 dengan bermulanya program BISTARI iaitu program keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah seluruh Johor.

Bermula 2017, konsep pelaksanaan ini telah dijenamakan semula melalui Kelas Rancangan Usahawan. Program baharu ini lebih berfokus kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 dari aliran kelas Perdagangan, Ekonomi dan Perakaunan.

PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN KELAS RANCANGAN USAHAWAN

RM654,000

jumlah jualan direkodkan

PROGRAM GALAKAN MEMBACA

20,000

naskah buku ilmiah berbahasa Inggeris setahun

6,610 orang telah mengambil bahagian

305,929

orang melayari dan mendapat maklumat kuiz ini di page Johor Corporation

Sehingga kini sebanyak 50 sekolah terpilih menyertai program ini dengan penubuhan sebanyak 25 syarikat. Manakala, jumlah jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM654,000.

Program ini juga melibatkan penglibatan mentor di kalangan usahawan dalam Kumpulan JCorp dan dari agensi seperti FAMA, MARA, Kolej Komuniti dan GiatMara sebagai penasihat.

Matlamat program ini adalah untuk mewujudkan dan membentuk generasi muda dan belia dengan ciri-ciri keusahawanan serta kepimpinan yang berketerampilan, berdikari, berkarisma dan mampu berfikir secara kreatif dan inovatif.

4. PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Bermula 2019, Yayasan Johor Corporation telah dilantik sebagai "Local Partner" oleh The Asia Foundation (TAF) selama tiga tahun dalam menjayakan Program Galakan Membaca & Memperkasa Bahasa Inggeris di Semenanjung.

Dalam tempoh tersebut, pihak Yayasan JCorp akan menerima 20,000 naskah buku ilmiah berbahasa Inggeris setahun. Buku-buku tersebut bertujuan untuk diedarkan secara percuma dan dimanfaatkan melalui program yang dikenali sebagai "Books For Asia".

Pelaksanaan program ini juga tidak terhad kepada bahan bacaan yang diedarkan semata-mata, malahan turut menganjurkan *JCorp English Challenge* iaitu pertandingan berbentuk kuiz yang boleh dimuat

DIVISIYEN
TANGGUNGJAWAB KORPORAT

naik melalui aplikasi *Facebook page* Johor Corporation bagi menyemarakkan lagi program “*Books For Asia*” ini. Selain itu, peserta juga boleh memuat naik aplikasi *Let’s Read!* The Asia Foudation yang boleh didapati di *Google Store* bagi mendapatkan buku bacaan secara digital.

Penyertaan kuiz ini adalah terbuka kepada semua pelajar yang berumur dari tujuh hingga 18 tahun. Sebagai rekod, seramai 6,610 orang telah mengambil bahagian manakala seramai 305,929 orang telah melayari dan mendapat maklumat kuiz ini di *page* Johor Corporation.

5. PENDIDIKAN SEMARAK JAWI 2.0

SemarakJawi 2.0 merupakan program penambahbaikan dan inovasi dari program asal dengan penglibatan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Persatuan khat dan NGO-NGO penggiat seni jawi.

Program ini mula aktif pada 2020 di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Johor. Konsep pelaksanaan program ini turut menerapkan aspek keusahawanan, pertandingan secara atas talian dan program asas pengenalan dan bacaan Jawi kepada pelajar sekolah rendah melalui Kem Semarak Jawi.

Sebagai permulaan, sebanyak 11 sekolah melibatkan seramai 330 murid menyertai program ini melalui program anjuran Yayasan JCorp di sekolah terpilih.

Selain itu, seramai 1,056 orang pula telah mengambil bahagian dalam pertandingan Kuiz Semarak Jawi dan Pertandingan Tulisan Cantik (Jawi) yang diadakan secara bulanan dan seramai 160,428 orang telah melayari dan mendapat maklumat kuiz ini di *page* Johor Corporation.

6. BANTUAN PENDIDIKAN

Program ini bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan ibu bapa/penjaga melalui bantuan bayaran yuran persekolah atau pengajian mereka. Segala permohonan yang diterima akan dibentangkan melalui Jawatankuasa Perolehan & Penyaluran Dana Yayasan Johor Corporation.

PENDIDIKAN SEMARAK JAWI 2.0

330 murid

160,428 melayari dan mendapat maklumat kuiz

BANTUAN PENDIDIKAN

RM175,619

disalurkan kepada 450 orang penerima

Sehingga kini, jumlah penyaluran dana yang telah disalurkan adalah berjumlah RM175,619 kepada 450 orang penerima.



DIVISIYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN

DIVISIYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN BERPERANAN PENTING MENYOKONG PENTADBIRAN JOHOR CORPORATION (JCorp) DAN SYARIKAT KUMPULAN BAGI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG STRATEGIK SERTA MAMPAN.

PENGURUSAN PRESTASI

Bagi mengukur prestasi syarikat dan anggota pekerja, JCorp meneruskan pelaksanaan Kad Skor Imbangan (*Balanced Scorecard - BSC*) serta Penanda Aras Prestasi (*Key Performance Indicator - KPI*) bermula 2017. Kaedah pengurusan prestasi ini dapat memastikan matlamat JCorp selari dari peringkat pengurusan tertinggi sehingga ke setiap anggota pekerja.

KAD SKOR IMBANGAN (BSC)

BSC adalah kaedah mengukur pencapaian organisasi yang diguna pakai JCorp dan syarikat Kumpulan. Ia mengambil kira pencapaian dari empat sudut berbeza merangkumi Perspektif Kewangan, Perspektif Pemegang Taruh, Perspektif Proses Dalaman dan Perspektif Kapasiti Organisasi.

01



02



PELAN PENGGANTIAN KEPIMPINAN

Pelan Penggantian Kepimpinan (*Succession Planning*) adalah antara inisiatif strategik yang dirangka Divisyen Pembangunan Sumber Manusia Kumpulan bagi mengenal pasti dan membangunkan potensi anggota pekerja terpilih sebagai persediaan menggantikan peranan barisan kepimpinan pada masa hadapan.



01 Advanced JLP Cohort 2 2019/2020.

02 Bengkel Kesedaran & Penerimaan Budaya.

DIVISIYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN

Untuk itu, seramai 50 anggota pekerja dikenal pasti sebagai calon berpotensi menggantikan barisan kepimpinan sedia ada sekarang. Pemilihan mereka berdasarkan prestasi dan potensi kepimpinan selepas melalui pelbagai proses penilaian termasuk daripada konsultan luar di bawah program Pusat Penilaian Kepimpinan.



Kumpulan Bakat Kepimpinan ini dipantau secara berkala untuk memastikan mereka sentiasa relevan dengan kriteria kelayakan ditetapkan. Penilaian ini penting bagi memastikan bakat kepimpinan mereka mencukupi untuk mengemudi barisan kepimpinan hadapan JCorp dan syarikat Kumpulan. Bagi memastikan kelangsungan perkembangan dan pembangunan Kumpulan Bakat Kepimpinan ini, pendedahan kepada mobiliti kerjaya telah dilaksanakan melalui proses perpindahan atau pinjaman kepada syarikat Kumpulan bagi memperluaskan pengalaman dan pembangunan diri. Mereka turut diberi keutamaan bagi kenaikan pangkat dan penambahan skop kerja yang lebih mencabar.

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan adalah asas penting bagi kelangsungan sesebuah organisasi. Justeru, sebagai organisasi

yang bermatlamat melahirkan modal insan berjaya dalam aspek kepimpinan dan sahsiah diri, JCorp menerusi Jabatan Pembangunan Sumber Manusia - Akademi serta Jabatan Pembangunan Sumber Manusia - Pendidikan telah melancarkan lapan program berkaitan sehingga 2019.

Antaranya, pelaksanaan *Group Leadership & Management Framework* (LMDF) berdasarkan rangka yang dibangunkan bermula Disember 2016 bagi pembentukan ketua sepanjang pembangunan pekerja di setiap peringkat dan jawatan. Program menerusi konsep LMDF ini di bawah inisiatif *JCorp Education Sponsorship Programme* (JESP), *JCorp Chartered Accountancy Programme* (JCAP), *Basic Management Programme* (BMP), *Self-Transformation Programme* (STP), *JCorp Leadership Programme* (JLP), *Advanced JCorp Leadership Programme* (AJLP) dan *External Senior Leadership Development Programme* (ESLDP).

DIVISYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN



JCAP bertujuan menjana tenaga kerja profesional di bidang perakaunan yang telah menjalani latihan di firma audit. Antara persijilan perakaunan adalah ICAEW, CPA dan Australia MICPA. Seramai 23 pelatih menamatkan latihan 2018-2019 dan proses penempatan pekerjaan dilakukan untuk bidang kewangan, perakaunan dan percukaian. JESP pula adalah inisiatif strategik pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan JCorp dalam pelbagai bidang kritikal pada masa hadapan. Seramai 68 graduan dilahirkan melalui program ini sejak dilancarkan pada 2015-2019. Empat graduan menamatkan pengajian dan berkhidmat dengan Kumpulan JCorp pada 2019.

Program lain yang dilaksanakan ialah *Basic Management Programme (BMP), BMP, STP, JLP, AJLP dan ESLDP*.

HARI TERBUKA DIVISYEN

Bagi mengukuhkan hubungan modal insan yang dilihat penting kepada JCorp dan anggota pekerja, Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan melalui Jabatan Pengurusan Sumber Manusia - Operasi menjalankan pelbagai aktiviti termasuk Program Hari Terbuka yang menjadi platform menyalurkan maklumat terkini berkaitan sumber manusia.

Program ini dianjurkan enam kali setahun yang turut melibatkan kerjasama badan kerajaan dan swasta. Antara kandungan taklimat adalah berkaitan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HCMS); Pelan Peningkatan Prestasi (PIP); Penilaian dan Latihan; Sistem Penilaian Pengurusan Prestasi; Manfaat Kesihatan Anggota Pekerja; serta Kewangan dan Pengurusan Harta.

KAJI SELIDIK TAHAP KEPUASAN ANGGOTA PEKERJA

Pada 2019, JCorp dan syarikat Kumpulan melaksanakan Kaji Selidik Tahap Kepuasan Anggota Pekerja JCorp dengan objektif berikut:

- Mengetahui tahap kepuasan anggota pekerja terhadap polisi JCorp.
- Mengenal pasti aspek yang menyumbang ketidakpuasan anggota pekerja.
- Mengenal pasti aspek yang perlu dipertingkatkan.
- Merangka pelan tindakan bagi meningkatkan tahap kepuasan anggota pekerja.



DIVISYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN

PEDOMAN

Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan bertanggungjawab menganjurkan sesi perhimpunan bersama anggota pekerja JCorp dan syarikat Kumpulan yang dikenali sebagai Majlis Perhimpunan Dialog dan Amanat (PEDOMAN) yang telah dianjurkan secara konsisten sejak 35 tahun lalu. Pada 2019, sesi ini dianjurkan pada awal dan pertengahan tahun. Platform ini untuk menyampaikan maklumat mengenai hala tuju syarikat, perancangan perniagaan, pencapaian tahunan dan maklum balas antara pihak pengurusan tertinggi JCorp dengan anggota pekerja serta syarikat Kumpulan. Pada sesi ini, turut diumumkan kenaikan pangkat anggota pekerja serta pelantikan pengerusi dan pengarah bagi kali pertama dalam syarikat Kumpulan.



PELAN INTERVENSI BUDAYA

Pelan Intervensi Budaya JCorp (CIP) bermula Julai 2018 dan diteruskan pada 2019 dengan objektif mengukuhkan lagi penghayatan Nilai Teras Johor Corporation 2.0 di kalangan anggota pekerja. Tujuan *Value Behaviour Descriptors* (VBD) dihasilkan antara lain untuk dijadikan rujukan bagi definisi setiap nilai teras, selain menyelaraskan kefahaman anggota pekerja terhadap maksud bagi setiap nilai tersebut. Antara aktiviti CIP ialah menganjurkan kempen menerusi bengkel dan pengiklanan kempen selain taklimat serta penilaian prestasi.



DIVISYEN KEMAJUAN ICT KUMPULAN

CIO CIRCLE

CIO CIRCLE JOHOR CORPORATION 2019 DENGAN TEMA 'CYBER RESILIENCE & INCIDENT RESPONSE' ADALAH PERSIDANGAN KESELAMATAN SIBER YANG BERLANGSUNG DI PERSADA JOHOR PADA 23 OKTOBER 2019 SUSULAN JOHOR CORPORATION (JCORP) DIAMANAHKAN MENERAJUI INISIATIF KESELAMATAN SIBER DI JOHOR.

Matlamat utama persidangan ialah mempromosikan kesedaran keselamatan siber dan memupuk amalan terbaik keselamatan siber dalam Kumpulan JCorp. Sempena persidangan itu, satu memorandum perjanjian turut ditandatangani bersama Cyber Security Malaysia (CSM) merangkumi inisiatif keselamatan siber anjuran CSM. Inisiatif itu menekankan pembangunan kemahiran teknikal bagi pasukan *Johor Corporation Computer Emergency Response (JCERT)* selari dengan usaha JCorp menjadi ahli *Forum on Incident Response and Security Team (FIRST)* yang diiktiraf seluruh dunia.

HAB DC

JCorp mencapai satu lagi kejayaan digital dengan pelancaran pusat data yang mematuhi standard pusat data bertaraf *Tier III* dinamakan Hab DC di Menara JLand yang bertaraf MSC. Hab ini berupaya menyediakan perkhidmatan berkaitan pusat data kepada perniagaan

di Menara JLand, Menara KOMTAR serta kawasan Johor Bahru dan sekitarnya. Ia dikendalikan pasukan Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan JCorp dan menawarkan perkhidmatan pusat data seperti 'co-location', sambungan internet berkelajuan tinggi selain perkhidmatan terurus termasuk sokongan ICT dan pemulihan bencana IT (*IT disaster recovery - ITDR*).



DIVISYEN KEMAJUAN ICT KUMPULAN



PEMULIHAN BENCANA IT

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi memastikan kesinambungan bisnes dan operasi JCorp, Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan telah menyiapkan projek ITDR - satu inisiatif strategik dalam Pelan Induk ICT 2017-2022. Projek ini bertujuan menghapuskan satu titik kegagalan

(*single point of failure*) dalam infrastruktur ICT JCorp sekali gus mengelakkan potensi kerugian atau ketidakoperasian jika berlaku bencana atau krisis. Ia juga untuk memastikan proses pemulihan perkhidmatan ICT yang pantas, berkesan serta terancang dan dilaksanakan dalam memulihkan semula operasi selepas sesuatu bencana atau krisis. ITDR merangkumi aplikasi kritikal dan aplikasi operasi di JCorp yang merupakan kunci kepada jaminan dan keyakinan bisnes terhadap kesinambungan operasinya walaupun pada masa yang mencabar.

ANALISIS DATA

Dalam mengambil peluang kekayaan ilmu pengetahuan organisasi dalam Kumpulan, JCorp gigih untuk memperkukuhkan keupayaan 'Platform Data Analytics' yang dibina sendiri sejak 2018. Usaha ini dengan kolaborasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya mempertingkatkan keupayaan platform data itu dengan menggabungkan analisis dan trend bisnes utama JCorp, selain analisis media sosial dan sentimen berkaitan syarikat Kumpulan JCorp. Ia mampu memberi pandangan meluas dan mendalam terhadap analisis data yang dilakukan selain memberi fokus dalam membuat keputusan yang cekap dan inklusif oleh pengurusan JCorp.

JCORP WIFI

JCorp WiFi adalah sambungan internet berkelajuan tinggi percuma menghubungkan bisnes dan rakyat Johor. Penambahan *hotspot* terbaharu adalah dengan adanya liputan perkhidmatan di pusat beli-belah KOMTAR Johor Bahru City Centre. *Hotspot* ini membawa kepada jumlah keseluruhan titik akses (AP) di seluruh Johor lebih daripada

AP SELURUH JOHOR

800 ap

LOKASI

300

PENGGUNA DAPAT MANFAAT

300,000 pengguna

800 AP meliputi lebih 300 lokasi. Tahun 2020 akan menyaksikan pertambahan AP selanjutnya kepada masyarakat Johor di mana usaha sedang dicadangkan dalam perancangan untuk mengembangkan liputan ke B5 Johor Street Market, Tampoi dan Riverside Park di Bandar Dato 'Onn.

APLIKASI SUKMA 2020

JCorp diberi mandat dan amanah oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan Perkampungan Atlet dan Pengagihan Makanan Atlet bagi SUKMA Johor 2020 yang dijadualkan berlangsung pada Julai 2020. Bagi membawa karnival sukan dwitahunan ini ke tahap lebih tinggi dan berteraskan digital, Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan mengambil inisiatif membangunkan platform aplikasi mudah alih untuk menguruskan semua fungsi utama sukan itu kelak. Aplikasi itu bakal digunakan oleh atlet, pegawai sukan, sekretariat kejohanan serta pekerja pembekal perkhidmatan seperti penyelia sajian dan pengurus pasukan negeri. Pendigitalan operasi SUKMA diterima dan dipuji pihak berkuasa sukan negeri secara positif sekali gus membuktikan kesungguhan dan keupayaan JCorp dalam usaha pendigitalan seluruh organisasinya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



Sebagai sebuah Perbadanan Kerajaan Negeri Johor, Johor Corporation (JCorp) adalah tertakluk kepada undang-undang tubuhnya iaitu Enakmen Perbadanan Johor No.4/1968 dan Pindaan; Enakmen No.5/1995, Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

JCorp sentiasa mendukung saranan dan inisiatif Kerajaan Persekutuan terutamanya berkaitan perihal tadbir urus. JCorp juga memastikan hal ehwal pentadbiran dan operasinya sentiasa mengikut prinsip tadbir urus yang terbaik dan percaya bahawa rangka kerja tadbir urus yang mantap akan menyumbang kepada peningkatan akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kemampuan sesebuah syarikat.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah JCorp dibantu oleh tiga (3) Jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah, Jemaah Lembaga Tawaran & Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak lima (5) kali. Berikut merupakan senarai Lembaga Pengarah JCorp:

No	Nama	Jawatan	Pengarah (Bebas/ Bukan Bebas)	Tarikh Dilantik
1	YAB Dato' Haji Osman Bin Haji Sopian (Mantan)	Menteri Besar Johor / Pengerusi Johor Corporation	Pengarah Bukan Bebas	12/5/2018
				- 13/4/2019
	Dato' Dr Sahrudin Bin Haji Jamal		Pengarah Bukan Bebas	14/4/2019
2	YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	Timbalan Pengerusi, Johor Corporation	Pengarah Bebas	1/11/2017
				- 31/9/2019
	YBhg Tan Sri Dr Ismail Bin Haji Bakar		Pengarah Bukan Bebas	1/10/2017
3	Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation	Pengarah Bukan Bebas	1/1/2017
				- 31/12/2019
4	Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Bin Rohani	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	1/1/2017
5	YB Dato' Ishak Bin Sahari	Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	1/1/ 2014
				- 31/12/2019
6	Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin	Pegawai Kewangan Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	20/10/2017
7	YBhg Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Polisi), Kementerian Kewangan	Pengarah Bukan Bebas	11/3/2019
				- 14/11/2019
8	YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	Pengarah Bukan Bebas	1/3/2018
9	YBhg Datuk Dr Hafsa Binti Hashim	Lembaga Pengarah, Johor Corporation	Pengarah Bebas	1/12/2017
10	YBhg Datuk Ibrahim Bin Ahmad	Lembaga Pengarah, Johor Corporation	Pengarah Bebas	1/9/2017
11	YB Datuk Dr Shahrudin Bin Md Salleh	Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan	Pengarah Bebas	15/6/2018

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JOHOR CORPORATION


JCorp menyokong tadbir urus korporat yang terbaik di setiap Syarikat di dalam Kumpulan terutama di empat (4) entitinya yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia iaitu KPJ Healthcare Berhad, E.A Technique (M) Berhad, Al-Aqar Healthcare REIT dan Al-Salām REIT. Empat syarikat tersenarai ini juga turut mematuhi keperluan berkanun, amalan terbaik dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia dan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat. Entiti-entiti ini juga turut mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit masing-masing.

KOMPONEN TADBIR URUS DI JOHOR CORPORATION

Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes adalah Divisyen yang membantu dalam menggerakkan tadbir urus di JCorp. Objektif Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes adalah seperti berikut:

- Untuk berkhidmat bebas daripada fungsi sentinel Kumpulan JCorp yang menambah nilai kepada operasi;
- Untuk menyokong penambahbaikan yang berterusan dalam kitaran hayat aset, pengurusan projek dan kontrak dalam Kumpulan JCorp;
- Mengawasi dan memberi nasihat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan etika dan pengurusan serta operasi integriti;
- Untuk memangkin Misi Kesenambungan Bisnes Kumpulan JCorp; dan
- Untuk menyokong rangka kerja tadbir urus yang mencukupi, mekanisme dan pelaksanaan bagi operasi Kumpulan JCorp dalam bidang utama seperti berikut:
 - Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan;
 - Pengurusan Perolehan;
 - Pengurusan Sumber Manusia;
 - Pengurusan Aset;
 - Pengurusan Risiko; dan
 - Pengurusan Kewangan.

Terdapat beberapa komponen yang diletakkan di bawah Divisyen ini dan setiap komponen ini memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan tadbir urus di JCorp. Komponen-komponen di bawah Divisyen ini adalah seperti berikut:



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



AKTIVITI DAN PROGRAM TADBIR URUS DI JOHOR CORPORATION

Sepanjang 2019, pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan oleh Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes bagi mengukuhkan dan menambah baik tadbir urus di JCorp. Di antara aktiviti dan program yang dijalankan adalah Pensijilan ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management Systems (ABMS)* yang telah diadakan dari April hingga Oktober 2019. Pensijilan ini bertujuan untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah dan risiko integriti di JCorp yang melibatkan semua anggota pekerja JCorp. Selain itu, pensijilan ini turut mempromosikan budaya Integriti dan Nilai Teras JCorp 2.0.

Bagi menggalakkan tadbir urus korporat yang lebih baik selain mengambil langkah proaktif dalam mencegah rasuah, satu forum yang bertajuk *Forum on Corporate Liability: Awareness & Prevention* telah berlangsung pada 30 April 2019. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan aktiviti bisnes dan komersial yang dijalankan bebas dari rasuah selain memastikan langkah yang diambil oleh syarikat adalah mencukupi untuk mencegah rasuah.

Selain itu, nilai teras Inovasi juga dititikberatkan di JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan. Menerusi Jabatan Pengurusan Kesianambungan Bisnes, JCorp juga telah mengadakan *JCorp Innovation Leadership Circle (JILC)* sebanyak dua kali iaitu pada 7 Mei 2019 dan 1 Oktober 2019 yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan inovasi pengurusan atasan JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan. JILC ini juga menjadi platform untuk membincangkan cadangan, isu dan cabaran yang berkaitan dengan inovasi di samping menggalakkan perbincangan secara terbuka di kalangan pengurusan atasan JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan.

Penguatan Nilai Teras 2.0, Integriti dan Berpasukan turut dapat dilihat di dalam penganjuran program *Governance Awareness Day* yang telah berlangsung pada 3 Oktober 2019. Program ini telah dihadiri oleh semua anggota pekerja JCorp dan pengurusan Syarikat di dalam Kumpulan. Objektif program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan anggota pekerja JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan berkaitan elemen tadbir urus korporat, urus tadbir insani (human governance) dan nilai integriti melalui sesi ceramah dan perkongsian pengalaman oleh penceramah berpengalaman luas di dalam bidang tadbir urus. Program ini juga membuka peluang kepada anggota pekerja JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan untuk lebih mengenali dan memahami fungsi Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes JCorp melalui sesi khas ceramah berkaitan fungsi divisyen oleh Ketua-Ketua Jabatan serta kaunter khas yang memaparkan maklumat berkaitan jabatan-jabatan di dalam Divisyen.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 94.

PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah boleh dirujuk di dalam Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah pada muka 102.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN ADALAH ASPEK PENTING DALAM TADBIR URUS, PENGURUSAN DAN OPERASI SYARIKAT. PENGURUSAN RISIKO MEMBERI TUMPUAN KEPADA MENGENAL PASTI ANCAMAN DAN PELUANG SEMENTARA KAWALAN DALAMAN MEMBANTU MENCEGAH ANCAMAN DAN MEMANFAATKAN PELUANG. PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN YANG EFEKTIF DAPAT MEMBANTU PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN MENGAMBIL KIRA TAHAP RISIKO YANG INGIN DIAMBIL DAN MELAKSANAKAN KAWALAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF SYARIKAT DENGAN BERKESAN.

TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI JOHOR CORPORATION

Lembaga Pengarah komited untuk mewujudkan dan mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, berkesan dan cekap untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman direka untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai, mengawal dan memantau risiko Kumpulan supaya sentiasa dalam toleransi risiko yang boleh diterima.

Lembaga Pengarah menganggap pengurusan risiko sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan. Justeru, Lembaga Pengarah jelas memikul tanggungjawab untuk mengenal pasti risiko utama dan memastikan sistem yang dinamik dilaksanakan dalam mengurus risiko pada tahap yang boleh diterima.

JABATAN PENGURUSAN RISIKO KUMPULAN (JPRK) JOHOR CORPORATION

JPRK adalah jabatan di dalam Divisyen Tadbir Urus dan Bisnes Ekosistem yang bertanggungjawab untuk menguruskan risiko yang terdedah kepada JCorp dan sekali gus melindungi kepentingan JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan.

Tugas dan Tanggungjawab JPRK adalah seperti berikut:

- Untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai dan merawat risiko yang terdedah kepada JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan dengan cara yang terancang dan diselaraskan dengan kos yang minimum;
- Untuk mempromosikan budaya kesedaran risiko bagi menggalakkan semua anggota pekerja untuk sama-sama mengambil bahagian dalam menguruskan risiko dan peluang dengan kos yang efektif.

PROSES PENGURUSAN RISIKO KUMPULAN

Di peringkat Kumpulan, risiko yang wujud dari operasi perniagaan diuruskan secara berterusan. Risiko yang telah dikenal pasti didaftarkan ke dalam Daftar Risiko dan dinilai sebagai 'severe, major, significant, minor atau trivial'. Proses penarafan risiko ditentukan oleh matriks kebarangkalian risiko dan impak sekiranya risiko tersebut berlaku, termasuk impak kewangan dan bukan kewangan dipertimbangkan sewajarnya. Seterusnya, pemilik risiko tersebut akan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko ke arah mencapai risiko 'residual' yang berada pada tahap toleransi yang boleh diterima.

Laporan kemajuan mengenai langkah-langkah mitigasi akan dilaporkan setiap suku tahun oleh pemilik risiko untuk perbincangan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes (GGBEC). Kecukupan dan keberkesanan langkah-langkah mitigasi akan dinilai dan dipertingkatkan jika perlu. Laporan yang telah dikemas kini daripada GGBEC akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC) untuk dibincang secara strategik. Langkah-langkah mitigasi akan diperhalusi untuk memastikan pelan tindakan berada pada landasan yang betul. Pendekatan ini mewujudkan sistem pengurusan risiko yang teguh, mampan dan bertindak balas kepada perubahan persekitaran perniagaan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

INSIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Berikut adalah inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan pada tahun 2019 iaitu:



JAWATANKUASA TADBIR URUS & EKOSISTEM BISNES KUMPULAN ('GGBEC')

Penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan telah diluluskan pada 28 Julai 2017, selaras dengan resolusi mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-34. Jawatankuasa ini adalah untuk memperkukuhkan dan meningkatkan lagi pengurusan institusi, operasi dan ekosistem perniagaan JCorp dan Syarikat di dalam Kumpulan.

Objektif Penubuhan GGBEC

- Menyokong fungsi Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC) sebagai institusi yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berhubung semakan dan imbalan serta memangkin kelancaran pengurusan dan operasi Johor Corporation dan Syarikat di dalam Kumpulan.

Terma Rujukan GGBEC

- Mengkaji dan membincangkan penemuan, kesimpulan dan cadangan berhubung dengan:
 - Aktiviti audit dalaman Kumpulan JCorp serta mencadangkan tindakan yang seterusnya;
 - Risiko utama yang dikenalpasti, kategori risiko, kesan dan mitigasi serta mencadangkan tindakan seterusnya;
 - Peningkatan ke arah amalan tadbir urus korporat dan pengurusan projek yang lebih baik;
 - Keperluan pengawal seliaan utama, dasar dan prosedur institusi.
- Menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urus niaga yang diketengahkan oleh Kumpulan JCorp.
- Segala perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa hendaklah dianggap sebagai sulit;
- Jawatankuasa akan menangani sebarang konflik kepentingan yang timbul; dan
- Prosedur mesyuarat: -
 - Kekerapan - Suku Tahunan
 - Pengerusi - Ketua Divisyen Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Johor Corporation
 - Ahli Jawatankuasa - Ketua Tadbir Urus dalam Kumpulan JCorp (Perniagaan Teras).

Bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2019, GGBEC telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada April, Julai dan September bagi membincangkan dengan lebih terperinci status dan laporan yang berkaitan dengan fungsi Tadbir Urus Kumpulan meliputi audit dalaman, pengurusan risiko, pematuhan, integriti, pemantauan projek dan pengauditan teknikal.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan perancangan, mengenal pasti risiko dan memastikan wujudnya langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalaman The Committee of the *Sponsoring Organisation of the Treadway Commission (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjanan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum belanjanan yang disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan **Balanced Scorecard (BSC)** dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjanan yang telah dibuat.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang disediakan untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum serta keputusan kewangan yang dirancangkan.

Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset daripada kerugian fizikal dan menginsurkannya pada tahap yang wajar.

Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjanan tahunan. Kelulusan bagi perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIA). GIA mengguna pakai perancangan audit berasaskan risiko, satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC) dan memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

JCorp mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIA) dan melapor terus kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC). GIA menerima laporan daripada Jabatan Audit Dalaman bahagian-bahagian untuk tujuan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan (GGBEC) dan seterusnya untuk makluman kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC). GIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

JCorp juga adalah ahli korporat di dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerima pakai piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan pengurusan aktiviti audit dalaman.

Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional dan cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GIA juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya. Ini termasuk program Juruaudit Dalaman Bertauliah (*Certified Internal Auditor*). Terdapat seramai lapan Juruaudit Dalaman Bertauliah yang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN EKOSISTEM BISNES LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah dianggotai oleh tiga ahli dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ibrahim Ahmad, Pengarah Bebas.

Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim Haji Nin adalah Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (JCorp) yang juga Pegawai Kewangan Negeri Johor. Puan Zainah Mustafa pula ialah Ahli Bebas Jawatankuasa dan merupakan Felo *Association of Chartered Certified Accountant (FCCA) United Kingdom*.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Pada tahun 2019, Jawatankuasa telah mengadakan lima (5) kali mesyuarat (termasuk dua (2) mesyuarat khas) sebagaimana berikut:

	TARIKH MESYUARAT				
	26 FEBRUARI	17 MEI	5 JULAI (Mesy. Khas)	27 SEPTEMBER	6 DISEMBER (Mesy. Khas)
YBhg Datuk Ibrahim Ahmad	/	/	/	/	/
YB Dato' Haji A. Rahim Haji Nin	/	/	/	/	/
Puan Zainah Mustafa	/	/	/	/	/

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah membincangkan perkara berkaitan:

Audit Dalaman

- Mengawasi proses audit dalaman di dalam JCorp dan syarikat dalam Kumpulan;
- Meneliti dan mengesahkan perancangan tahunan audit dalaman JCorp dan syarikat dalam Kumpulan;
- Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan jabatan audit dalaman JCorp dan jabatan audit dalaman bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil;
- Memastikan rangka kerja yang komprehensif untuk audit yang dinamik, tadbir urus dan pelaksanaan audit dalaman dan luaran; dan
- Memangkin kepada perhubungan yang baik antara fungsi audit dalaman dan audit luaran JCorp dengan pihak pengurusan dan operasi.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN EKOSISTEM BISNES LEMBAGA PENGARAH

Audit Luaran dan Penyata Kewangan

- Menyemak penyata kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan ke atas:
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang lain;
 - Sebarang perubahan ke atas polisi dan amalan kewangan;
 - Pelarasan-pelarasan utama lanjutan dari kerja audit;
 - Andaian ketekalan.
- Mengadakan pertemuan secara berasingan dengan juruaudit luar;
- Meneliti penemuan-penemuan oleh juruaudit luar dan maklum balas oleh pengurusan;
- Membincangkan masalah atau pemerhatian yang timbul dari kerja-kerja sementara dan akhir audit;
- Mencadangkan untuk pertimbangan dan kelulusan ahli Lembaga Pengarah ke atas Penyata Kewangan JCorp.

Pengurusan Risiko

- Memastikan proses pengurusan risiko adalah menyeluruh dan berterusan; dan
- Meneliti penemuan, kesimpulan dan cadangan penambahbaikan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan JCorp di samping membincangkan risiko utama yang dikenalpasti berdasarkan kategori risiko, kesan serta menilai tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Pematuhan

- Memastikan pengurusan, operasi dan aktiviti perniagaan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan memenuhi keperluan perundangan yang berkaitan, polisi dan prosedur institusi.

Inspektorat

- Meneliti dan membincangkan penemuan, kesimpulan dan cadangan oleh Jabatan Inspektorat dan Pemantauan Projek Kumpulan JCorp serta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek.

Etika dan Integriti

- Mengawasi, meneliti dan memberi nasihat mengenai perkara berkaitan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urus niaga yang diketengahkan/dibangkitkan oleh JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

Pengurusan Kesenambungan Bisnes

- Meneliti, membincangkan dan memberi nasihat pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp yang memberi tumpuan kepada:
 - Pelaksanaan Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat JCorp;
 - Pelaksanaan projek yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat JCorp dan aktiviti/inisiatif berkaitan;
 - Penyediaan ekosistem inovasi yang kondusif;
 - Kemampuan perniagaan; dan
 - Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp.

Pelan Perancangan Strategik

- Sekiranya perlu, menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

Tanggungjawab Lain

- Memangkin komitmen institusi kepada kawalan dalaman yang kuat dan berkesan;
- Penelitian dan pemantauan yang berterusan terhadap polisi berkaitan audit, pengurusan risiko, inspektorat dan pemantauan projek, etika dan integriti, dan pematuhan terhadap keperluan kawal selia, konflik kepentingan, dan pencegahan penipuan (*fraud*);
- Memantau dan meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan;
- Memastikan akses terhadap maklumat yang diperlukan adalah mencukupi untuk tujuan prestasi fungsi dalaman JCorp yang berkesan.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN EKOSISTEM BISNES LEMBAGA PENGARAH

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

- Meneliti laporan mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan (GGBEC) yang diadakan pada 1 April 2019, 18 Julai 2019 dan 20 September 2019;

- Meneliti penyempurnaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp yang dilaksanakan sepanjang 2019 oleh Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes;

- Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan oleh jabatan audit dalaman JCorp dan jabatan audit dalaman bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil;

- Membincangkan penemuan pengawasan projek yang dilaporkan Jabatan Inspektorat dan Pemantauan Projek JCorp beserta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek;

- Membincangkan masalah dan perkara yang timbul ketika audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;

- Membincangkan mengenai Akta dan garis panduan yang perlu dipatuhi Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan serta laporan status pematuhan dan pelan mitigasi;

- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;

- Membincangkan penyempurnaan inisiatif dan aktiviti yang telah dijalankan Unit Integriti Kumpulan sepanjang 2019;

- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka;

- Meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.



Johor Corporation

Level 11, Menara KOMTAR,
Johor Bahru City Centre,
80000 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Tel : (607) 219 2692

Fax : (607) 223 3175

www.jcorp.com.my



johorcorporationofficial

